

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 52**

**Rabu**

**12 Oktober 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 29)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2006 (Halaman 29)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 103)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 12 Oktober 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah kementerian sedar kualiti lulusan universiti tempatan dipersoalkan. Tahap bahasa Inggeris graduan mengecewakan dan *analytical* dan *critical thinking* graduan juga cetek.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, universiti tempatan sentiasa berusaha untuk mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak tentang prestasi lulusan mereka. Universiti menggunakan maklum balas ini bagi menambah baik program-program mereka. Pihak kementerian pula memantau maklum balas dan tindakan yang diambil oleh universiti-universiti ini sebagai salah satu tindakan dalam proses jaminan kualiti program pengajian.

Sungguhpun terdapat perkara yang perlu diberi perhatian, secara keseluruhannya prestasi lulusan universiti tempatan boleh dibanggakan. Ramai lulusan IPT tempatan bukan sahaja sedang memegang jawatan-jawatan penting di sektor awam dan swasta tetapi juga bekerja dan menjawat jawatan penting dalam syarikat-syarikat multinasional di luar negara.

Peningkatan jumlah graduan yang mendapat pekerjaan di sektor perindustrian membuktikan bahawa kualiti kemahiran dan kemampuan yang dimiliki lulusan IPT tempatan makin diyakini. Sebagai contoh, sejumlah 76.2% graduan Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tahun ini mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas menamatkan pengajian berbanding dengan 52% tahun lalu dan 46% pada tahun 2003.

Kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Akademik Universiti Malaysia Sabah mendapati purata 25% lulusan UMS mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian. Selain itu, ramai juga lulusan dari universiti tempatan telah diterima masuk ke program pasca ijazah di universiti-universiti terkemuka di luar negara.

Namun, kementerian tidak pernah berpuas hati dan menetapkan tanda aras yang tinggi sebagai standard yang perlu dicapai universiti tempatan. Contohnya, setiap universiti mestilah memastikan lapan hasil pembelajaran atau *learning outcome* dengan izin, dicapai oleh setiap pelajar semasa mengikuti kursus. Hasil pembelajaran merangkumi:

- (i) penguasaan ilmu yang cukup dalam bidang tertentu;
- (ii) profesionalisme, nilai, sikap dan tingkah laku, etika;
- (iii) kebertanggungjawaban sosial;
- (iv) mempunyai kemahiran teknikal termasuk ICT;
- (v) cekap berkomunikasi dan bekerja dalam pasukan;
- (vi) cekap mengurus maklumat dan berkebolehan belajar sepanjang hayat;
- (vii) dapat berfikir secara kritikal dengan menggunakan pendekatan saintifik; dan
- (viii) mempunyai kemahiran mengurus dan keusahawanan.

Komunikasi dan kecekapan berbahasa Inggeris sangat ditekankan dan universiti dikehendaki menyediakan kursus bahasa Inggeris dengan tahap kecekapan tertentu yang pelajar mesti mencapai sebelum 'bergraduasi'. Universiti juga digalakkan mengadakan aktiviti yang mengukur kemahiran berbahasa Inggeris seperti pertandingan pidato, debat, pencarian maklumat dalam berbahasa Inggeris dan sebagainya. Hasilnya sudah mula kita lihat dengan kejayaan pelajar kita meraih beberapa anugerah pertandingan perbahaasan dan penghargaan kreativiti dan inovasi di peringkat antarabangsa.

Bagi kursus yang berteraskan Sains dan Matematik, universiti tempatan telah pun memulakan kursus dalam bahasa Inggeris. Dari segi berfikiran secara *critical* dan *analytical*, universiti digalakkan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Tugasan yang memerlukan kajian *literature*, kajian akademik, latihan industri, pembelajaran berasaskan masalah atau kes adalah contoh kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memupuk *analytical thinking* dengan izin. Kementerian sangat prihatin dengan keperluan pasaran kerja k-ekonomi. Justeru langkah diambil bagi memastikan lulusan dapat beradaptasi dengan keperluan pasaran. Semoga dengan

langkah yang diambil dalam proses akreditasi dan jaminan kualiti serta persediaan prasarana kewangan dan kemudahan pendidikan lain, dapatlah kita terus melahirkan lulusan yang cemerlang. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menerima hakikat bahawa banyak pegawai terdiri daripada lulusan universiti tempatan. Tetapi ini kelulusan zaman 80-an, awal 70-an dan 60-an. Memang kita menerima hakikat apa yang kita kata sekarang. Jadi tertumpu kepada persoalan yang ada sekarang ini. bahasa Inggeris umpamanya.

Yang Berhormat Dato', kalau kita lihat daripada keputusan yang dibuat oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, negeri ataupun pusat, saya banyak berjumpa dengan dia orang. Perkhidmatan Awam Polis umpamanya baru menghabiskan temu duga mereka, 3,000 pelajar telah ditemu duga. Rata-rata jawapan yang diberi kepada saya bila saya berjumpa dengan ahli ini, mengatakan bahawa, inilah kelemahannya, bahasa Inggeris, *critical thinking* dan *analytical thinking*. Berlandaskan itulah persoalan ini dibangkitkan. Itu yang pertama.

Yang kedua Dato', saya hendak bertanya kenapa kita pilih '*Famous Walton School of the University of Pennsylvania*' ini sebagai mengasaskan *entrepreneur development* di negara kita padahal *entrepreneur development* ini berasaskan di California. Kenapa tidak Stanford, kenapa tidak Berkley, kenapa tidak UCLA, kenapa tidak di universiti-universiti di California, *Southern California University* umpamanya? Tetapi kenapa dia pergi kepada *University of Pennsylvania* yang tidak ada. Saya sudah baca dua, tiga buku karangan Profesor daripada Universiti Walton ini berhubung fasal *business*. Tetapi asasnya *business entrepreneur* bermula di California, bukan di situ.

Jadi saya hendak tanya kenapakah kita pilih Walton University, yang kedua kenapa kita pilih Oxford dan Cambridge sebagai landasan juga untuk *entrepreneurial development* di negeri untuk mengasaskan di universiti-universiti di Malaysia, bahkan apa yang disebutkan tadi di California, Amerikalah *capitalist country* yang mewujudkan *analytical thinking and development* ini.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa sebelum ini memang ada kelemahan yang tertentu bagi pelajar lepasan IPT tempatan menguasai bahasa Inggeris. Oleh sebab itu kementerian telah pun mengambil langkah yang tertentu untuk memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar IPT

tempatan. Ini termasuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar dalam kursus Sains dan Matematik dan Teknikal, dan juga memperbanyakkan kursus-kursus yang membolehkan pelajar kita menguasai bahasa Inggeris. Ini memang usaha-usaha yang berterusan yang sedang diambil untuk memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tempatan.

Tentang apakah sebab kerajaan memilih Universiti Pennsylvania sebagai sebuah universiti yang kita hantar pelajar-pelajar ke situ, adakah itu soalnya Yang Berhormat katakan tadi itu?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan yang dibangkitkan baru saja pagi ini - *Going Big (Ivy) League*. Kita hendak bawa *the models of Walton School di Univesity of Pennsylvania* ke Malaysia mengajar hal-hal *business* ini. Pada hal *business* ini di California bukan di Cambridge, sekurang-kurangnya *Havard Business School* lah.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya, Terima kasih. Ini adalah sesuatu yang terbaru. Saya belum baca lagi surat khabar pada pagi ini, jadi saya tidak dapat jawablah. Itu adalah perkara yang spesifik, saya akan beritahu kemudian. Terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Alhamdulillah, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya balik ke kampung minggu lepas, seorang pelajar datang berjumpa dengan saya hendak pergi temu duga KPLI. Saya tanya, apa kelulusan kamu? Dia lulus *International Banking* di UiTM, minta mohon kerja guru sekolah rendah mengajar Matematik. Saya terpegun.

Soalan tambahan saya ialah seorang graduan lulus *International Banking*, Institut Teknologi Mara - sekarang ini universiti, minta jawatan guru sekolah rendah mengajar Matematik. Saya tanya kenapa? Sudah empat tahun minta kerja di bank, minta kerja di *financial institution* tetapi tidak dapat. Soalan tambahan yang hendak ditanya, apakah kementerian dalam menentukan kursus-kursus di universiti ini, termasuklah 536 universiti swasta yang dijawab oleh menteri semalam tidak memikirkan tentang pasaran kerja negara ini. Main buat sahaja sehingga kita tengok macam Kutub Utara dengan Kutub Selatan saja budak tadi. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Adalah tidak benar mengatakan pihak IPTA apabila mengendalikan sesuatu kursus tidak mengambil kira keperluan pasaran tempatan. Itu adalah tidak benar. Sebenarnya sebelum sesuatu kursus ditawarkan oleh IPTA mereka ada berunding dengan pihak industri terhadap keperluan tenaga yang tetap di pasaran

tempatan sebelum mereka mengemukakan atau menawarkan sesuatu kursus. Maksud saya perundingan sentiasa diadakan di antara pihak IPTA/IPTS dan juga pihak industri.

Tentang pelajar daripada UiTM yang mempelajari *International Banking* dan tidak dapat kerja, ini adalah satu kes spesifik, kita perlu faham apakah sebabnya dia tidak dapat pekerjaan. Mungkin dia lemah di dalam sesuatu aspek yang diperlukan oleh majikan atau mungkin prestasi dalam temu duga adalah tidak memuaskan.

Dari kajian yang pernah dijalankan di kalangan graduan-graduan yang menganggur kita dapati faktor-faktor yang menyebabkan pihak graduan sukar mendapat pekerjaan adalah berbagai-bagai:

- (i) kelemahan dalam bahasa Inggeris;
- (ii) kelemahan dalam berkomunikasi dan berinteraksi;
- (iii) prestasi mereka semasa temu duga; dan
- (iv) ada di kalangan pelajar terlalu meminta pihak majikan dalam temu duga pekerjaan yang pertama.

Itu adalah sebab-sebab tertentu. Pada keseluruhannya graduan UiTM biasanya tidak ada masalah untuk mendapatkan pekerjaan sebab penguasaan bahasa Inggeris di kalangan graduan UiTM memang adalah pada tahap yang memuaskan sebab bahasa Inggeris adalah lingua franca di kalangan graduan UiTM, misalnya di Fakulti Perniagaan dan Perdagangan, bahasa Inggeris sentiasa ditekankan dan dipentingkan, bukan sahaja bahasa Inggeris tetapi bahasa kedua seperti bahasa Cina pun sentiasa dipelajari di UiTM. Itu mungkin satu kes yang spesifik. Terima kasih.

2. **Dato' Yap Pian Hon [ Serdang ]** minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah unit tapak rumah kediaman di kampung-kampung baru (452 buah) yang masih belum diukur untuk menentukan sempadannya mengikut negeri; dan
- (b) apakah sebab kelambatan untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran tersebut dan apakah tindakan dan program yang akan diambil untuk mempercepatkan bagi menyelesaikan masalah pengukuran sempadan tapak rumah kediaman ini.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada rekod Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) terdapat hanya 188 lot tapak rumah kediaman kampung-kampung baru yang masih

dalam tindakan pengukuran dan penyediaan pelan hak milik tanah oleh JUPEM negeri. Lot-lot ini adalah yang telah diterima permohonan ukur daripada Pejabat Tanah Daerah. Pecahan lot-lot tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH LOT
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	50
Negeri Sembilan	38
Pahang	75
Selangor	25

Bagi menjawab bahagian (b) soalan tersebut, keseluruhan lot tapak rumah kediaman kampung-kampung baru yang masih dalam tindakan JUPEM negeri adalah merupakan lot-lot yang baru diterima permohonan ukurnya daripada Pejabat Tanah Daerah. Walau bagaimanapun, JUPEM sentiasa peka dengan keperluan untuk memberikan tumpuan dan keutamaan dalam menyelesaikan ukuran lot-lot kediaman kampung baru tersebut.

Keseluruhan lot tersebut dijangka dapat disiapkan ukuran dan pelan hak milik tanah sebelum akhir tahun 2005 jika sekiranya tiada sebarang masalah yang timbul seperti pertelingkahan sempadan dan urusan pentadbiran yang berkaitan dengan Pejabat Tanah.

Bagi memastikan ukuran lot-lot tapak rumah ini dapat diselesaikan, jabatan telah mengeluarkan arahan khusus kepada JUPEM negeri supaya memberi tumpuan menyelesaikan ukuran dalam masa yang sesingkat mungkin.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih. Soalan tambahan, apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi itu mungkin hanya permohonan daripada Pejabat Tanah yang mengemukakan kepada Jabatan Ukur untuk menjalankan pengukuran, tetapi dikatakan ada tapak-tapak kediaman di kampung-kampung baru masih belum dikemukakan oleh Pejabat Tanah kepada Jabatan Ukur itu, maka itu berapakah jumlah yang sebenarnya berlaku. Hanya rekod itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di Sri Kembangan sahaja lebih daripada 50 lot tapak kediaman masih belum diukur. Ini kerana prosedur yang dijalankan oleh Pejabat Tanah tidak dikemukakan. Apakah sebab Pejabat Tanah tidak mengemukakan permohonan ukur kepada Jabatan Ukur untuk dijalankan aktiviti ini.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya untuk kampung-kampung baru ini, sebenarnya masalah pengukuran ini adalah berkaitan dengan

pemberian semula hak milik kepada mereka kerana telah pun tamat tempoh pajakan. Sekiranya proses mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan setelah diproses barulah dikemukakan kepada Jabatan Ukur untuk menyediakan hak milik berkaitan dengan strata tersebut. Statistik yang saya berikan tadi adalah berkaitan dengan Jabatan Ukur. Biasanya sebarang permohonan kepada Pejabat Tanah ini kita menjangkau lebih kurang masa setahun. Dalam masa setahun kita boleh selesaikan.

Sekiranya ada sebarang masalah spesifik yang dihadapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat maka boleh dikemukakan kepada kementerian dan kita akan selaraskan masalah tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kementerian ya, hantarlah kepada kementerian ya? Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu usaha General Sir Gerald Templer untuk menghapuskan kegiatan komunis maka diwujudkan kampung-kampung baru untuk menempatkan kaum-kaum Cina khususnya ketika itu dalam tahun 50-an sekarang hampir 60 tahun.

Mereka ini sebenarnya bukanlah orang yang kaya. Kebanyakan petani, penoreh getah dan sebagainya dan mereka ini setia kepada negara. Usaha ini membantu membantutkan kegiatan komunis dan dengan sebab itu agak mudah kerajaan ketika itu hendak menghapuskan komunis. Maknanya mereka ini berjasa. Soalannya kenapa sudah 50 tahun lebih tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah tanah-tanah ini, tanah-tanah lot mereka itu. Kebanyakan mereka sudah mati, tinggal anak-anak, jadi masalah kepada anak-anak ini.

Saya harap kerajaan kenanglah jasa-jasa mereka itu untuk menyegerakan, melekaskan dan memberikan keutamaan. Minta maafah Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pergi jauh sangat, negara sudah negara maju tetapi dalam usaha-usaha seperti ini nampaknya kita sudah terkebelakangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah yang sedang dihadapi ialah tidak ada masalah pengeluaran hak milik baru kepada mereka tetapi setelah semua tanah hak milik yang diberikan kepada kampung-kampung baru ini ialah hak milik pajakan. Jadi, masalah yang dibangkitkan dalam masalah ini sebenarnya adalah berkaitan dengan bila tempoh pajakan itu berakhir maka permohonan semula

kena dibuat untuk mendapatkan hak semula. Itulah di mana sebenarnya kita menghadapi masalah.

Kerajaan tidak ada sebarang niat untuk melambat-lambatkan proses ini. Semua hak milik-hak milik semua kampung-kampung baru ini telah selesai. Masalah yang baru wujud ini adalah untuk pemberian semula milik kepada tanah-tanah pajakan yang telah pun tamat tempoh pajakannya.

3. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Perdana Menteri menyatakan menurut pemantauan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berapa peratuskah ekuiti penyertaan suku bangsa Kadazandusun dan juga Dayak dalam sektor korporat negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan Nombor 2 oleh Ahli Yang Berhormat bagi Putatan yang dijadualkan pada 13 Oktober 2005 kerana ia mengenai perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Pada masa ini maklumat pemilikan ekuiti sektor korporat hanya diperolehi mengikut kumpulan etnik utama negara seperti Bumiputera, Cina, India dan lain-lain lagi.

Di samping itu, maklumat yang sama juga boleh diperolehi bagi kumpulan *nomini* dan rakyat asing. Pemilikan oleh etnik minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak kini dikelompokkan dalam kategori bumiputera. Pemilikan oleh kumpulan Bumiputera ini hanya dapat dipecahkan mengikut individu, institusi dan agensi amanah sahaja.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar betapa pentingnya maklumat pemilikan ekuiti oleh etnik minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak seperti Kadazandusun, Bajau, Murut, Iban, Bidayuh dan Melanau. Sehubungan itu, bermula pada tahun 2004, kerja penyeliaan pemilikan ekuiti sektor korporat ini telah mengambil kira keperluan menyediakan maklumat yang berasingan untuk pelbagai etnik minoriti di Sabah dan Sarawak.

Maklumat pemilikan etnik minoriti bumiputera ini dijangka akan dapat dikongsi oleh semua pihak apabila dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan dalam Dewan yang mulia ini pada awal tahun hadapan. Terima kasih.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan tadi oleh Timbalan Menteri. Saya telah bertanya soalan ini berasaskan kepada para 1 dalam dokumen Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang terdapat dalam Bab 4 bertajuk “Membina sebuah masyarakat bersatu padu dan saksama” pada point 4.16 di bawah tajuk “Penyusunan semula ekuiti” pada muka surat 98 dan disebut di sini berbunyi “Perhatian khusus akan diberi untuk meningkatkan ekuiti di kalangan bumiputera Sabah dan Sarawak seperti Kadazandusun, Iban, Bajau, Murut, Bidayuh dan Melanau.

Bagi mencapai sasaran ini, Bumiputera perlu melipatgandakan usaha mereka dalam berbagai-bagai bidang termasuk memanfaatkan peluang wujudnya daripada peningkatan hubungan saling melengkapi dalam *synergy* dalam industri tempatan dengan bakat asing.”

Kemudian dalam Rancangan Malaysia Kelapan dalam dokumen ini, dalam Bab 3 di bawah tajuk “Pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat” pada *point* muka surat 81 di bawah tajuk “Penyusunan semula hak milik dan penyusunan sektor korporat” yang berbunyi “Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan – sudah habis sudah tahun ini, usaha akan terus diambil untuk memperkukuhkan dan meningkatkan penyertaan berkesan dalam sektor korporat serta pemilikan ekuiti dan penyusunan penguasaan ke atas syarikat kepada sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010.

Dalam hubungan ini, tumpuan khusus, saya ulangi - tumpuan khusus akan diberi bagi meningkatkan hak milik ekuiti di kalangan bumiputera di Sabah dan Sarawak seperti Kadazandusun, Iban, Bajau, Murut, Bidayuh, Melanau, bumiputera minoriti dan lain-lain lagi.

Perancang seperti yang lepas sudah habis. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi....

**Seorang Ahli:** All talk no action.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** ... baru menyatakan baru dikenal pasti. Apa sudah jadi sudah lima tahun. Di mana mekanisme untuk melaksanakan perakuan-perakuan dalam dokumen yang tebal ini? Saya ingin tahu selepas ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan apa rancangan kerajaan, bagaimana mekanisme untuk melaksanakan perakuan ini? Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran di atas soalan tambahan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat terperinci mengenai pecahan ekuiti etnik bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak. Kemungkinan apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi betul .....

**Tuan M. Kula Segaran:** Kalau tidak ada boleh ..... *give him a chance to go and bring it .....*

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Itulah sebabnya pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini .....

**Tuan M. Kula Segaran:** Tidak ada jawapan yang khusus untuk memberi .....

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tunggu dahulu.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

**Tuan M. Kula Segaran:** *All talk and no action.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada jawapan Yang Berhormat?

**Tuan M. Kula Segaran:** *Please, macam biasalah.*

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tunggu dahulu. Tunggu dahulu [*Dewan semakin riuh*]

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Seorang Ahli:** Apa, cukuplah apa.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Itulah sebabnya sekarang kita akan memberi pecahan. Pada pemandangan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan kemukakan pecahan ini.

**Puan Chong Eng:** Ai ya!...

**Seorang Ahli:** Pecahan apa?

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Teguran terperinci kita persilakan dari Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa itu nanti. *Let us not jump the gun*, dengan izin. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Memang Yang Berhormat bagi Tuaran telah banyak kali membawa isu ini ke Dewan. Tetapi nampaknya dia cakap kita punya kerajaan buat kerajaan punya. Yang sedihnya ialah Tuaran juga daripada kerajaan.

**Seorang Ahli:** Soalan. Soalan.

**Puan Chong Eng:** Soalnya ialah sampai bilakah Kerajaan Barisan Nasional yang *dominate*, didominasi oleh UMNO ini akan sama-sama menjaga bumiputera minoriti dan bukan bumiputera Melayu sahaja.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** *Don't politicize* Bukit Mertajam *this issue*. *You don't politicize... [Dewan terlalu riuh]*

**Puan Chong Eng:** Saya rasalah. Kita perlu adil kepada semua. Jangan ....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Apa itu. Apa itu, *you* mimpikah apa?

**Puan Chong Eng:** UMNO punya YB dia tidak mahu dengar teguran. Tetapi ini adalah kenyataan...

**Seorang Ahli:** Jangan kasi gaduh.

**Puan Chong Eng:** ....bilakah bumiputera minoriti ini akan mencapai ekuiti 30%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Baik.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut perangkaan dari segi peratusannya, kemungkinan banyak perkara yang boleh kita pertikaikan. Tetapi kita tidak boleh pertikaikan bahawa dari segi *absolute number* dengan izin, ekuiti semua pihak telah meningkat dan untuk suku kaum bumiputera misalnya di Malaysia walau pun ini bukannya dalam soalan utama tadi, soalan asal, jumlah bumiputera di Malaysia lebih kurang 65% tetapi ekuiti yang dimiliki oleh bumiputera di Malaysia cuma 18% lebih.

Macam mana kita mengatakan Barisan Nasional yang dikepalai oleh UMNO ini cuma mementingkan Melayu. *[Disampuk]* Yang kedua, adakah Ahli Yang Berhormat di Dewan ini termasuk pembangkang boleh mengatakan mana-mana etnik kalau dibandingkan sebelum merdeka, sebelum tahun 70-an dan sebelum tahun 80-an, kebajikannya lebih teruk dari sekarang.

**Tuan M. Kula Segaran:** Masyarakat India, masyarakat India.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Mengikut....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Apa India? India itu bumiputerakah?

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Saya pinjam Ronald Reagan punya *statement*.

**Tuan M. Kula Segaran:** Macam mana India punya situasi? Apa you cakap?

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Saya pinjam Ronald Reagan punya *statement*, "*We better off now than we were before*".

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tidak payah, ekuiti ini satu daripada cara kita melihat kekayaan.

**Tuan M. Kula Segaran:** *Worse off?*

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, dia cakap.....

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tetapi kebajikan keseluruhannya adalah penting juga. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat lama cuti, duduklah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Datang sini buat bising, duduklah Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Yang di-Pertua, dia tanya satu soalan, saya jawab.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Dia bukan tanya *youlah!* Dia bukan tanya *you.* *Hey, you* Timbalan Menteriakah?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi peluang saya jawab.

**Tuan M. Kula Segaran:** Bukan saya tidak mahu duduk, itu saya tidak cakap. Perkara ini serius.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi peluang saya jawab? Saya pun boleh jawab.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat bagi Sepang macam BBCLah.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Parti DAP ini, bila dia mahu memperjuangkan bumiputera ini?

**Tuan M. Kula Segaran:** Datang sini banyak cakap, mahu bikin sarkaskah? Duduklah.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Kongsi gelap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk semua. Yang Berhormat pihak menteri menyoal untuk menguatkan lagi jawapan dia. Bukan dia menyoal Yang Berhormat untuk jawab.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Lu siapa? Lu menterikah, DAP?

**Tuan M. Kula Segaran:** *No, no, no, I think dia....*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Hey, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, duduklah.

**Tuan M. Kula Segaran:** Dia berani, dia tanya saya.

**Puan Chong Eng:** Dia cakap tidak betul.

**Tuan M. Kula Segaran:** Dia cakap tidak betul.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** You Timbalan Menteri kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat, duduk, duduk.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Yang di-Pertua, *we must get certain facts right.* Dia tanya mana ada komuniti yang tertinggal sejak 1957? Masyarakat Indialah.

**Puan Chong Eng:** Ha, itu Samy Vellu pun...

**Tuan M. Kula Segaran:** Samy Vellu sudah....

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mengata komuniti yang tertinggal.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya cakap tidak pernah suruh MIC bangun.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Saya pinjam Ronald Reagan punya *statement* semasa di Cambodia, "*Are we better off now then we were before*". Adakah komuniti yang boleh mengatakan, dibandingkan sebelum merdeka ia sekarang lebih teruk daripada dia sebelum merdeka dahulu.

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya, ya, ya.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tidak ada, tidak ada.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak adalah, semua baiklah, semua makan.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tidak ada, tidak ada.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Semua makan enam kali satu hari.

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Menyampuk]*

4. **Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kerajaan mempunyai apa-apa perancangan untuk membina loji *incinerator* di negeri Pulau Pinang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Kawan di atas soalan yang dikemukakan kepada kementerian. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan bercadang untuk membina sebuah loji *incinerator* di Pulau Pinang berdasarkan keperluan loji tersebut bagi mengatasi masalah kekurangan tapak untuk pelupusan sisa pepejal di negeri berkenaan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Persekutuan masih berurusan dengan pihak kerajaan negeri bagi mengenal pasti tapak yang sesuai dan menetapi ciri-ciri kawalan alam sekitar. Apabila tapak tersebut telah dikenal pasti nanti, tindakan seterusnya akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi pihak saya, saya rasa negeri Pulau Pinang hanya sebuah negeri yang kecil sahaja, maka tidak sesuailah diadakan satu *incinerator*. Kalau diadakan *incinerator*, saya rasa *tipping fee* semua akan bertambah dan ini secara tidak langsung akan membebankan rakyat negeri Pulau Pinang. Maka soalan saya, saya haraplah pihak kementerian dapat mengadakan satu perbincangan yang serius dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selepas itu, apa-apa perbincangan, maklumkanlah juga kepada rakyat negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tadi. Disebabkan oleh Pulau Pinang itu kecilah maka kerajaan bercadang untuk mengadakan *incinerator* di Pulau Pinang oleh kerana sisa yang begitu banyak sekali. Untuk makluman Yang Berhormat, sisa kebun, sisa pukal dan sisa binaan semuanya berjumlah 118 tan sehari sekarang ini dilupuskan di tapak pelupusan Jelutung. Sisa domestik dan komersial berjumlah 580 tan sehari dan sisa industri 85 tan sehari dihantar ke stesen pemindahan Batu Maung, diangkut pula menggunakan *budge* untuk dilupuskan di tapak pelupusan di Pulau Burung, di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Keadaan *land constrain* itulah, dengan izin, maka kerajaan bercadang untuk membina *incinerator* di Pulau Pinang. Walau macam mana pun, setakat ini belum ada

lagi keputusan oleh kerana tapak belum lagi dikenal pasti. Insya-Allah, tentu pihak kerajaan akan memaklumkan kepada rakyat apabila keputusan telah dibuat untuk membina *incinerator* itu nanti. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah konsep *incinerator* sebagai salah satu cara melupuskan sampah ini cukup baik dan berkesan di negara kita kerana projek ini mendapat bantahan di Broga, Semenyih dan perkara ini dibawa oleh *public* ke mahkamah. Apakah kedudukan kemas kini perkara ini?

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan Broga, saya tidak bolehlah menjawab apa-apa soalan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ia sedang dalam kes di mahkamah. Oleh yang demikian, ini adalah *sub judice* pada masa ini. Jadi, saya tidak dapat memberikan jawapan.

Tetapi berkenaan dengan sama ada *incinerator* ini sesuai untuk diguna pakai di dalam negara kita, Malaysia, seperti yang saya sebutkan tadi, untuk negeri-negeri yang kecil seperti Pulau Pinang disebabkan *land constrain*, seperti juga di Kuala Lumpur, *land constrain* itu menyebabkan ini adalah satu pilihan tetapi ianya bukan satu-satunya pilihan. Ada lagi cara-cara lain untuk kita melupuskan sisa pepejal ini. Antara lain ialah kita ada cadangan pembinaan kompleks pengurusan sisa pepejal bersepadu. Ini pun kita bercadang untuk buat di Pulau Pinang juga.

Tetapi oleh kerana setakat ini kerajaan Pulau Pinang itu belum lagi mengenal pasti tapaknya, maka ia belum lagi dapat dilaksanakan. Ini akan merangkumi *incinerator*, *composting*, memisahkan sisa-sisa ini untuk mengenal pasti mana yang boleh digunakan semula. Kita juga menggunakan sistem kitar semula dan ada juga cadangan-cadangan untuk mengadakan sistem di mana sisa-sisa organik misalnya, boleh dijadikan baja dan ada juga sisa-sisa yang boleh dijadikan *power*. Jadi, bukan satu sahaja, Yang Berhormat, bukan sahaja sistem *incinerator*, tetapi ada banyak sistem lain lagi yang sedang di dalam kajian. Terima kasih.

5. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk merangka satu dasar ataupun akta penggunaan masjid/surau/madrasah bagi mengelakkan salah guna tempat ibadah berkenaan sehingga berlakunya perpecahan umat Islam yang disebabkan oleh ideologi politik yang berlainan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Muar. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum bercadang untuk menggubal undang-undang khusus berkaitan penggunaan masjid, surau ataupun madrasah kerana peruntukan yang sedia ada sudah memadai.

Oleh kerana masjid berada di bawah bidang kuasa negeri, maka kerajaan melalui agensi-agensi agama negeri bertindak mempertingkatkan lagi usaha untuk memelihara masjid, surau dan madrasah di negara ini melalui enakmen yang sedia ada. Ini termasuklah mengawal dan mencegah institusi-institusi tersebut daripada disalahgunakan oleh mana-mana pihak sekalipun, lebih-lebih lagi apabila melibatkan aktiviti yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan masyarakat.

Pengawasan dan pencegahan ini dibuat melalui pemberian tauliah. Hanya mereka yang mempunyai tauliah sahaja dibenarkan menjalankan aktiviti seperti kelas pengajian, ceramah dan sebagainya, manakala mereka yang didapati melanggar syarat-syarat tauliah berkenaan boleh didakwa dan tauliahnya boleh ditarik balik. Terima kasih.

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Seperti kami di Muar kita ada lebih kurang 30 masjid dan 128 surau, yang mana kita semua tahu surau ini biasanya berada dalam keadaan uzur, daif, masjid ini mungkin berada dalam keadaan elok. Soalan tambahan saya ini, bila kita perhatikan rumah-rumah ibadat agama lain, biasanya dijadikan bukan setakat tempat beribadat tetapi tempat pengembangan ilmu, tempat mengadakan aktiviti kemasyarakatan dan tempat mengadakan aktiviti kebajikan.

Apakah cadangan ataupun perancangan pihak kerajaan untuk kita menjadikan rumah-rumah ibadat, masjid dan surau ini sama fungsinya, bukan setakat untuk beribadat tetapi juga sebagai tempat pengembangan ilmu dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sebegini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya aktif ataupun tidak sesebuah masjid itu bergantung kepada kemampuan ahli jawatankuasa masjid ataupun surau dan juga kemampuan kewangan kepada surau itu sendiri. Kalau kita lihat sebenarnya banyak masjid yang aktif, bukan sahaja setakat

menjadi rumah ibadat, ada juga masjid-masjid, umpamanya masjid di Perlis dan juga di Tikam Batu yang mengadakan kelas tuisyen, kelas komputer, pengajian Fardu Ain, yang mengadakan *nursery*, klinik, riadah dan sebagainya. Apa-apa pun ia bergantung, macam saya sebut tadi pada kemampuan ahli jawatankuasa dan juga kemampuan kewangan bagi surau ataupun masjid berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya menyatakan masjid-masjid ini sepatutnya digunakan juga, selain daripada untuk kita beribadat, digunakan juga untuk kita memberi penjelasan atau penerangan, khususnya berkenaan dengan ilmu-ilmu politik dan sebagainya. *[Disampuk]* Nanti sekejap, tidak habis lagi soalan ini. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat bersetuju di akhir-akhir ini nampaknya Perdana Menteri kita nampak seolah-olah telah menerima hakikat bahawa politik dan agama ini tidak boleh dipisahkan. Dan, konsep *[Membaca sepotong ayat Quran]* patut digunakan sepenuhnya di masjid-masjid. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju, cuma kita membenarkan ceramah-ceramah tertentu. Apabila ceramah itu dipolitikkan dan digunakan untuk memecahbelahkan kaum, memang kita tidak akan benarkan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Seperti kita tahu, masjid ini rumah Tuhan, rumah Allah. Saya ingat sampai masanya sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan, ia mesti ada satu aturan dan peraturan dari segi pengurusan dan juga penjagaan masjid serta aktiviti.

Kita lihat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ahli jawatankuasa masjid ini semua hak ranum-ranum belaka, hak tua sudah. Tidak apalah, hak tua itu ilmunya banyak tetapi hendak kita campur juga dengan yang muda supaya aktiviti masjid itu macam-macam. Kalau belia hendak buat apa pun, boleh buat di masjid. Macam kata tadi, kelas tuisyen dan sebagainya. Jadi, biar masjid itu menjadi tempat tumpuan masyarakat kampung ataupun mukim itu. Tidak kiralah!

Persoalannya, apakah pihak kerajaan – kerana sekarang ini Tok Imam dapat elaun. Tok imam yang dok maki kerajaan pun dapat elaun, Tuan Yang di-Pertua. Tok Imam yang dok naik, yang parti PAS, dia hentam kerajaan pun, kerajaan bagi elaun.

Guru KAFA yang dok hentam kerajaan pun, kerajaan bagi elaun. *[Disampuk]* Yang menentang, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham, faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Elaun menentang. Jadi, tidak ada kerajaan dalam dunia, maki kerajaan, bagi duit, tidak ada. Tetapi Malaysia, alhamdulillah, hak upah maki pun kerajaan bagi duit. *[Ketawa]* Ini kelebihanannya. Jadi, boleh atau tidak kita buat masjid ini tempat himpunan masyarakat. Mungkin juga bukan orang Islam pun dia boleh buat, kalau kita hendak buat aktiviti, syarahan, apa ke, mai masjid.

Lagi satu tentang kebersihan masjid. Apakah pihak kerajaan juga beritahu, hantar Tok Imam ini pergi kursus, Tok Siak ini. Kadang-kadang tengok Tok Siak itu pun 'berlemuih', dengan pakaiannya 'berlemuih', macam mana masjid hendak bersih.

**Tuan Yang di-Pertua:** 'Berlemuih' itu apa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** 'Berlemuih' itu bahasa utara, bahasa Kuala Lumpur, ia kurang *smart*, Tuan Yang di-Pertua. *He doesn't look smart at all.* *[Ketawa]* Dengan izin. Jadi, rumah Tuhan kena bersih. Ini kadang-kadang kita pergi bilik air, Tuan Yang di-Pertua, rasa hendak terkencing pun tidak terkencing dah sebab tidak boleh hendak lepas tengok keadaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, soalan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat supaya pandangan-pandangan saya ini diambil kira, menjadi aturan peraturan untuk mengurus dan mentadbirkan masjid. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Insya-Allah, pandangan-pandangan itu akan kita ambil kira. Bahkan untuk makluman Yang Berhormat bagi Jerai, baru-baru ini pun kita telah meluaskan aktiviti masjid. Misalannya, kita mengadakan Program Pusat Persinggahan untuk bekas-bekas penagih dadah yang diadakan di Pahang dan juga Terengganu.

Jadi, dengan cara ini kita menggalakkan untuk semua pihak, termasuklah mereka yang mempunyai masalah sosial untuk berada di masjid ataupun menjadikan masjid sebagai tumpuan. Bahkan JAKIM dan juga Majlis Agama Islam Negeri mengadakan program dan kursus-kursus pengurusan untuk pegawai-pegawai masjid dan diadakan juga muzakarah dan dari masa ke semasa sentiasa dimaklumkan kepada

ahli jawatankuasa masjid tentang pentingnya dijaga rumah ibadah ini ataupun rumah Tuhan ini tentang kebersihannya.

Tetapi saya tidak menolak kemungkinan ada sebahagian daripadanya yang tidak memelihara kebersihan dan Insya-Allah, dengan adanya PPMD atau Pegawai Pentadbiran dan Penyelarasan Masjid Daerah, kita akan memperingatkan supaya perkara ini dapat dipantau dari masa ke semasa. Terima kasih.

6. **Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan persiapan banjir yang dijangkakan pada hujung tahun 2005 dan nyatakan jumlah, anggaran perbelanjaan yang telah dan akan dibelanjakan dan jumlah keseluruhan dana bencana sepanjang tahun 2005.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat persiapan operasi pemantauan dan amaran banjir, Jabatan Pengairan dan Saliran telah dan sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai, benteng sungai, parit-parit utama dan struktur kawalan banjir dari masa ke semasa sepanjang tahun bagi memastikan aliran air tidak terhalang dan struktur berfungsi seperti mana yang diperlukan.

Penekanan yang khusus juga diberikan kepada kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir. Peralatan stesen hidrologi, iaitu stesen hujan, aras air, siren amaran banjir, papan amaran banjir dan lain-lain termasuk stesen *telemetry* juga disiasat supaya ia dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Program utama yang dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran dalam mengatasi banjir adalah melalui pelaksanaan projek-projek tebatan banjir. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan di bawah program ini dari bulan Januari hingga bulan Ogos 2005 adalah sebanyak RM128.8 juta. Untuk bulan September hingga hujung tahun ini, unjuran perbelanjaan ialah sebanyak RM154.6 juta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan. Kawasan saya ini merupakan satu kawasan sungai yang nombor dua terpanjang di Malaysia selepas Sungai Batang Rajang, iaitu Sungai Kinabatangan. Permasalahan yang saya hadapi daripada RM128.8 juta tidak ada satu sen pun yang dibelanjakan oleh kementerian untuk menampung bagaimana mengatasi masalah banjir di Sungai Kinabatangan. Jadi, apakah kriterianya untuk Kinabatangan supaya mungkin dapat peruntukan yang sama, untuk pencegahan banjir pada masa-masa akan datang? Dan, apakah kementerian

juga memikirkan untuk melaksanakan usaha yang sama di semua kawasan, sebab di sana pun setahun tiga kali kena banjir. Minta pandangan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan melalui peruntukan kerajaan negeri tetapi projek-projek pembangunan sahaja yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi, kita mendapati bahawa melalui projek-projek tebatan banjir yang telah kita lakukan memang kerajaan negeri menghadapi masalah untuk membuat penyelenggaraan dan ini selepas beberapa tahun membawa masalah banjir secara umumnya. Jadi, itulah sebabnya kita telah mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan supaya kerja-kerja penyelenggaraan juga dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di bawah Kerajaan Persekutuan untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini.

Tetapi berkaitan dengan masalah spesifik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan Sungai Kinabatangan ini, saya tidak ada butir berkaitan perkara tersebut. Mungkin saya akan menyiasat dan saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

7. **Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan-tindakan pentadbiran dan perundangan yang sedang dan telah diambil oleh kerajaan bagi membuktikan bahawa kerajaan benar-benar serius menjayakan matlamat menjadikan Malaysia negara bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Parit. Tuan Yang di-Pertua, usaha pembanterasannya jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan merupakan antara fokus dan tumpuan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tekad dan keazamannya untuk memerangi jenayah tersebut secara habis-habisan adalah agenda khusus.

Usaha kerajaan untuk membanteras jenayah rasuah menggunakan strategi serampang tiga mata iaitu:

- (i) strategi unitif dan perundangan yang melibatkan tindakan siasatan dan pendakwaan kes-kes rasuah di mahkamah serta tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai yang didapati melanggar peraturan, tatatertib perkhidmatan awam. Antara akta yang telah

digubal untuk menangani jenayah rasuah ini adalah Akta Pencegahan Rasuah 1997, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001, dan Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah tahun 2002.

- (ii) strategi pencegahan yang meliputi penambah baik dalam amalan sistem, prosedur kerja bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan juga penyelewengan. Strategi ini merupakan, melibatkan aktiviti-aktiviti pendidikan dan penerangan yang dilaksanakan bertujuan untuk menyedarkan anggota perkhidmatan awam mengenai implikasi buruk jenayah rasuah seterusnya dapat memantapkan integriti dalam pelaksanaan tugas. Fokus dan tumpuan aktiviti akan diberikan kepada agensi-agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai dan berisiko tinggi.
- (iii) strategi pentadbiran, di mana beberapa siri arahan dan pekeliling telah dikeluarkan dari masa ke semasa yang bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam jentera pentadbiran kerajaan dan masyarakat keseluruhannya. Contohnya arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri No. 1 tahun 1998 mengenai penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Kod Etika bagi Ahli Parlimen Kerajaan. Ini turut meliputi pengenalan Pelan Integriti Nasional iaitu PIN dengan memberi fokus kepada matlamat pemantapan etika dan membudayakan integriti di kalangan semua pihak dan pewujudan Institut Integriti Malaysia (IMM) akan dapat memastikan usaha mewujudkan *free corrupt society* dengan izin, terlaksana. Komitmen kerajaan dalam isu-isu berkaitan integriti terbukti apabila Jemaah Menteri telah bersetuju dalam penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti yang dianggotai oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen termasuk juga pihak Pembangkang. Terima kasih.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan khususnya yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam membanteras penyelewengan dan rasuah di semua peringkat. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat menghormati pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri yang tersiar di dalam akhbar perdana tempatan, kira-kira antara satu bulan dan dua bulan yang lalu. Saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mengikuti apa *statement* yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun yang mengatakan pada masa ini rasuah dan penyelewengan kuasa itu berlaku berleluasa di berbagai-bagai-bagai peringkat di pentadbiran kerajaan. Jadi pada saya, ini satu *statement* yang harus diperbetulkan oleh pihak kerajaan bagi menjaga imej negara kita. Tetapi sehingga hari ini, tidak ada, belum ada lagi jawapan dari pihak kerajaan yang menafikan *statement* yang dikeluarkan oleh Tun Dr. Mahathir itu. Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah perkara ini tidak diberi penjelasan supaya masyarakat Malaysia termasuk pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di negara kita mendapat keyakinan yang lebih tinggi terhadap pentadbiran dan kerajaan negara kita. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. *Statement* yang dikeluarkan oleh bekas Perdana Menteri itu adalah pandangan beliau dan ini terserah kepada Kerajaan Barisan Nasional sekarang, adakah kita perlu jawab kepada soalan itu, adakah daripada apa yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu betul atau tidak betul tetapi apa yang berlaku pada masa ini kita boleh nampak. Kita telah mengambil strategi untuk membanteras rasuah di seluruh kalangan bukan sahaja di peringkat kerajaan atau sama juga di peringkat *private sectors*, dengan izin. Tetapi kita tidak perlulah, pandangan saya, kalau minta pandangan saya, soalan ke dua tadi, tidak perlulah kita beri jawapan atau alasan kepada bekas Perdana Menteri. Kita ambil apa yang disebutkan oleh bekas Perdana Menteri itu sebagai satu cabaran dan kita akan memperbaiki keadaan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang tertarik dengan cara-cara perundangan, cara pendidikan dan juga cara pentadbiran, memang menarik. Apakah erti sebenarnya negara yang bebas rasuah dan keberkesanan Badan Pencegah Rasuah. Adakah pihak kerajaan akan memantau, sama ada ini berkesan

BPR, kalau tidak berkesan adakah ia akan dirombak semula, mungkin kita jadikan BPR hanya bertanggungjawab kepada Parlimen semata-mata supaya semua Ahli Parlimen dapat memantau keadaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Maksud *corrupt free society*, ini terjemahan, *direct translation* itu tidak ada *corruption*. Semua ok, macam apabila kita kata setingan sifar, *zero squatters*, sama juga apabila kita kata *corrupt free society* kita jadi jadi *society* di mana dari segi antarabangsa kita dapat, on the *international performance* dengan izin, kita dapati negara-negara asing ada kepercayaan dan keyakinan kepada negara kita. Sekarang ini kita masih, kalau kita ikut kajian yang dibuat oleh *Transparency International*, kedudukan kita masih ke 39 daripada 145 buah negara. Ini dengan kadar *score* 5, iaitu *score* 10 adalah di bawah dan paling kurang kadar rasuah manakala *score* 0 adalah negara yang teruk diresapi rasuah. Kita boleh *improve* dengan izin, di peringkat ini.

Apabila kita buat kajian sekarang ini, kenapa masih lagi di letakan di tempat ke 39, walau pun pada satu masa dahulu, ada dua tiga peringkat lebih baik daripada ini. Kita dapati, tindakan-tindakan yang diambil sekarang ini dari pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri itu, ok nampaknya. Kalau ambil kira ini sahaja, mungkin kita sudah mencapai lebih kurang daripada sebelas hingga dua puluh, tetapi masalah kita ialah dari peringkat Kerajaan Tempatan. Yang menurunkan kita punya kadar ini adalah di peringkat Kerajaan Tempatan. Oleh sebab itulah, sekarang ini kita berusaha memperbaiki di peringkat Kerajaan Tempatan.

8. **Datuk Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementeriannya terhadap pegawai atau pegawai-pegawai Unit Pusat Universiti (UPU) yang didapati membocorkan senarai nama pelajar yang gagal masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kepada kolej swasta.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu ini satu kenyataan telah pun dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 10 Ogos tahun ini. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa adalah tidak benar mengenai dakwaan terdapat pegawai Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) yang dahulunya dikenali sebagai UPU (Unit Pusat Universiti) dan pegawai kementerian keseluruhannya membocorkan nama pelajar yang

gagal memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyiasat dakwaan ini. Penyiasatan ini telah dibuat di atas pihak yang terlibat dalam pemrosesan data untuk tujuan kemasukan ke IPTA seperti berikut:

- i) Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pelajaran Malaysia yang masih menjadi hos pengendalian sistem maklumat untuk memproses pemilihan;
- ii) Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Pengajian Tinggi yang menjalinkan kerjasama dengan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pelajaran untuk urusan sistem migrasi; dan
- iii) Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar di PPKP Kementerian Pengajian Tinggi yang menguruskan pentadbiran data permohonan kemasukan ke IPTA.

Bagi memastikan ketelusan, jawatankuasa ini bukan sahaja menyiasat pengendalian data di semua IPTA yang terlibat dalam proses permohonan dan pemilihan kemasukan ke IPTA tetapi juga menyiasat dan meneliti perkara-perkara berikut:

- i) aliran *accountability* semua pihak yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk meluluskan serta menguruskan hal pentadbiran data tersebut;
- ii) menyoal siasat pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan data sama ada di peringkat permohonan ataupun di peringkat akhir pemilihan;
- iii) menerima maklum balas dari beberapa IPTS mengenai kaedah mereka memperoleh data pelajar untuk kemasukan ke IPTS seperti melalui pameran, pendidikan dan kerjaya anjuran pihak swasta dan agensi. Pihak IPTS juga menaja iklan di majalah sekolah dan mendapat sesalinan majalah untuk tujuan promosi dan pemasaran; dan
- iv) beberapa dokumen mengenai aduan yang diserahkan oleh pihak media.

Berasaskan siasatan ini maka disahkan tiada bukti pegawai PPKP dan pegawai kementerian keseluruhannya terlibat dalam membocorkan penjualan senarai pelajar yang gagal memasuki IPTA kepada IPTS. Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memantau dan memastikan keselamatan data terkawal. Sekiranya terdapat penyelewengan maka tindakan undang-undang di bawah Akta Rahsia Rasmi akan diambil terhadap pegawai yang didapati bersalah. Sekian, terima kasih.

**Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]:** Mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri tadi beliau telah menyatakan bahawa dakwaan nama-nama pelajar telah bocor akibat dijual oleh pegawai-pegawai di UPU itu tidak benar. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengemukakan soalan ini berdasarkan dari apa yang terkeluar di dalam satu akhbar kalau tidak silap saya *The New Straits Times* lebih kurang sebulan yang lepas. Soalan saya, kalau dakwaan itu tidak benar adakah kementerian akan mengambil tindakan terhadap surat khabar ini untuk membetulkan persepsi ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kementerian sudah mengeluarkan satu kenyataan dan telah menjelaskan kepada orang awam tentang dakwaan tersebut dan dakwaan tersebut adalah tidak benar. Kementerian tidak bercadang akan mengambil apa-apa tindakan terhadap akhbar tersebut. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya penuntut-penuntut yang memohon untuk masuk ke IPTA ini sebelum mereka menerima apa-apa tawaran ataupun sebelum mereka tahu sama ada mereka diterima atau tidak mereka sudah menerima tawaran dari macam-macam kolej seperti Kolej Legenda, Langkawi, Melaka dan Johor. Kalaulah tidak ada kebocoran macam mana perkara ini masih terjadi. Oleh kerana ini sungguh mengelirukan penuntut-penuntut yang miskin dari luar bandar dari rumah panjang mereka mengatakan inilah tawaran yang sah. Jadi ini macam mana – *how do you explain this?*

*[Dewan riuh]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Sabar, sabar. Dalam siasatan kita juga telah memanggil beberapa IPTS bagaimana mereka memperolehi maklumat daripada pelajar-pelajar dan .....*[Dewan riuh]*. dengarlah. Kita dapati pihak IPTS ada banyak cara untuk memperolehi maklumat tersebut termasuk misalnya mereka sentiasa mengadakan pameran kerjaya dan juga melalui kursus-kursus motivasi dan juga promosi-promosi oleh pihak IPTS dan di mana mereka berpeluang bertemu dengan pelajar-pelajar dan di situ mereka juga

boleh dapat maklumat dari pelajar-pelajar. Jadi itu adalah cara-cara mereka mendapat maklumat pelajar dan saya juga berharap sebagai wakil rakyat kita boleh membantu dalam menerangkan sistem pengambilan pelajar untuk masuk ke IPTA.

Ini pun telah dijelaskan dan sesi taklimat *outreach* sentiasa diadakan kepada semua pihak guru kaunselor di sekolah kepada pelajar dan sebagainya. Saya harap wakil rakyat juga dapat membantu kalau mereka dapat surat tawaran daripada IPTS mereka perlu tunggu terlebih dahulu selepas mendapat keputusan kemasukan ke IPTA baru buat keputusan. Kalau mana-mana pihak yang ingin mengadakan taklimat tentang pengambilan pelajar untuk masuk IPTA kementerian saya sedia mengadakan program *outreach* di kawasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**9. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah kejayaan Dasar Belia Negara yang diperkenalkan oleh kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Dasar Belia Negara merupakan teras ataupun prinsip mengenai pembangunan belia untuk dijadikan garis panduan dalam merancang dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti belia. Dasar Belia Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 18 Disember 1985 dan dilancarkan sempena sambutan Tahun Belia Antarabangsa 1985. Pada tahun 1997 dasar tersebut telah dikaji semula dan beberapa pindaan telah dibuat pada tahun yang sama sekali gus menukarkan namanya kepada Dasar Pembangunan Belia Negara. Dasar ini bermatlamat untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhliah dan jasmaniah; bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pembangunan Belia Negara telah menggariskan beberapa strategi seperti berikut:

- Pembangunan ilmu
- Pembentukan sikap
- Pembangunan kemahiran dan keusahawanan
- Pemupukan gaya hidup sihat

- Kemudahan interaksi sosial
- Perkongsian dalam perhubungan; dan
- Jaringan hubungan antarabangsa.

Dasar ini berkesan jika dilihat dari sudut perancangan dan pelaksanaan program aktiviti belia sama ada oleh agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan mahupun badan bukan kerajaan khususnya Pertubuhan Belia. Setiap perancangan hala tuju serta pengisian program pembangunan belia dipandu oleh Dasar Pembangunan Belia Negara. Namun demikian penerimaan dan guna pakai dasar tersebut belum lagi menyeluruh sama ada di kalangan agensi-agensi kerajaan mahupun dalam sektor swasta. Ramai masih beranggapan bahawa dasar tersebut adalah milik Kementerian Belia dan Sukan serta Pertubuhan-pertubuhan Belia dan oleh yang demikian mereka merasakan tidak perlu untuk menjadikan satu garis panduan penting dalam rancangan aktiviti untuk kumpulan sasar belia.

Kementerian ini perlu menegaskan bahawa Dasar Pembangunan Belia Negara merupakan satu dasar untuk semua pihak dalam hal yang berkaitan pembangunan belia di negara ini. Ini hendaklah diterima pakai oleh semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti untuk golongan belia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen yang telah jawapan yang begitu panjang. Kalau melihat kepada jawapan itu saya rasa semua bersepakat mengatakan bahawa jawapan itu elok tetapi kalau melihat kepada pelaksanaan di peringkat akar umbinya kita rasa kecewa kerana kita dapati bahawa asas yang dikehendaki tadi menyimpang begitu jauh di mana belia-belia kita sekarang ini yang kita kira bahawa mereka adalah modal insan yang paling berharga kepada negara.

Tetapi kita melihat kepada mereka sekarang ini, setengah kalangan mereka kurang akhlakunya, kurang beretika dan kurang bermoral. Ini yang berlaku di peringkat bawahan. Apakah usaha-usaha segera, kalau kita hendak tunggu 20 tahun lagi lama. 2020 habis dah belia kita ini.

**Seorang Ahli:** Mawi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Kita buat Mawi, saya setuju buat Mawi. Bagaimana untuk menyegerakan dasar belia negara ini dipandangkan ataupun dilaksanakan di peringkat akar umbi supaya tidak berlaku lagi apa yang sedang berlaku sekarang ini.

Kita kerugian tenaga insan yang begitu mahal sebenarnya. Setengahnya pergi kepada pusat serenti dan lain-lain kegiatan-kegiatan yang tidak menguntungkan negara. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai program pembinaan akhlak dan program pembangunan untuk mewujudkan belia yang bersahsiah. Sepanjang tahun 2004 antara program pembinaan akhlak yang dilaksanakan adalah seperti Seminar Kepimpinan Belia Islam, Konvensyen Maulidur Rasul, Program Pelayaran KDL Tunas Samudera, Seminar Sehari Israk dan Mikraj, Kursus Kepimpinan Peringkat Daerah dan Negeri dan serta Kursus Kepimpinan Wanita peringkat negeri. Selain program yang dilaksanakan secara tidak berinstitusi, kementerian ini juga melaksanakan program secara berinstitusi melalui institut latihan kepimpinan Belia Port Dickson. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, di bawah pada tahun 2005 ini, sebahagian besar program tersebut tadi akan diteruskan di samping memperkenalkan pelbagai program-program baru.

Program-program berbentuk pembinaan akhlak yang akan diperkenalkan termasuklah seminar penghayatan Islam Hadhari dan Program Khidmat Sosial Negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti yang saya sedia maklum yang saya telah beritahu tadi, program belia dalam Dasar Belia ini tidak diterima pakai oleh semua kementerian. Apabila mereka mengadakan program-program yang mengendalikan belia. So, untuk ini Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang dijalankan supaya Dasar Pembangunan Belia Negara diterima pakai dan diguna oleh semua pihak dalam pelaksanaan program pembangunan belia, termasuk memperkenalkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional pada tahun 2004 ini, pelan ini membincang serta mencadangkan strategi dan pendekatan yang lebih komprehensif ke arah merealisasikan visi dan misi dasar.

Untuk ini saya ingin mengatakan di sini bahawa pada tahun yang akan datang, kementerian akan memberi dasar ini kepada semua kementerian yang membabitkan atau melibatkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan belia, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab pada pagi ini. Setiausaha.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[11 Oktober 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mina Yang Berhormat bagi Bentong untuk menyambung ucapan.

**11.14 pagi.**

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan bajet 2006 pada pagi ini. Kita semua setuju dan faham apa juga dasar yang kita bincang dan luluskan dalam Dewan yang mulia ini dan pada akhirnya adalah menjerumuskan ke matlamat mencapai rakyat berbilang kaum yang bersatu padu. Semenjak merdeka, pemimpin-pemimpin kita telah banyak berusaha...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ya ada apa?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Belum lagi mula Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Ketawa*] Tanya dahulu, tanya dahulu.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Biar saya mula dahulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong, Tuan Yang di-Pertua sekarang kita ada dua hari lagi untuk menyertai perbahasa. Semalam hanya seorang daripada sebelah pembangkang sini, dari Pas ada peluang untuk berucap. Saya tahu ada ramai lagi ahli Yang Berhormat Barisan Nasional masih tidak diberi peluang untuk berucap, saya rasa kita sama ada panjangkan sesi ataupun tambah ahli perbahasan, supaya lebih isu yang ingin dibangkitkan oleh wakil rakyat boleh dibangkitkan di Dewan semasa perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita akan mempercepatkan, sila.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah keputusan Tuan Yang di-Pertua dan saya terpujanglah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka lagi pemimpin-pemimpin kita telah banyak berusaha untuk mencapai perpaduan sejati dalam negara kita dan banyak juga kejayaan yang telah kita capai selama ini. Banyak isu perkauman yang dahulunya pada hari ini sudah tidak lagi dilihat sebagai satu isu perkauman.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Contohnya ada yang tarian Singa apabila kita tidak menjadikan isu perkauman, maka orang Melayu, Cina, India sama-sama kita boleh menjalankan tarian Singa dalam keadaan yang harmoni. Juga seperti pakaian bersarung, baju kurung dan sebagainya, sama-sama kita dapat memastikan bahawa keharmonian kaum kita dapat dicapai dalam tahap yang lebih baik lagi.

Oleh itu, apabila kita lihat negara kita selepas merdeka 48 tahun, memang telah banyak kemajuan kita capai dari segi perpaduan kaum ini. Melalui perpaduan kaum yang kukuh, rakyat telah mencapai dan menikmati kemudahan asas yang lebih baik. Kita tidak ada lagi peristiwa hitam selepas 1969. Ekonomi kita bertambah teguh dari tahun ke tahun dan kita dapat lihat rakyat berbilang kaum dapat berganding bahu, bekerja keras untuk membangunkan ekonomi negara. Kita mempunyai pakatan perkongsian kuasa berbilang kaum yang kuat dan mempunyai parti Barisan Nasional

yang dapat membela nasib rakyat berbilang kaum. Ini adalah satu kelebihan dalam negara kita.

Kita juga mempraktikkan demokrasi yang baik dan sempurna. Kerajaan lebih *transparent* dan mempraktikkan *good governance* mempunyai pemimpin negara yang bertanggungjawab, berwawasan dan sentiasa memastikan semua dasar-dasar dan pelaksanaan dapat dijalankan untuk semua kaum. Kita juga dapat lihat kebebasan akhbar di negara kita adalah lebih menggalakkan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua setelah kita bincangkan banyak kemajuan dan kelebihan yang kita capai selepas 48 tahun merdeka, ada juga kelemahan-kelemahan kita yang masih wujud. Kita masih lagi ada sesetengah pihak berkuasa tidak lagi terbuka untuk menerima kritikan. Ada sesetengah kakitangan kerajaan masih menjalankan diskriminasi kaum. Yang ketiga agama yang memainkan peranan amat rumit dalam politik *frame work* dalam negara kita. Yang keempat ada setengah orang-orang bukan Melayu merasakan....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. bagi 'Parit' bangun.

**Dato' Liow Tiong Lai:** ... ia tidak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas, minta maaf.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya tidak ada masa yang banyak Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa teruskan. Nanti lepas saya olah isu ini, lepas itu kita boleh bincang. Orang bukan Melayu merasakan ia dianaktirikan dan tidak dapat bermain di padang yang sama rata.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya sebenarnya Malaysia adalah pada tahap yang lebih baik berbanding dengan negara-negara lain yang merdeka pada masa yang sama seperti negara kita. Seperti Lebanon, Sri Lanka, Ghana. Saya baru menghadiri CPA *meeting* di Fiji dan kita dapat lihat negara-negara seperti Ghana masih lagi mempunyai paras kemiskinan rakyat yang begitu tinggi sekali, lebih kurang 50%. Pada hari ini Malaysia paras kemiskinan kita telah turun ke tahap 0.5%.

Oleh itu, kita bersyukur bahawa dalam negara kita, kita rakyat Malaysia hidup berbilang kaum walaupun ada lagi sedikit masalah tetapi kita dapat menumpukan

perhatian kita dalam usaha mewujudkan perpaduan yang sejati dan kita sama-sama dapat memastikan bahawa *blue print* dasar yang telah digariskan pada tahun 1991 dapat diteruskan iaitu Wawasan 2020.

Dalam Wawasan 2020 kita ingin melihat bahawa satu rakyat Malaysia yang bersatu padu diwujudkan apabila kita mencapai negara maju menjelang tahun 2020. Selepas 15 tahun kita melaksanakan dasar Wawasan 2020 ini, kita lihat kita tinggal 15 tahun lagi. So, dalam 15 tahun yang akan datang ini adalah satu tahun yang amat penting dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi juga meneruskan *blue print* Wawasan 2020 ini dan kita yakin apabila kita dapat teruskan semangat Wawasan 2020 ini kita sama-sama dapat mencapai kemajuan dengan lebih pesat lagi.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perlu buat dalam masa 15 tahun ini Bajet 2006 ini adalah satu bajet yang penting kerana ia adalah kita masuk melangkah ke tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh itu, kita perlu mengatur langkah dengan baik agar sama-sama kita dalam tempoh masa 15 tahun lagi kita dapat mencapai satu tahap perpaduan yang kukuh, kemajuan rakyat Malaysia yang lebih maju dan kita dapat mencapai matlamat yang penting Wawasan 2020.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** [*Bangun*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kalabakan bangun.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, Kalabakan. Sedikit sahaja ya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin ada lebih kurang 50 Ahli-ahli Parlimen yang belum bercakap. Jadi kalau Tuan Yang di-Pertua tidak buat *ruling* berapa minitkah pada hari ini hingga esok mungkin kita tidak selesai. Jadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** .....kita mahu satu *ruling* mengatakan satu Ahli Parlimen berapa minit dibenarkan supaya kita semua dapat berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tengok berapa ramai lagi ingin berucap.

**Seorang Ahli:** Bangun, bangun.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua hendak cakap. Jadi Yang Berhormat yang pertama sekali saya minta Yang Berhormat Bentong cuba pendekkan berbahas.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba ringkaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Yang Berhormat.....

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya akan cepat. Saya terus kepada *point*. Saya tidak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah layan lagi.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....payah mukadimah lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya. Selepas Yang Berhormat Bentong saya akan putus masa untuk Ahli Yang Berhormat berucap. Baik, baik. Silakan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya singkatkan. Saya faham ramai lagi yang hendak berucap. Tapi mukadimah ini penting kerana kita kena faham bahawa apa yang saya hendak olahkan selepas ini adalah penting kerana kita perlu faham bahawa sebagai Ahli-ahli Parlimen dan juga pemimpin kita perlu mempunyai semangat berbilang kaum ini bagaimana kita mahu mencapai hasrat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kecil lagi kita tahu di sekolah bahawa rakyat kita telah pun dididik dan difahamkan rakyat negara kita adalah berbilang kaum dan kita mengakui rakyat Malaysia berbilang kaum, berbilang agama, berbilang bahasa, pelbagai kebudayaan dan boleh dikatakan dengan izin, *literally little intermarriage* dan kita telah berjaya. Walaupun begitu kita telah berjaya bersatu padu tanpa banyak masalah.

Oleh itu, matlamat negara kita sekarang adalah untuk integrasi kaum dan bukan asimilasi dan rakyat kita merasa bangga dan megah dengan negara kita yang ada pada hari ini. Kita dapat hidup dalam keadaan aman damai dan *we are proud to be a nation of many people, a single nation of many people*, dengan izin. Semangat rakyat Malaysia yang berkobar-kobar perlu ditanam di sanubari rakyat. *A sense of belonging*, dengan izin *is a fundamental human yearning*. So, ia akan menarik kita dekat dengan seseorang pertubuhan dan negara dalam membantu kita mengenal pasti tempat kita dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan semangat rakyat Malaysia boleh menguatkan perasaan *sense of belonging* yang saya katakan tadi dan dengan semangat rakyat Malaysia yang berkobar-kobar, jiwa yang besar pasti dapat kita meneruskan perjuangan dalam negara yang tercinta ini. Oleh itu, marilah kita bersama-sama semua pemimpin rakyat berfikir dari sudut pandangan Malaysia dan bukan berpandangan dari sudut perkauman sesuatu bangsa dan kita bertindak dengan lebih jelas dan lantang demi untuk kebaikan berbilang kaum.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menyeru bahawa dalam semua isu dalam negara kita, kita perlu kurangkan isu politiking. *We have to depoliticize a lot of issue* dalam negara yang berbilang kaum ini. Saya berkata demikian kerana apabila kita kurangkan *depoliticize* isu ini maka banyak isu boleh selesai. Contohnya saya ingin perkatakan tadi tarian singa, soal-soal bahasa, kerakyatan, hak-hak istimewa orang Melayu dan banyak lagi yang dahulunya sering dipolitikkan. Apabila kita kurangkan politiking dalam isu-isu ini ianya dengan serta-merta mengurangkan isu-isu penting dalam politik negara ini.

Parti pembangkang dengan tiba-tiba mendapati mereka telah tiada lagi perkara-perkara pokok untuk dijadikan bahan bangkangan dan bagi parti politik pemerintah pula sudah tentu tidak perlu lagi mempertahankan dasar-dasar yang dahulunya sangat merumitkan mereka. Isu-isu ini tidak boleh lagi dijadikan persoalan politik negara. Ini ialah isu-isu yang umumnya melibatkan soal perkauman.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Apabila kita meniadakan isu-isu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....perkauman ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....dari medan politik maka dengan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam bangun.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....sendirinya politiking pun akan lenyap. Dengan lenyapnya politiking maka tenaga pemerintah akan dapat ditumpukan kepada soal-soal perpaduan.....

**Puan Chong Eng:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....dan pembangunan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Dia usik-usik pembangkang.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Lepas ini. Saya belum masuk isu lagi. Saya hanya.....

**Puan Chong Eng:** Jangan *provoke*.

**Tuan M. Kula Segaran:** Dia cakap hal pembangkang. Apa itu hal pembangkang?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya hanya.....

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan, penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Jangan *provoke*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya tidak ada masa.

**Puan Chong Eng:** Kalau tidak mahu beri penjelasan jangan *provoke*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Lepas ini, lepas ini.

*[Dewan menjadi gamat seketika]*

**Tuan M. Kula Segaran:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Chong Eng:** Apa Yang Berhormat buat sekarang ialah.....

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya akan bagi lepas ini.

**Puan Chong Eng:** .....*mempoliticizing*.

**Tuan M. Kula Segaran:** *mempoliticizing*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Tuan M. Kula Segaran:** Bukan, saya hendak tanya. Jangan *provoke*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Oleh itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya hendak tahu, penjelasan. Apa yang dia cakap mengenai pembangkang. *I want to know*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Dia.....

**Tuan M. Kula Segaran:** Kalau dia cakap, dia mesti jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia ada pilihan untuk tidak beri peluang.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan M. Kula Segaran:** Tidak apa, tidak apa. Saya tanya.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....saya ingin.....

**Puan Chong Eng:** Tapi jangan *provoke*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup!

**Tuan M. Kula Segaran:** Jangan *provoke*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya ingin nyatakan di sini.....

**Puan Chong Eng:** Kalau tidak mahu beri penjelasan jangan *provoke*.

**Tuan M. Kula Segaran:** Kalau berani cakap, *reply*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Puan Chong Eng:** Ya, jangan *provoke*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi.....

**Puan Chong Eng:** Jangan *provoke*.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....saya ingin mengajak semua pemimpin-pemimpin, semua ahli parti politik marilah kita bincang isu-isu negara kita dengan objektif *very specific* objektif dengan jelas demi kebaikan semua lapisan masyarakat.

**Puan Chong Eng:** Mahu ada *debate* tak?

**Tuan Tan Kok Wai:** [*Menyampuk*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya mengambil contoh.....

**Puan Chong Eng:** Jemput, jemput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya mengambil contoh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau hendak *debate* boleh bincang di luar.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....beberapa isu.....

**Puan Chong Eng:** Itulah sekarang saya tanya dia. Penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya mengambil contoh beberapa isu.....

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya mengambil contoh beberapa isu yang boleh diselesaikan dengan segera.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh bincang dengan Bentong selepas Dewan ini.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, penjelasan. Minta penjelasan Bentong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya masuk isu baru bincanglah!

**Puan Chong Eng:** Sekarang.....

**Dato' Liow Tiong Lai:** *I will go to the issue, I will go to the issue.*

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya akan masuk isu lepas itu kita boleh bincang.

**Puan Chong Eng:** Bolehkah?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya akan bagi, saya akan bagi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bukit Mertajam, 'luluklah, luluk!'

**Dato' Liow Tiong Lai:** Okey Bukit Mertajam, saya akan bagi.

**Beberapa Ahli:** Duduk! Duduk! Duduk!

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya dah katakan tadi bahawa kita perlu membincangkan isu negara kita dengan penuh kematangan dan bukannya beremosi.

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Dato' Liow Tiong Lai:** Oleh itu saya mengambil contoh beberapa isu yang boleh diselesaikan dengan cepat tanpa kita mempolitikkan isu-isu ini. Contohnya peruntukan untuk pembangunan sekolah jenis kebangsaan Cina. Saya rasa memang isu pendidikan bahasa Cina dalam negara kita sekarang bukan lagi satu isu politik. Ini adalah isu pendidikan. Isu pendidikan adalah satu isu yang penting kerana ia akan memartabatkan rakyat negara kita. Ia akan memastikan rakyat kita dapat maju bersaing di peringkat antarabangsa. Oleh itu saya hendak katakan di sini pendidikan bahasa Cina.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Beri jalanlah, beri jalan.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....di negara hari ini bukan lagi untuk.....

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** .....mempromosikan pembelajaran bahasa ibunda.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Malah ia merupakan satu pendidikan untuk meningkatkan kompetitif persaingan rakyat negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong sudah kata selepas dia .....

**Puan Chong Eng:** Sudah masuk .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**....berikan hujah-hujah.....

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Saya baru nak masuk isu.

**Puan Chong Eng:** Sudah panjang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong nak beri jalankah?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru nak masuk isu yang saya nak bincangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hah, dia baru hendak masuk.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Dah masuk lama, dah masuk dalam.

**Puan Chong Eng:** Sudah cakap isulah.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Selepas isu ini, saya boleh berikan.

**Puan Chong Eng:** Saya nak sokong bahawa ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggulah, tunggulah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Saya nak sokong bahawa pendidikan Cina memang memalukan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia sudah masuk dalam isu.

**Puan Chong Eng:** Tak sepatutnya dilihat sebagai satu isu politik, itu saya mahu sokong. Hah, itu saya mahu sokong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya lah.

*[Dewan gamat]*

**Puan Chong Eng:** Jadi bolehkah? Beri peluang satu minit. Satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Puan Chong Eng:** Satu minit, satu minit.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Okey, okey, okey. Satu soalan.

**Puan Chong Eng:** Ya, sangat terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Bentong bahawa kami pihak DAP memang selalunya mengatakan isu pendidikan mesti dilihat sebagai isu pendidikan dan tak boleh dipolitikkan. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat bagi Bentong mengapa untuk menggunakan bahasa Inggeris mengajar, *Math's and Science* di SRJK(C) pada tahun depan, formulanya masih belum keluar. Dan, mengapa MCA mengatakan bahawa tidak mampu dan bukan masanya untuk meminta kerajaan untuk menambah SRJK(C)? Inikah dilihat dari segi politik atau dari segi pendidikan?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memang saya nak masuk ke sana, belum lagi saya bincang isu, *you* dah bangkitkan semua ini. Memang isu ini saya rasa tidak perlu dipolitikkan sejak saya katakan tadi bahawa Barisan Nasional dan juga MCA telah pun mengambil langkah-langkah untuk

memastikan bahawa pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di SRJK(C) juga dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Saya rasa, saya akan masuk ke dalam isu ini selepas ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya ingin menyatakan di sini, saya tidak tahu sejak bila Kementerian Pelajaran mengagihkan peruntukan kepada SRJK(C) mengikut aliran bantuan penuh dan juga bantuan modal. Ini kerana sejak merdeka 48 tahun yang lalu, SRJK(C) sudah menjadi sebahagian dari sistem pelajaran negara dan telah melahirkan ramai rakyat yang dapat banyak menyumbang kepada pembangunan negara.

Saya juga salah seorang daripada anak didik sistem sekolah SRJK(C). Oleh itu, saya berharap pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dapat memastikan bahawa pengagihan peruntukan kepada SRJK(C), terutamanya kepada sekolah-sekolah bantuan modal dan bantuan penuh dapat dipertingkatkan dan juga jangan kita asingkan lagi SRJK(C) bantuan modal dan juga bantuan penuh.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Sokong, sokong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya rasa SRJK(C) bantuan modal dan termasuk SRJK(T) bantuan modal dan bantuan penuh.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Lepas ini, lepas ni. Saya kata demikian kerana SRJK(C) bantuan modal dan bantuan penuh ini diwujudkan oleh sistem pemerintahan Inggeris.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam degil, saya lagi degil daripada dia. *[Ketawa]* Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Bentong. Yang Berhormat saya ingin penjelasan, benda ini lama kita telah bentangkan. Saya nak tanya secara ikhlas dengan Yang Berhormat bagi Bentong ini, masalah bantuan modal, bantuan penuh sudah lama diperkatakan.

Baru-baru ini RM10 juta diberi kepada sekolah-sekolah bantuan modal termasuk sekolah SJK(T), SJK(C), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan juga sekolah-sekolah mubaligh. Tapi saya rasa RM10 juta ini bila diagihkan kepada sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan bantuan begitu kecil sekali dan permasalahan itu tidak boleh diatasi dengan hanya bantuan RM10 juta. Baik, saya telah berbincang dengan pihak

Kementerian Pendidikan dan ada hasrat untuk bantu, soalnya adalah masalah duit, wang. So bagaimanakah masalah wang ini dapat kita atasi sekiranya ....

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Jangan ganggu saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah Yang Berhormat, jangan ganggu dia.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah selalu ganggu saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selalu ganggu, ya?  
*[Ketawa]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia minat dengan saya, di luar Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yalah, kalau nak ganggu, ganggu di luar.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Hah, jangan ganggu di dalam Dewan. So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bentong, bagaimanakah masalah ini dapat diatasi sekiranya peruntukan wang itu tak ada. Bila kita tanya Kementerian, Kementerian kata tak ada duit, hasrat ada tapi tak ada duit. Minta penjelasan bagaimana benda ini dapat diatasi walaupun kita berbincang tapi benda ini tak boleh diatasi sekiranya tiada peruntukan kewangan, wang segala-galanya! Minta penjelasan?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands, saya rasa isu peruntukan untuk SJK(C) dan SJK(T) ini saya rasa perlu bermula daripada bajet, daripada peruntukan yang diberi dalam bajet ini. Sebab itu kita bincangkan bajet ini dengan teliti dan peruntukan RM10 juta yang diberi baru-baru ini, saya rasa jangan kita salah tafsir. Peruntukan RM10 juta itu hanya untuk membaiki ataupun itu peruntukan kecemasan untuk membaiki sekolah-sekolah yang amat dalam keadaan yang teruk akibat keselamatan sekolah-sekolah itu. Saya rasa peruntukan keseluruhan untuk SJK(C), SJK(T) bukan sekadar RM10 juta, ia lebih daripada itu.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Dan, kita minta Menterilah memberi penjelasan yang lebih teliti berhubung perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya boleh, Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bentong. Sudah banyak kali, berulang-ulang kali, setiap kali ada kesempatan perkara berkenaan peruntukan bantuan untuk sekolah SRJ(C) dan juga SRJK(T), masalah mereka hadapi selalu dibangkitkan. Saya nak tanya apakah masalah yang timbul di dalam Barisan Nasional. MCA ada Menteri, ada Timbalan Menteri, Timbalan Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, apa masalah dalam Barisan Nasional sehingga MCA setiap kali juga perlu bangkit dalam Dewan merayulah, memintalah, saya memohonlah, sehingga saya ..... *[Disampuk]*

Setengah Ahli MCA dalam Dewan ini, yang kali pertama masuk Dewan ini sudah beritahu, saya pun sudah sangat kesal tiap kali bangkit pun tak ada tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Sehingga tiap kali ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Saya dah faham soalan dia, Tuan Yang di-Pertua.

**Cik Fong Po Kuan:** Tiap kali kata hendak ambil perhatian, saya nak tanya apakah ada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**.. Kata Yang Berhormat bagi Bentong dia tidak kasi.

**Cik Fong Po Kuan:** Soalan, soalan. Apakah ada perkongsian kuasa yang tidak setaraf di dalam Barisan Nasional? *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia faham, Yang Berhormat bagi Bentong faham.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya dah katakan dari awal tadi, DAP janganlah mempolitikkan, "*jangan meneguk air di air yang keruh*", ini selalunya taktik politik DAP.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mempolitikkan apa?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Kita berusaha dan setiap Ahli Parlimen di sini memperjuangkan untuk mendapatkan peruntukan yang lebih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, di sana you ada Menteri, MCA, MIC ada Menteri, tak akan di sana tak diperjuangkan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Untuk pembangunan pendidikan dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tanggungjawab Yang Berhormat bagi Bentong, di sini dia nak berucap, biar dia berucap.

**Tuan M. Kula Segaran:** *No, this is a show, this is a show. This is not a show, this is an acting place.*

**Puan Chong Eng:** *Yes, that's right.*

**Tuan M. Kula Segaran:** *You must know very clear, raise Indian equity we will close shop.*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Itu kenyataan tak betul, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Itu niat yang jahat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Mana *show*? Ini isu seriuslah. Mana ada *show*?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ini isu yang serius, ini kita menyatakan hasrat kita dengan jelas dan lantang.

**Tuan M. Kula Segaran:** Minta lebih serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** *Be more serious.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bila Yang Berhormat bagi Bentong kata dia ambil ini tindakan serius, biar dia ucap, biar dia habiskan ucapan.

*[Dewan gamat]* **Tuan M. Kula Segaran:** Bukan, bukan, dia sahaja ambil serius. Kita mahu lebih serius.

**Seorang Ahli:** Dia suka taburkan kata suka ikut dia.

**Tuan M. Kula Segaran:** Kita punya kawasan lebih besar daripada dia punya kawasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti boleh ucap.

**Tuan M. Kula Segaran:** Ya, saya harap, saya harap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua boleh berucap.

**Puan Chong Eng:** Dia jangan buat dakwaan bahawa pembangkang DAP mempolitikkan, jangan buat dakwaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa? Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Biar saya teruskan, biar saya teruskan.

**Puan Chong Eng:** Kalau buat dakwaan bagi chance. **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bentong. Kalau Yang Berhormat tak bersetuju boleh nafikan. *[Disampuk]* Biar Yang Berhormat bagi Bentong habiskan ucapan.

**Puan Chong Eng:** Beri penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran:** No, no, we are willing....Bukan! Kalau dia buat satu tuduhan, *then he must be ready to face it*, jangan cakap liar-liar saja.

**Puan Chong Eng:** Ya, seluruh masyarakat Cina mengatakan ini politik.

**Tuan M. Kula Segaran:** Jangan takut. Kalau berani cakap, berani terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini ucapan dia.

**Puan Chong Eng:** MCA kata ini bukan politik.

**Tuan M. Kula Segaran:** No, bukan. Laluan dia, Tuan Yang di-Pertua. Jangan cakap, *this is not a joke* hal.

**Puan Chong Eng:** Jangan bersandiwara di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini bukan tempat main bola.  
*[Dewan gamat]*

**Puan Chong Eng:** Hah, jangan bersandiwara di sini.

**Seorang Ahli:** Kawasan apa? Yang Berhormat main-main sahaja.

**Puan Chong Eng:** Bahawa masyarakat Cina menyatakan .....

**Tuan M. Kula Segaran:** *This is important.*

**Puan Chong Eng:** Ya, ini adalah penting.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia mahu bahas, kalau dia kata sesuatu mengenai pembangkang, *we must be given to reply*. Kalau dia berani, kalau dia berani, dia bukan bodoh, dia mesti mahu jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat nanti akan diberi peluang berucap.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya harap, saya harap.

**Puan Chong Eng:** Saya harap juga. Jangan *provoke*. Kalau tidak mahu berikan, jangan *provoke*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peluang akan diberikan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bentong silakan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kalau tidak, kalau ..... jangan bohong!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Duduklah, teruskan ucapan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kita tahu seriuslah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak ada lain boleh duduk, kalau ada teruskan.

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ...

**Seorang Ahli:** Lawan, lawan!

**Dato' Liow Tiong Lai]:** ... apa yang kita ucap ini memang dengan perkara yang benar apa yang kita putarkan di dalam Dewan ini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*]

**Seorang Ahli:** Diamlah!!

**Dato' Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang amat serius dalam membina modal insan yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan.

**Cik Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** Ramai pelajar-pelajar di sekolah menengah tercicir.

**Cik Fong Po Kuan:** [*Menyampuk dengan tidak menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah...[*Ketawa*], kalau kata demikian, nanti Yang Berhormat tidak payah berucap juga.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita kena adil kepada sama ada dia daripada kerajaan ataupun pembangkang, saya akan cuba berikan peluang kepada mereka berucap. Jadi bila mereka berucap, jangan ganggulah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** So, boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan, teruskan, sila Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Okey, saya nak nyatakan di sini bahawa ..

**Cik Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya terpaksa tambah dua minit kerana Yang Berhormat diganggu.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasihlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Menyampuk]*. .. kerana prihatin dengan keadaan saya ini. Saya ingin nak tegaskan di sini bahawa pendidikan sekolah menengah juga amat penting. Ramai pelajar yang tercicir di sekolah menengah dan tidak dapat masuk ke institut kemahiran kerajaan, seperti IKBN, ILT kerana semua taraf kemasukan ke dalam institut-institut teknikal ini menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia. So, apa yang terjadi kepada pelajar-pelajar yang tercicir di tingkatan 2, tingkatan 3, tingkatan 4. Mereka tidak dapat meneruskan pelajaran di dalam institut teknik dan vokasional. Oleh itu, saya rasa sudah tiba masanya yang boleh dibuat pada masa sekarang. Yang pertama, kita perlu wujudkan dan wajibkan pendidikan sekolah menengah iaitu *mandatory* sekolah menengah, dan pastikan tiada keciciran berlaku sebelum SPM.

Yang keduanya, apa yang kita boleh buat demikian ialah memastikan bahawa kemasukan kepada Institut Latihan Perindustrian (IKBN), institut-institut teknik dan vokasional tanpa menggunakan sijil SPM, membolehkan mereka memasuki institut-institut ini untuk mempelajari teknik dan kemahiran agar sama-sama mereka dapat mempelajari sesuatu kemahiran hidup demi pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Kita mengalu-alukan bajet 2006. Memperluaskan skop pelepasan cukai individu untuk pendidikan lanjutan. Pada dahulunya, ianya hanya dihadkan ke atas yuran pengajian sehingga had maksimum RM5,000 setahun. Sekarang diperluas kepada pengajian profesional, perakaunan dan undang-undang di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dalam negara. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa pelepasan cukai ini diberi kepada semua individu untuk menghadiri seminar, konvensyen..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Oh, banyak lagi, kejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung lah, boleh gulung.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Adalah untuk menggalak individu belajar sepanjang hayat. Dan satu lagi ialah berhubung dengan memperluaskan skop elaun bangunan industri. Saya juga berharap skop elaun industri ini dapat diperluaskan bukan sahaja di

Cyberjaya, malah ke industri di Bayan Lepas, di Kulim High Park dan juga di Kuantan Gebeng untuk membolehkan lebih banyak industri dibangunkan di kawasan-kawasan tersebut.

Yang ketiganya, saya terus ke *the point* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada banyak masa lagi berolah isu-isu ini, saya terus kepada *point* yang saya nak bangkitkan di sini.

*Point* yang seterusnya ialah GLC. Saya mengalu-alukan PM berazam untuk memperkukuhkan GLC. Tapi saya berharap GLC dapat meneroka bidang-bidang baru dalam negara ini seperti biotech, nanotech dan R&D dan bukannya merebut peluang-peluang perniagaan dan bersaing dengan peniaga-peniaga dalam negara kita. Jika boleh, GLC perlu meneraju syarikat-syarikat kita ke negara-negara lain dan membuka pasaran di peringkat antarabangsa.

Ada terdapat 57 GLC dalam negara kita yang menggaji lebih kurang 400 ribu orang pekerja. Saya juga berharap komitmen kerajaan untuk membolehkan penyertaan semua kaum, semua lapisan masyarakat di dalam GLC ini. Bukan terhad kepada sesuatu kaum sahaja. Kalau kita lihat dari segi komposisi Lembaga Pengarah GLC, lebih daripada 41% adalah daripada golongan bumiputera. Dan kita berharap penyertaan aktif dari semua kaum dapat kita memastikan potensi yang terpendam, bakat-bakat yang terpendam rakyat kita dapat dicungkil sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya adalah berhubung dengan sistem penyampaian negara kita. Kita rasa, rakyat negara kita apabila melancarkan penswastan adalah untuk mengurangkan kakitangan kerajaan. Pada satu ketika, ia terdapat 800 ribu kakitangan kerajaan. Sekarang telah meningkat 1.1 juta. Kita tidak dapat lihat kesan penswastan untuk mengurangkan kakitangan kerajaan dan juga kita berharap produktiviti kakitangan kerajaan ini dapat ditingkatkan. Oleh itu penyertaan semua kaum dalam sistem penyampaian negara ini perlu juga dipertingkatkan.

Saya berharap beberapa isu ini dapat diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Barat.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk].

**11.48 pagi**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Di dalam surat khabar *The Sun*, Abu Musa telah menulis sebuah artikel yang pendek tetapi cemerlang, yang bertajuk "kami tidak mempelajari apa-apa". Saya bersetuju dengan kebanyakan yang dibentangkan oleh

beliau di dalam artikel tersebut. Beliau bersifat berterus-terang apabila perlu dan berfikiran jelas. Beliau memulakan artikel dengan mengatakan bahawa Belanjawan 2006, ingin mendedahkan satu realiti yang amat terang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya sebagaimana yang telah saya katakan tadi, saya akan mengangkat masa setiap ahli 20 minit.

**Tuan M. Kula Segaran:** Yang amat terang, kami tidak mempelajari apa-apa dari pengalaman kami. Kami masih belum membuat pengembangan awam itu wajar dan belum menghargai peranan kerajaan. Kami masih mempunyai pemikiran seorang pegawai kerajaan di mana masalah diselesaikan dengan membazir wang ke atas penyelesaian tersebut. Dengan adanya kebaikan-kebaikan bagi mereka didapati bahawa belanjawan 2006 ini adalah semata-mata diadakan bagi pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Ini memberi satu gambaran bahawa peningkatan birokrasi yang merupakan faktor terbesar persaingan di Malaysia yang kini merosot.

Kebanyakan orang awam kini mengatakan bahawa belanjawan ini sekali lagi hanya dibentangkan semata-mata bagi pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Kami bersetuju bahawa yang memerlukan perkhidmatan awam tetapi perlukah kami hanya memfokuskan kepada kebaikan-kebaikan bagi pihak mereka sahaja. Adakah kerajaan telah meneliti sepenuhnya kesusahan ekonomi kemasyarakatan bagi orang awam yang tidak menyandang pekerjaan kerajaan. Pemandu teksi, bas, pekerja kilang-kilang, nelayan, petani, penjaja-penjaja kecil-kecilan, pekerja swasta dan lain-lain.

Apakah ganjaran yang diberi kepada kumpulan masyarakat ini? Kerajaan mengatakan bahawa tiba masanya untuk memberhentikan pemberian subsidi kepada rakyat. Persoalan timbul, mengapa masih terdapat pemberian subsidi hanya kepada pegawai kerajaan? Bagaimana pula nasib rakyat ketika waktu inflasi ekonomi yang jatuh dan keadaan kekurangan peluang pekerjaan?

Bercakap mengenai perkara subsidi, saya ingin mengatakan bahawa tibanya masa bagi negara dan rakyat untuk memberhentikan proses pemberian wang kepada kerajaan, konco-konconya dan kontraktor-kontraktor mempunyai kekayaan sumber asli negara kami. Pemikiran subsidi kerajaan mesti diberhentikan melalui cara pemberhentian rasuah kerajaan, politik dan rasuah wang atau melalui cara pembaziran yang besar dan menyalahgunakan kekayaan negara yang telah dengan petahnya dibentangkan dalam laporan juruaudit negara tahun 2005.

Saya meminta kebenaran untuk memetik dari Bakri Musa lagi. Beliau mengatakan, "Pemimpin-pemimpin kami berulang kali membuat sorotan dua isu penting, kualiti dan ketidakcekapan syarikat kepunyaan kerajaan (GLC). Pengendalian hanya setengah daripada masalahnya. Selainnya adalah pembetulan Belanjawan 2006 ini gagal dengan teruk dalam isu-isu ini.

Beliau juga mengarahkan dengan betul bahawa kurang daripada sesuku daripada belanjawan adalah untuk pembangunan. Bakinya hanyalah untuk perbelanjaan operasi di mana sebahagian besar adalah hanya untuk gaji. Beliau juga dengan mengatakan bahawa walaupun berjuta-juta dibelanjakan untuk kos operasi dan sesuku daripada itu kepada kos pembangunan, rakyat masih terseksa daripada ketidakcekapan birokrasi kepada penghuni-penghuni kampung yang membayangkan diri menyeberangi jambatan yang rengkeh, teruskan berhati-hati. Sesungguhnya kebanyakan sekolah terutama sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil kesemuanya musnah akibat dirosakkan oleh anai-anai.

Adakah Menteri Pendidikan mengambil kesempatan untuk mengambil tahu bagaimana sekolah-sekolah di seluruh negara memerlukan pembaikan semata-mata atau adakah sekolah-sekolah ini tidak dapat diperbaiki akibat daripada ianya musnah dengan teruk terutamanya selepas kematian tragedi Cikgu Chan Boon Heng berumur 42 tahun dari SJK, Keat Hwa di Alor Setar baru-baru ini. Beberapa makmal komputer di sekolah-sekolah negara kami dalam keadaan tidak berfungsi terutama selepas penipuan berjuta-juta ringgit beberapa tahun yang lalu. Adakah Menteri Pendidikan ingat mengenai perkara ini?

Pada 6 Oktober 2005, telah disiarkan di media bahawa sekurang-kurangnya 600 buah asrama sekolah di pedalaman Sarawak memerlukan pembaikan serta-merta.

Adakah Menteri Pendidikan sedar mengenai ini? Adakah beliau sedar beberapa asrama di sekolah di beberapa bahagian negara yang juga berada dalam keadaan yang teruk, betapa seriusnya masalah anai-anai ini. Laporan...

**Puan Chong Eng:** Penjelasan, penjelasan. Adakah ini Yang Berhormat bagi Ipoh Barat anggap ini sebagai isu politikkah atau isu pendidikan?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran:** Lebih tahulah ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang sudah tahulah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Laporan tersebut menurut...

**Puan Chong Eng:** Kasi tahulah Barisan Nasional.

**Tuan M. Kula Segaran:** Laporan tersebut menurut *Nanyang Siang Pau*, 5,000 saman dikeluarkan bagi pemandu-pemandu ini dalam 8 bulan yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bila punya Nanyang Siang Pau?

**Tuan M. Kula Segaran:** Lapan bulan yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 8 hari bulan Yang Berhormat pandailah baca sekarang ini.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan M. Kula Segaran:** Laporan tersebut selanjutnya mengatakan memetik Datuk Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, akhbar tersebut mengatakan bahawa di Selangor sahaja 2,026 saman dikeluarkan bagi pemandu motosikal, 1,649 bagi pemandu kereta, 1,765 bagi pemandu lori, 135 bagi pemandu bas dan 60 lagi pemandu teksi. Ini amatlah mengejutkan. Berapa lamakah perkara ini berlaku dan apa yang menyebabkan kematian yang kian meningkat di jalan-jalan kami? Ini pasti membangkitkan satu *inquiry*.

Dikatakan di negara ini, lebih kurang 50 ribu orang tidak mempunyai lesen tetapi sedang memandu di jalan raya kita. Apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh kerajaan? Apakah yang dibuat oleh *National Road Council* selama ini? Adakah dimakan oleh anai-anai juga? Tahun lalu lebih kurang 6,000 rakyat Malaysia terbunuh dalam kemalangan jalan raya. Kami masih mempunyai lebih kurang 3 bulan tinggal bagi tahun ini, berapa kematian telah berlaku hingga hari ini dan betapa serius kecederaan yang dialami.

Sebagaimana Malaysia mengatakan secara betul sekiranya memandu adalah sejenis penyakit, dia akan menjadi satu wabak. Kementerian Pengangkutan tidak menjalankan tugasnya secara wajib dan serius. Satu perintah telah diperkenalkan semasa bekas Menteri Pengangkutan, Lim Liong Sik mengenai dalam jawatan di mana beliau telah menyekat penggunaan telefon bimbit semasa memandu tetapi ini tidak langsung dengan serius diimplementasikan di negara ini. Adakah Belanjawan 2006 ini mengambil berat mengenai kesan dari implikasi isu-isu sosial yang lebih serius?

Isu ketagihan dadah secara haram masih merupakan secara haram masih merupakan satu isu yang serius di negara ini. Kempen Tak Nak yang membelanjakan

wang sebanyak RM100 juta adalah satu kegagalan yang amat mahal, mengapa? Mengapakah kerajaan mengabaikan dalam usaha membanteras penanaman tembakau di negara ini? Kenaikan sekurang-kurangnya 20% ke atas harga rokok yang dicadangkan dalam Belanjawan 2006 adalah satu yang tidak kena, sepatutnya kerajaan perlu mengambil tindakan yang lebih serius. Purata rakyat Malaysia sebanyak 255 orang membunuh diri setiap tahun dari bangsa minoriti iaitu lebih dari bangsa minoriti kaum India, mengapa? Apakah tindakan yang telah diambil untuk kenal pasti kenapa mereka membunuh diri? Saya telah membangkitkan perkara ini pada tahun 1999 tetapi setiap tahun, pembunuhan diri di antara masyarakat India adalah terlampau tinggi dan tindakan yang serius perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Beberapa wang juga yang telah diperuntukkan dalam perbelanjaan 2006 ini untuk memperjuangkan penghapusan penyakit HIV AIDS, *United Nation Development Program* telah mengatakan bahawa penyakit HIV AIDS adalah amat serius di Malaysia. Laporan UNDP 2005 ini mengatakan bahawa Malaysia perlu mengadakan usahanya dalam membanteras penyebaran penyakit tersebut. Laporan UNDP tersebut juga mengatakan bahawa 64 ribu rakyat Malaysia didapati menghidapi penyakit HIV Positif sejak tahun 1986. Penyakit tersebut dalam proses menjadi wabak di Malaysia. Adakah kami bersedia? Adakah Malaysia menerima pandangan yang dibuat oleh UNDP? Adakah kita mempunyai stamina yang secukupnya dan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas tersebut?

Memandangkan kami menyentuh isu kesihatan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap penyakit Selesema *Avian* yang menjadi *pandemic* di negara ini. Mereka bergabung dan memberi jaminan bahawa mereka bersedia menghadapi apa juga peristiwa yang berlaku. Saya harap tindakan ini akan diambil. Walau bagaimanapun terutamanya Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerajaan negeri dan majlis tempatan tidak dapat dipuji dalam usaha mereka terhadap menghapuskan nyamuk aedes. Baru-baru ini beberapa hospital di negara ini didapati ada *aedes mosquito*s.

Kes demam denggi baru-baru ini termasuk kes-kes di mana mangsa meninggal dunia bukan sahaja di hospital-hospital tetapi juga yang terbanyak sekali di Pulau Pinang dan di Perak. Kes demam denggi baru-baru ini di kebanyakan tempat adalah

satu bukti yang menunjukkan ketidakcekan majlis tempatan dan pihak-pihak berkenaan dalam menjalankan tugas mereka. Ini merupakan satu kekecewaan rakyat yang mendalam dan kian merebak dengan ketidakcekan majlis tempatan ini. Kuasa-kuasa tempatan di Malaysia sekurang-kurangnya mempunyai kuasa. Majlis tempatan ada kuasa untuk membelanjakan lebih kurang RM20 bilion wang rakyat setahun, tetapi kerana mereka adalah satu badan yang tidak diundi, mereka tidak mempunyai sebarang ketidaktanggunganjawaban.

Oleh itu saya ingin memanggil kepada pembentukan semula pengundian bagi majlis dan kuasa tempatan. Perdana Menteri dan Menteri Kewangan harus diingatkan bahawa pencukaian tanpa reputasi merupakan satu bentuk asas yang tidak boleh diterima. Dengan menggunakan RM20 bilion wang rakyat setahun ini, ini adalah satu *waste of tax payer's money*.

Jenayah Terhadap Wanita - Jenayah-jenayah terhadap wanita ini berlaku di seluruh negara setiap hari termasuk pembunuhan, perogolan dan keganasan terhadap wanita. Apakah peranan kerajaan atau apakah yang dilakukan oleh kami semua untuk memberi jaminan untuk mengatasi masalah ini? Selepas pembunuhan Kenny Ong, Menteri Hal Ehwal Wanita telah berjanji bahawa pihak-pihak berkenaan akan mengumpul semak dan profil terhadap penjahat-penjahat itu. Selepas lebih daripada dua tahun manakah profil tersebut? Apakah polis terlibat dalam mengumpul semak profil tersebut? Bilakah pihak berkuasa yang memfailkan akan lebih menghantar anggota-anggota berpakaian biasa ke jalan-jalan taman perumahan dan ke pasar raya-pasar raya untuk melindungi rakyat Malaysia terutamanya golongan wanita daripada perbuatan penganas-penganas ini. Kami hanya membangkitkan isu ini dan terdapat juga isu perompakan. Perbualan-perbualan telah berlepas sejak pesuruhjaya polis mengeluarkan laporan atas perolehan dan pengakuan. Namun kami hanya serba sedikit sahaja mengenai pengimplementasian cadangan-cadangan yang diberi. Mengapakah ini berlaku? Kami telah di beritahu beberapa bulan yang lalu bahawa pesuruhjaya polis telah memecahkan unitnya ke beberapa bahagian tetapi di media dibentangkan bahawa pihak polis akan memerlukan berbilion ringgit untuk mengimplementasikan cadangan-cadangan yang tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Mengenai Golongan-Golongan Minoriti - Belanjawan tahunan seperti Rancangan Pembangunan lima tahun harus memainkan peranan lebih kemajuan keharmonian pelbagai kaum di kalangan rakyat Malaysia. Ini bermaksud memberi perhatian dan penjagaan terhadap ke semua sektor *human and ever* pendidikan pengajian tinggi, pekerjaan, peluang perniagaan, penjagaan kesihatan dan lain-lain.

*Approval Permit* terlibat dalam zon kontroversi pada masa sekarang atau dalam empat bulan ini kalau kami terpaksa menyimpan polisi AP kami haruslah menjalankan secara adil dan berpatutan. Kumpulan sosial ekonomi minoriti dan yang kurang bernasib baik di Malaysia harus diberi keutamaan untuk menerima AP-AP. Di dalam perkara ini saya ingin katakan bahawa kumpulan masyarakat minoriti India di mana kurang dari 10 peratus adalah dari populasi mereka tidak harus diendahkan lebih lanjut.

Seperti yang kami tahu nenek moyang mereka yang datang untuk bekerja dan sekarang telah menyumbang kepada kemakmuran Malaysia tetapi mereka telah banyak memberi sumbangan terhadap sosial ekonomi negara kami. Kumpulan minoriti ini adalah serius dan dapat membawa kepada percabangan sosial dan politik selanjutnya didapati bahawa akibat sosial dan dapat dilihat secara jenayah yang berlaku. Nasihat saya jangan biarkan perkara ini berterusan dan selesaikan sebelum ini meletus menjadi satu tragedi seperti yang telah berlaku di Sri Lanka.

Belanjawan tahunan dan Rancangan Malaysia lima tahun harus diberi perhatian serius sebelum pengendalian bertukar menjadi kekecewaan dan kemarahan. Berikut adalah beberapa isu ketidakpuasan di kalangan rakyat Malaysia India di mana Perdana Menteri harus memberi perhatian yang secepatnya.

Pengambilan di universiti - Pengambilan di universiti bagi kaum India, telah berkurangan sebanyak 50 peratus daripada seluruh kuota yang dikatakan dari tahun 1970 ke 5.2 peratus pada 2003. Pada tahun 2004 sistem meritokrasi diperkenalkan tetapi ia menjadi meritokrasi *without merit*, beratus-ratus pelajar masyarakat India dilucutkan hak pendidikan mereka. Kemasukan kursus matrikulasi di universiti tempatan hampir ke semuanya dikhaskan bukan untuk masyarakat minoriti.

Penempatan di jurusan perubatan - Penempatan di jurusan perubatan di Universiti Malaya dikurangkan sebanyak 98 peratus iaitu daripada 16 tempat pada 2001 hanya satu tempat pada tahun 2003. Ini bermaksud beribu-ribu pelajar India harus bertanding untuk satu tempat jurusan perubatan di universiti. Apabila mereka memilih untuk meneruskan pelajaran di universiti yang dapat dibiayai pada bulan Jun 2005,

pihak kerajaan bertindak untuk mengurangkan masyarakat India belajar di Crimea Medical University yang telah direcognisekan atau alasan yang tidak munasabah bagi mengurangkan kumpulan pelajar India, Malaysia harus bagi kursus jurusan perubatan kebanyakan universiti luar negara sedangkan peluang itu tidak diberi lagi. Saya juga difahamkan bahawa *ratio* di antara *lecturer* dan *student* di universiti-universiti tempatan, di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains dan universiti-universiti yang lain adalah lebih teruk dari Crime Medical University.

Sekolah-sekolah Tamil - 80 peratus daripada 525, tiga sekolah Tamil, adalah dalam keadaan yang teruk di mana hampir tiada sukan, rekreasi, komputer, perpustakaan dan kemudahan asas yang diperuntukkan bagi sekolah nasional dan ini masih belum dijadikan sekolah bantuan kerajaan sepenuhnya walaupun pembelajaran sekolah rendah telah diwajibkan di sisi undang-undang. Perdana Menteri telah mengemukakan satu jumlah sebanyak RM1.8 bilion bagi sekolah rendah dan tiket dalam Belanjawan 2004.

The New Straits Times, 13 September 2004.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kesemua di atas adalah tidak seimbang dengan perlembagaan peruntukan kuil India. Malaysia merupakan satu-satu negara di mana kuil-kuil dipecahkan secara haram oleh pihak berkuasa setiap tiga minggu kalau diambil kira tahun ini. Ini adalah bertentangan dengan artikel 11 dan baru-baru ini telah dilaporkan di mana pegawai polis pernah membakar kuil-kuil Hindu dengan *Molotov Cocktail* dan dibuang di dalam kuil oleh pegawai polis dan saya juga difahamkan seorang Setiausaha Parlimen juga berada di tempat tersebut tetapi telah tidak dibenarkan untuk memberhentikan pemecahan kuil tersebut.

Pihak Minoriti Bekerja Di Perkhidmatan Kerajaan - Pekerjaan di sekolah, pekerjaan di sektor perkhidmatan awam dikurangkan dari import 10 peratus dari tahun 1957 hanya 2 peratus pada tahun 2003 bagi kaum India. Apakah yang terjadi dan ramai di antara pekerja-pekerja India yang bekerja sekarang adalah secara kontrak dan bukan secara berpencen. Pihak masyarakat India tidak diberi peluang untuk mendapat lesen perniagaan, lesen kecil dan lesen-lesen oleh kerajaan. *Victimization* oleh polis, *no effectively legal representation* dan juga terdapat per kapita yang terkurang.

Laporan yang menunjukkan bahawa kaum India mempunyai pendapat per kapita yang paling rendah iaitu sebanyak RM1,000 sebulan walaupun per kapita nasional menunjukkan RM14, 954.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua, *last one*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya perlukan ini kerana hari ini dikatakan *raise Indian equity or we will close shop*. Saya hendak tanya bila MIC akan *close shop* kerana saya tahu kerajaan tidak akan memberi ekuiti untuk menaikkan dari 1.5 peratus ke 3 peratus. Jadi saya hendak tahu apabila MIC akan ditutup? Di antaranya saya hendak khususkan, pada bulan Julai 1999, saya telah bahaskan di Dewan ini di mana saya telah memohon sebanyak RM500 juta disimpan sebagai dana untuk menolong masyarakat India. Sekarang pada hari ini Menteri berkenaan berkata, dana itu perlu diwujudkan, apakah ini? Kenapa ia dan apa yang saya hujah di Dewan ini, tidak diterima pada masa itu tetapi sekarang ingin menangis, ingin menolong sehingga harapkan dari kerajaan. Di antaranya saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, *very important...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Raising Indian equity ownership from 1.5% to 3%. *Increasing recruitment and promotions of Indian in civil service including in the police department and arm forces.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Effectively and comprehensively addressing the needs of the low income families in urban areas by reformulating the poverty line. Organizing special hands-on skill, training courses for under achievers* .....

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*  
*[Sambil mengetuk mikrofon]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *...let being minimum qualifications...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup Yang Berhormat ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Introducing Tamils as a relative subject in national and primary and secondary school.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Satu sahaja. *Increasing the number of Indian students in matriculation programme and university especially in critical, arithmetic .....*

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan kerana Yang Berhormat telah menyentuh mengenai MIC.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]*

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Dia kata suruh tutup MIC.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, saya ingat....

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya minta penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Oh, ya, *please please* kalau berani, ya, ya.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Apa kalau berani, saya beranilah itu sebab saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ipoh Barat, jangan mengeluarkan tohmahan yang tak tentu fasal bukan saudara seorang sahaja pejuang masyarakat India, setakat ini apa yang dibuat oleh masyarakat India seluruh negara Malaysia. Apa dia sendiri buat untuk masyarakat India? Segala perjuangan sekarang Tuan Yang di-Pertua, adalah perjuangan MIC, segala - '*Ins College*' saya minta belum, belum saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, bagi, segala yang dibuat oleh MIC, perjuangan dibuat oleh kerajaan, perjuangan untuk pendidikan, perjuangan untuk sosial, YSS apa yang dibuat oleh DAP?

Hanya cakap sahaja pandai, saya hendak tengok di bawah akar umbi apa yang dibuat oleh DAP. Jangan tohmah sahaja begitu tidak betul, kalau tidak ikhlas cakap....

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini orang sudah gila, sudah gila kerana.....

**Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy:** Jangan sentuh MIC,

**Tuan M. Kula Segaran:** MIC is different....

*[Dewan terlalu gamat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat cukup, sila duduk. Masa dah habis Yang Berhormat.....

**Tuan M. Kula Segaran:** Ini satu perkara yang mustahak, dalam kerajaan dia kata dia tidak cukup, dia tidak berani yang ini. This is very simple, inilah setiap kali MIC tuan tanya.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Masa sudah cukuplah, 20 minit sahaja, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ok yang lain, Kalabakan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk r. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tangga Batu sila duduk, Kalabakan.

#### 12.12 tgh.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum Warrahmatullahitaala wabarakatuh. Saya bangun bersama-sama rakan saya untuk membahaskan belanjawan 2006 yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 September yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu saya ingin untuk mendapat penjelasan. Kelmarin saya bangun untuk minta penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan mengenai fungsi PUSPAKOM dan juga JPJ yang sebenarnya kedua-dua agensi ini memang mengelirukan, membebankan orang kampung. Kalau sekiranya orang kampung ingin memperbaharui lesen mereka, kenderaan mesti dibawa ke PUSPAKOM untuk diperiksa dan ia memakan masa selama satu, dua hari tetapi ada pihak-pihak yang tertentu, kenderaan tidak perlu pun dibawa ke PUSPAKOM, dia hanya *in door* sahaja. Jadi Kementerian Pengangkutan jangan kata mereka tidak ada laporan. Ini diketahui umum bahawa ada masalah di dalam PUSPAKOM dan JPJ.

Apabila saya berbincang dengan kawan-kawan, mereka mengatakan “ada ini cepat, tidak ada ini lambat”. [Sambil menunjukkan isyarat wang menggunakan jari] Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin Kementerian Pengangkutan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ‘yang ini’ tidak boleh masuk dalam *Hansard* Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tidak apalah, tak masuk *Hansard* pun tak apalah. Ada ini jadilah, ada 'fulus' mengikut kata Ketereh ada 'fulus'. Jadi mungkin jawapan yang dibuat oleh menteri nanti tidak ada bukti tetapi ini tidak boleh diterima kerana umum orang di negeri Sabah tahu bahawa orang-orang yang tidak mempunyai 'fulus' ini tidak dapat kelulusan dengan serta-merta' macam-macam alasan yang dia bagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan menjaga JPJ dan juga PUSPAKOM. PUSPAKOM sebuah agensi yang sudah diswastakan dan JPJ ialah agensi kerajaan. Dahulu kedua-dua ini.....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Minta pendek.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih, terima kasih Kalabakan kerana bagi, saya hendak bagi perbandingan, pengalaman saya. Saya suka kongsi pengalaman dengan rakan-rakan dan negara ini. Saya lulus lesen bawa kereta di Australia Barat, di Perth, pada tahun 1983. [Disampuk] Ok, macam mana saya lulus, saya minta hendak bawa kereta - no, no bukan soal riba saya hendak beritahu [Disampuk] - shut up.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat. Ipoh Timur jangan ganggu Ipoh Timur, Ipoh Barat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya pergi ke tempat hendak belajar kereta, dia kata "*have you got a car?*" Saya kata saya tidak ada kereta, "*can you borrow?*" "Yes", saya pinjam kereta kawan, beli L pergi ke pejabat JPJ dia, dalam masa 15 minit *tester* datang, test, lulus, di situ juga bayar, terus dapat lesen dalam masa satu jam setengah, di Australia Barat. Bila itu, tahun 1983, 1984 sekarang kita dah 2006 masalah begini masih berterusan. Saya, *something must be done* dan saya tidak faham, boleh Yang Berhormat ulas?

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Itu sebabnya saya bawa perkara ini ke Dewan kerana kalau kita suarakan di luar mungkin tidak ada tindakan dan saya percaya dengan suara dalam Dewan ini pun tidak ada tindakan. Saya percaya, tidak ada tindakan kerana ada sindiket dalam JPJ dan juga PUSPAKOM, ada sindiket.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya mungkin lebih baik lagi PUSPAKOM ini dikembalikan kepada JPJ di bawah satu naungan sahaja supaya kita tidak dapat banyak masalah dari satu tempat ke satu tempat kerana JPJ satu kawasan lain dan PUSPAKOM satu kawasan lain. Perbezaan di antara satu kawasan ini mungkin 20 kilometer.

Ini bermasalah, jadi selepas kita ke PUSPAKOM diperiksa kereta-kereta ini kemudian baru pergi JPJ untuk lesen. Jadi kita minta kementerian meneliti dan membuat satu perancangan yang baik untuk tidak menyulitkan rakyat di kampung. Rakyat-rakyat yang ada van semua ini mereka tidak mahu bermasalah. Mereka apabila mahu memperbaharui lesen mereka, mereka pergi ke JPJ dengan kenderaan yang sudah betul-betul elok tetapi dengan elok pun tidak boleh lulus dengan serta-merta. Kenderaan yang tidak elok, tak usah bawa pergi ke PUSPAKOM pun boleh lulus, ini masalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Apakah Yang Berhormat juga ada terima aduan kerana ada setengah-setengah daripada pemilik kenderaan ini yang tak bagi apa 'fulus' kah, tidak bagi inilah, [*Isyarat tangan menunjukkan wang*] lepas itu bila mereka hantar kenderaan untuk periksa, pihak pegawai PUSPAKOM akan kalau tidak ada bagi ini dia tekan minyak lagi kuat dia kata "ini dia punya paip tidak boleh, banyak asap hitam". Dia tekan lagi kuat minyak, jadi dia kata asap, ini tidak lulus atau dia akan pilih, memilih masalah ini pintu ada bunyi, tidak boleh. Apakah Yang Berhormat ada terima aduan sedemikian juga yang mereka tidak bagi inilah.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada aduan, kalau tidak ada pengalaman saya, takkan saya bawa pergi Dewan. Orang kata ini wakil rakyat bodoh, tentulah ada pengaduan. Kita tidak perlulah huraikan satu-satu apa yang kita terima daripada rakyat, apa yang mereka sudah laporkan kepada kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua kerana saya tidak mempunyai masa, saya mahu beralih kepada tajuk lain. Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan kalau kita cerita fasal sekolah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Bintang, dia bangun lama Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya tidak ada masa.....lain kalilah

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi, dia tidak bagi. Teruskan Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Kementerian Pelajaran ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercerita fasal masalah luar bandar Sabah, Sarawak, masalah kedai sekolah saya tidak mahu cerita sebab ini perkara saya sudah kemukakan beberapa kali dalam Dewan. Apa yang saya mahu ceritakan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah, banyak orang bumiputera yang mempunyai lesen PKJ yang kecil-kecilan ini susah mendapat kontrak daripada Jabatan Pendidikan kerana kita semua tahu pegawai-pegawai di daerah keseluruhannya semua ada kontraktor sendiri.

Mereka ada kontraktor sendiri. Yang lain-lain ini tentu sekali 'mengaus' makna kata pendidikan tidak ada. Contoh Tuan Yang di-Pertua ialah kalau sekiranya ada masalah *emergency* di sekolah, mahu belanja RM20,000 untuk pembaikan segera, Pegawai Pendidikan atau Pegawai Pelajaran Negeri, mereka ada kuasa untuk bagi. Tetapi yang mereka bagi ini setiap kali kontraktor yang sama, sama ada di daerah ataupun di negeri. Macam mana? Minta supaya kementerian siasat guru-guru, pegawai-pegawai yang gaji berapa, kereta berapa, rumah berapa, semua disiasat kerana kalau kita hendak minta bukti, mungkin masalah bukti. Kementerian sahaja yang tahu.

**Datuk Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Beluran Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Sila.

**Datuk Ronald Kiandee:** Yang Berhormat bagi Kalabakan, saya setuju dan saya ingin buktikan bahawa jika ada penyiasatan mahu dilakukan oleh kementerian, pergi ke PTD Beluran. Boleh *check* ada di kalangan mereka yang pakai kereta besar daripada wakil rakyat. Ini memang berlaku dan saya memang menyokong agar siasatan diambil dengan tindakan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Itu saya tidak perlu buat penjelasan lagi kerana Yang Berhormat bagi Beluran sudah nyatakan. Bukti-bukti yang sudah dikemukakan ini kementerian siasat, kerana dengan ada penyiasatan ini mungkin kita dapat memperbetulkan keadaan. Kalau sekiranya keadaan ini tidak dapat dibanteras, apa macam dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menghapuskan rasuah ini dapat dilaksanakan. Dari kecil hingga ke atasan, semuanya berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat, kontraktor-kontraktor di Sabah mengeluh kerana mereka kata, projek-projek yang ada di Sabah, apabila mereka tahu sudah dibagi kepada satu kontraktor daripada luar. Mereka tidak ada peluang sama sekali untuk mendapatkan kontrak. Kita minta supaya kalau ada projek di Sabah atau di Sarawak, bagi kepada kontraktor Sabah dan kepada kontraktor di Sarawak, kerana kalau tidak, persoalannya yang ditimbulkan ialah mengapa projek ini terus pergi kepada individu-individu daripada luar?

Persoalannya orang atasan yang memberi kontrak ini dapat puluslah atau tidak? Ini persoalannya juga. Tuan Yang di-Pertua kita minta supaya perkara ini diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA adalah satu agensi kerajaan yang besar. FELDA membahagi kontrak-kontrak kepada orang-orang yang tertentu untuk macam-macam seperti tumbang, tanam dan *supply* macam-macam bibit untuk FELDA. Tetapi apa yang mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua, FELDA tidak membantu rakyat, tidak membantu kontraktor bumiputera.....,

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan bangun.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** ..... kerana tidak ada .....Nanti sekejap. Belum saya habis lagi. Tidak membantu kontraktor bumiputera. Kerana apa? Ini kerana semua *supply* baja, sudah ada kontraktornya. FELDA sendiri ada kontraktor. FELDA angkut, FELDA *supply* makanan, kantin dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, takkan perkara begini kecil tidak boleh diberi kepada pembekal-pembekal di Sabah. Garam..... garam pun FELDA mahu *control* juga, dia mahu jual sendiri juga,sebab dia ada kedai sendiri. FELDA ada kedai sendiri.

Saya cadangkan, FELDA satu agensi yang besar, janganlah mahu hiraukan perkara kecil, bagi kontrak-kontrak ini kepada orang-orang tempatan untuk mereka *supply* baja, bagi *supply* macam-macam, pengangkutan dan lain-lain. Kalau kita tanya kepada mereka, mereka kata ini memang sudah dasar kita. Kita bagi kontrak-kontrak, kita bagi 70% kepada bumiputera, 30% kepada bukan bumiputera.

Wah! Orang kata baik betul ini FELDA. 70% kepada bumiputera, 30% kepada bukan bumiputera. Tetapi persoalannya di sini Tuan Yang di-Pertua ialah, 30% ini berapa nilai kontrak? Mungkin RM20 juta, RM30 juta, RM50 juta. 70% ini mungkin RM2 juta sahaja keseluruhannya. Di mana keadilan? Di mana ada keadilan? Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Ada gaya jadi Menteri saya tengok. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Persoalan isu FELDA ini memang khususnya di Sabah, saya tidak mahu membawa FELDA di negeri-negeri yang lain. Memang menjadi isu hangat dibahaskan oleh rakyat tempatan di Sabah. FELDA ini adalah *Government Links Company* (GLC). Kita juga mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyarankan supaya syarikat-syarikat GLC tidak dibenarkan atau digalakkan bersaing melalui anak syarikatnya dengan syarikat-syarikat bumiputera yang sedia ada sebab ini menjejaskan bagaimana syarikat bumiputera ini bersaing dengan anak syarikat GLC.

FELDA ini dia ada FELDA angkut, dia ada FELDA tumbang. Tumbang pun dia orang dia. Dia ada FELDA *maintenance*, dia ada FELDA *transportation*. Tidak cukup dia buat *transportation* di kawasan FELDA dia, dia juga hendak minta *transportation* untuk seluruh Sabah. Dia hendak kaut semua. Dia ada FELDA ketering, semua ada. Dia ada *smart shop* FELDA punya. Jadi pengerusi dia terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai dia.

Saya beberapa kali mencuba membantu kontraktor tempatan untuk minta peluang angkat minyak sawit sahaja daripada 14 kilang yang dia sedia ada. Jawapan dia, dia bilang dukacita sebab telah penuh. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya FELDA ini dikaji? Kalau boleh, jangan mereka membuka anak-anak syarikat untuk tujuan mereka memperkayakan diri mereka sendiri. Mereka kena beri rakyat tempatan khususnya di Sabah, sebab inilah matlamat FELDA datang membantu rakyat tempatan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan minta supaya kerajaan mengkaji. Ini tidak perlu dikaji lagi. Ternyata kita boleh ambil tindakan terus. Mulai daripada 1 November, Menteri yang bertanggungjawab ialah Timbalan Perdana Menteri untuk bikin satu polisi baru kata, ini semua tidak boleh bagi kepada kontraktor-kontraktor yang ada mempunyai PJK sama ada besar, kecil dibagi kepada mereka untuk mereka buat kerja-kerja ini semua. Kita sudah tahu angkut, *supply* makan, macam-macam yang dibuat oleh FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, kalau cerita fasal FELDA, mungkin saya arif kerana di kawasan saya ada FELDA. Di kawasan Kalabakan ada FELDA, 'Umas Umas' dipanggil. FELDA Umas, jadi saya tahu ini dan banyak sungutan-sungutan yang diceritakan kepada saya, maka saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk lain yang saya ingin sampaikan ialah mengenai perjudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang akhir Yang Berhormat, ya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Ini minta masa kecederaanlah sebab apa....  
[Ketawa] Perjudian yang ada di Sabah. Di Sabah kita ada syarikat empat ekor, "Sandakan 4D" dipanggil, *Sports Toto*, *Magnum* dan 888. Ini empat ekor. Seheinggakan apabila mereka ini fikir empat ekor, mereka ini tidak tahu lagi apa dasar kerajaan untuk negara ini 2020. Mereka kira itu empat ekor sahaja, empat ekor.

Jadi kita minta supaya mungkin ini mahu dikaji semula. Selain dari empat ekor yang kita nampak ini, kelab-kelab persendirian jackpot, banyak betul di Sabah. Jadi pegawai-pegawai, orang-orang individu, orang-orang kampung yang biasa masuk ke bandar, tiap-tiap bulan tidak ada lagi gaji yang dibawa untuk pulang ke rumah kerana habis dalam perjudian jackpot ini. Jadi kita minta, Kerajaan Persekutuan yang berkuasa tentang hal ini, kita hapuskan sahaja perjudian ini, kerana kita tidak mahu kerajaan mendapat keuntungan daripada rakyat Sabah menjual baju, berjudi untuk bagi kepada kerajaan. Jadi ini masalah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kalabakan sebentar tadi. Apakah dasar Islam Hadhari ini tidak merata ke Sabah atau hanya setakat Semenanjung sahaja, kerana judi ini ianya haram. Di waktu yang sama selain dari membebankan rakyat, menyusahkan rakyat, saya kira perkara ini patut diselaraskan bukan sahaja di Semenanjung. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Ini Pasir Mas, dia kata Islam Hadhari, mungkin ada niat jahat. [Ketawa] Jadi saya tidak - kerana saya suarakan ini dengan ikhlas, dengan ikhlas menyuarakan kepada kerajaan. Inilah Barisan Nasional, bukan saja membangkang, bahkan kita pun prihatin. Kita bagi tahu rakyat, kita tegur kepada kerajaan, yang mana tidak elok, yang mana tidak baik kita tegur, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payah bagi jalan.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** ....kita tidak bolehlah, apabila kita tegur hari ini...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** ....saya tidak ada masa – kita tegur hari ini kerajaan akan mengambil tindakan esok . Kita mahu tegur dan kerajaan sedar dan mungkin berperingkat-peringkat kita perbaiki keadaan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat tak bagi saya tanya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak bagi dia jalan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya tidak bolehlah, kerana masa pun sudah habis, dua puluh minit sudah habis ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yalah minta sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak bagi Seputeh, sila duduk Yang Berhormat, gulung saja, cukup.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat bagi saya sedikit sahaja berkenaan judi sahaja.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** Bagilah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada satu soalan. Saya juga tidak sokong perjudian tapi saya rasa yang perjudian itu memang macam natural, perbuatan yang natural, di mana kalau kita hapuskan semua Toto, tempat judi, mereka akan terus berjudi. Siapa menang bola, siapa yang akan menang jadi wakil rakyat dalam pilihan raya dan menang dalam peratusan berapa, semua ini boleh dijadikan satu bahan untuk pertarungan, jadi memang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat...

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Seputeh, Seputeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ....susah hendak hapuskan judi.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** Seputeh, ini yang Seputeh kata itu peribadi yang tersorok, ini yang saya katakan, umum, yang umum. Kalau perjudian mengenai bola dan lain-lain, itu peribadi dan tersorok, mungkin kita susah kawal tetapi ini umum yang dibagi lesen. Yang Seputeh katakan tadi tidak ada lesen, main 'chap go meh' di rumah pun boleh ditangkap juga. Ini tidak boleh. Jadi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya Lembaga Pelesenan Sabah yang mengeluarkan permit-permit teksi, permit-permit kenderaan ada masalah. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah sekarang mereka mengatakan tidak boleh ada lesen-lesen individu lagi. Semuanya mesti mahu di bawah satu syarikat atau beberapa syarikat untuk mengendalikan teksi-teksi ini. Contoh, dahulu Tuan Yang di-Pertua, Tawau mempunyai lapangan terbang lama, dekat bandar. Semua teksi yang ada di sana dibagi permit untuk mengangkut penumpang ke bandar. Kemudian, apabila lapangan terbang baru ada, semua teksi ini dihantar ke lapangan terbang yang baru, semua, individu.

Tetapi sekarang syarat yang dibagikan tidak boleh lagi lesen-lesen individu, mereka ini mesti mempunyai syarikat. Okey, tidak apa. Saya sebagai penaung kepada Persatuan Teksi Tawau, saya kata okey tidak apa, sekarang kita tubuhkan syarikat kepada orang-orang ini semua untuk mereka mendapatkan satu permit di bawah satu syarikat supaya mereka bergilir-gilir dapat, itu pun tidak dapat, kerana ada syarikat baru yang belum ada teksi, yang belum ada pemandu, syarikat baru. Jadi,....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan sikit, sikit saja....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, sikit sahaja.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua nanti dulu, saya habiskan, saya gulung, saya gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Habis, cukuplah.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** Jadi apa yang saya mahu buat, kalau sekiranya, orang-orang lama ini, yang jasa mereka sudah ada dahulunya, sudah tidak dapat sambung untuk mengangkut penumpang daripada lapangan terbang baru ini, mungkin bila saya balik nanti saya katakan permit untuk kamu orang semua tidak dapat, jadi kamu orang semua balik ke bandar. Jadi bila pelawat-pelawat datang ke Tawau tentu sekali tidak ada teksi untuk pergi ke Tawau.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, minta sikit.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh:** Ha ini bermasalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruslah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kalabakan..

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati kerana saya sudah lebih masa dibagi kerana gangguan-gangguan. Jadi saya....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sikit saja, sebab Kinabatangan ni Pengerusi, minta dia bagi penjelasan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya menyokong Belanjawan 2006 ini, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Batu Kawan

**12.38 tgh.**

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu bajet yang begitu mesra rakyat. Tuan Yang di-Petua, pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat dalam merangka empat strategi bajet, saya percaya akan menjurus kepada kesejahteraan rakyat melalui pendekatan kualiti kehidupan serta membasmi kemiskinan dan menjamin kemakmuran rakyat, seperti mana yang dinyatakan dalam strategi ke empat iaitu meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Tuan Yang di-Petua, isu yang berlaku beberapa bulan ini yang telah menarik perhatian orang ramai ialah kenaikan harga minyak dan isu AP. Kalau di sebuat isu AP, lebih hangat dari bola sepak dan lebih popular dari Mawi. Tuan Yang di-Pertua, sementara itu harga minyak mentah telah melonjak secara mendadak di seluruh dunia dan di merata-rata tempat rakyat jelata telah merasai kesannya.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang Ahli Parlimen, saya berasa amat bangga dengan keprihatinan kerajaan kerana telah mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi memastikan beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat dapat diringankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjurus terus kepada perkara tertentu sahaja dalam perbahasan ini. Satu perkara yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan permintaan rakyat jelata Pulau Pinang untuk pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Rakyat Pulau Pinang di merata tempat berpendapat bahawa pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah satu *necessity*, dengan izin dan dalam apa jua perancangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ia harus mempunyai, dengan izin, *contingency plan*; dan juga alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini pelbagai mala petaka telah berlaku di negara jiran kita seperti gempa bumi dan juga ombak besar tsunami. Negara Indonesia dan Thailand mengalami kerosakan yang amat teruk berhubung dengan kejadian tsunami. Harta benda rosak dan juga beratus-ratus ribu nyawa yang hilang. Dan, beberapa minggu yang lalu kita lihat betapa hebatnya *Hurricane Rina* dan *Hurricane Rita*, satu negeri, New Orleans dikatakan habis. Pihak berkuasa Amerika pun tidak tahu apa yang harus dilakukan dan seluruh negeri lumpuh. Dan, baru-baru ini di Pakistan, amat malang dan banyak juga yang terkorban. Tuan Yang di-Pertua, kenapa ia boleh jadi begini? Ini adalah kerana mereka tidak ada *contingency plan* dan lagi satu, ini adalah kehendak Tuhan. Kadang-kadang kita pun tidak boleh buat apa juga.

Saya berpatah balik kepada perkara asal iaitu jambatan kedua negeri Pulau Pinang. Kita tidak boleh, dengan izin, *rest on our rollers* dan menganggap tidak ada apa yang akan berlaku di negara kita untuk selama-lamanya. Jambatan Pulau Pinang yang ada kini pun sudah diguna pakai untuk satu masa yang agak lama. Apa kata kalau satu hari nanti kita mengalami gempa bumi seperti mana yang terdapat di Indonesia dan tiba-tiba Jambatan Pulau Pinang patah. Kalau perkara sebegini berlaku, dengan izin, *the whole economy of Penang will collapse*, semua kilang dan *multinational* yang terdapat di Pulau Pinang akan berpindah keluar. Seperti mana yang diketahui oleh orang ramai lokasi Jambatan Pulau Pinang memang adalah dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Kadang-kadang saya datang ke Parlimen naik kereta dan kebanyakannya saya naik kapal terbang. So, bila saya balik ke Pulau Pinang naik kapal terbang dari KLIA selalunya bila hendak sampai ke Lapangan Terbang Pulau Pinang, kapal terbang selalu buat *u-turn* dekat Jambatan Pulau Pinang. Ia buat *u-turn*. Lepas *u-turn* baru ia *landing* ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Apa kata kalau satu hari ia buat *u-turn* dan silap *landing* dan ia *landing* atas Jambatan Pulau Pinang, macam mana? Habis, habis berkecai semua.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan sikit, Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Ya, boleh.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya pun selalu juga ke Pulau Pinang. Memang jambatan kedua satu cadangan yang baik. Cuma saya bingunglah dengan Yang Berhormat bagi Batu Kawan. Yang Berhormat bagi Batu Kawan mengatakan kalau terjadi sesuatu ke atas jambatan ini, runtuh misalnya, apa akan jadi kepada penduduk Pulau Pinang. Saya tanya Yang Berhormat sebelum ada jambatan ini dahulu, orang Pulau Pinang naik apa?

**Tuan Huan Cheng Guan:** Apa dia?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebelum ada jambatan ini dahulu.....

**Tuan Huan Cheng Guan:** Hah!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Orang Pulau Pinang naik apa?

**Tuan Huan Cheng Guan:** Feri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itulah yang hendak tanya.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Yang Berhormat, dahulu lain sekarang lain. Yang Berhormat dahulu mempunyai sebuah kereta mungkin sudah ada lima buah. Betul, hah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini sangkaan jahat kena tarik balik. Yang Berhormat kena tarik balik. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Huan Cheng Guan:** *[Ketawa]* Okeylah, kalau Yang Berhormat dapat mempunyai lima buah kereta, kira baiklah. Itu rezeki. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua,.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak, tidak, tidak betul. Yang Berhormat, ini tidak boleh bergurau Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Batu Kawan tolong tarik balik nanti orang ingat.....

**Tuan Huan Cheng Guan:** Okey, tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hah, tarik balik kalau tidak nanti Presiden Gerakan marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut, sudahlah. Yang Berhormat bagi Larut juga kacau tadi, ha. *[Ketawa]*

**Tuan Huan Cheng Guan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kemalangan sebegini berlaku tragedi sedemikian akan melumpuhkan seluruh ekonomi Pulau Pinang. Rakan-rakan saya, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dari Pulau Pinang kesemuanya adalah anggota pentadbiran kerajaan, cuma saya seorang *backbencher* dari Pulau Pinang sahaja, maka adalah tanggungjawab saya untuk membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat bagi Larut, boleh ye?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dan merayu agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan secara serius perkara yang disentuh ini. Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh berhubung dengan sekolah, iaitu SJK(C) Chong Kwang, Sungai Bakap, Sungai Jawi. Ia adalah sebuah sekolah bantuan penuh kerajaan. Ia telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pelajaran untuk membina dua blok bangunan tambahan empat tingkat sejak beberapa tahun yang lepas.

Sebenarnya, sekolah ini boleh dikatakan, saya dengan Ahli Parlimen Nibong Tebal kita kongsi. Ibu bapa semua ada datang dari Parlimen Nibong Tebal dan juga dari Batu Kawan. Sekolah ini memang menghadapi kekurangan bilik darjah sejak beberapa tahun yang lepas. Semua bilik khas di sekolah telah pun dijadikan bilik darjah. Pembangunan di sekitar kawasan ini adalah amat pesat di mana berpuluh-puluh taman baru telah diwujudkan dengan pemindahan masuk beribu-ribu penduduk ke kawasan tersebut. Bilangan murid sekolah ini telah bertambah dari masa ke semasa dan kini adalah dalam tahap yang amat kritikal. Maka dengan ini saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk mempertimbangkan cadangan ini.

Dalam bajet yang dibentangkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan amat prihatin terhadap keluhan orang ramai.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Beluran bangun, minta penjelasan.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Bolehlah. Sat sahaja, mahu habis sudah.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih, bagi Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat ini banyak permintaan, Jambatan Kedua Pulau Pinang dan sekarang minta sekolah. Katakan Yang Berhormat jadi Perdana Menteri lah, tadi di Sabah pun kita ada jambatan kecil-kecil pun banyak rosak, budak sekolah pun tidak ada tempat lalu. Ini

jambatan besar Pulau Pinang ada mahu bikin, ini sekolah lagi, banyak lagi kampung-kampung yang tidak ada bekalan elektrik. Agaknya Yang Berhormat mahu letak duit itu di mana? Yang Sabah punya tidak ada jambatan kecil-kecil atau Pulau Pinang punya jambatan kedua, yang besar itu. Mana mahu taruh dulu?

**Tuan Huan Cheng Guan:** Bolehlah saya juga minta bagi pihak Sabah. Kalau apa yang diminta oleh Sabah kita bagi juga. Dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan amat prihatin terhadap keluhan orang ramai mengenai kemudahan infrastruktur asas yang tidak mencukupi dan kurang sempurna. Sehubungan dengan itu, saya mohon dan cadangkan kepada Kementerian Kerja Raya untuk membina sebuah jejantas, dengan izin, *overhead bridge*, di depan SJK(C) Chong Kwang Sungai Bakap.

Tuan Yang di-Pertua, memang kemalangan sering berlaku....

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Mambong.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Sudah mahu habis.

**Dr. James Dawos Mamit:** Saya mintalah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Kawan. Nampaknya Yang Berhormat bagi Tuaran memang betul, Yang Berhormat bagi Batu Kawan ini minta banyak jejantas dan jambatan. Bolehkah Yang Berhormat juga tolong minta daripada kementerian sebab kawasan saya ini jambatan pun tidak ada [*Ketawa*] untuk menghubungi pekan-pekan yang agak besar juga. mereka lagi menggunakan botlah. Bolehkah Yang Berhormat?

**Tuan Huan Cheng Guan:** Boleh.

**Dr. James Dawos Mamit:** Tolong pohon daripada kementerian. Terima kasih.  
[*Ketawa*]

**Tuan Huan Cheng Guan:** Ucapan Yang Berhormat menjadi sebahagian daripada ucapan saya juga. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan memang sering berlaku di kawasan tersebut dan banyak nyawa telah terkorban. Ibu bapa memang berasa amat risau terhadap kejadian-kejadian yang berlaku. Memang beberapa nyawa kanak-kanak yang saya sendiri ketahui telah meninggal dunia dan ada yang cedera parah. Saya minta Kementerian Kerja Raya menimbang untuk membina jejantas tersebut dan saya minta

Kementerian Kerja Raya mengambil tindakan yang serius dalam permintaan ini. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerlun.

**12.51 tgh.**

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bercakap dalam masa 20 minit dengan tidak ada tambahan. Pembentangan Bajet 2006 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi imej yang kuat kepada kerajaan Barisan Nasional dan juga Kerajaan Persekutuan. Cuma kadang-kadang apa yang berlaku di sini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah dikeruhkan ataupun sedikit kekeruhan.

Saya menggunakan perkataan ini kerana hendak mengelakkan daripada beberapa pertuduhan ataupun kes-kes yang tidak diingini dan kita akan perkatakan kepada jabatan-jabatan. Mungkin kita hampir lupa kepada sebuah badan yang mempunyai taraf swatantra ataupun taraf autonomi di bidang ekonomi, pentadbiran dan sebagainya dan itu kerajaan nombor tiga di dalam negara kita di samping Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dan tentulah kerajaan tempatan. Kekeruhan yang saya katakan ini merupakan juga tanda tanya, adakah kerajaan tempatan tidak boleh mengatasi beberapa perkara yang diamalkan di dalam Akta 171 yang telah menjadi amalan berzaman sehingga hari ini.

Kadang-kadang kita pun tertanya-tanya apakah kesulitan yang menyebabkan kerajaan tempatan ini tidak boleh berdikari? Baru-baru ini kita dikejutkan dengan denggi. Hanya dengan denggi, sebuah kerajaan ketiga akan merosakkan imej Kerajaan Persekutuan di mana denggi ini hasilnya daripada nyamuk yang berada di longkang-longkang. Adakah soal longkang sampai ke hari ini kerajaan tempatan tidak boleh selesaikan? Walaupun ini melibatkan kos, kos yang kita katakan juga merupakan kewangan dan taraf swatantra ekonomi yang berada kepada kerajaan tempatan membolehkan ia mengutip belanja dengan sendiri seolah-olah duit itu berada dalam poket. Boleh dihapuskan dengan segera.

Baru-baru ini saya terkejut apabila seorang daripada *top three*, dengan izin, dalam kementerian ini membuat sedikit kenyataan, "Kita akan adakan operasi besar-besaran longkang". Ini bukan operasi cuci longkang, ia rutin, kerja hari-hari. Duit dapat daripada pungutan kutipan cukai, tidak payah operasi, buat hari-hari, habis! Hal

nyamuk, hal sampah, hal busuk dan sebagainya boleh diadakan harian dan tidak akan menimbulkan masalah.

Sekiranya saya mengeluarkan satu fakta dan saya tidak mahu sebut di manakah, apakah nama pihak berkuasa tempatan ini iaitu tunggakan cukai pintu 2004 RM17,962,129.09 dan dibawa ke hadapan, tahun 2005 berjumlah RM21,682,157.73. Apakah akibat longgokan, lambakan, tunggakan cukai pintu ini hingga jadi begini? Dan termasuk juga kutipan semasa 2005 yang berjumlah RM7,170,454.25. Jumlah ini kesemua sudah hampir RM50 juta. Apakah peranan sebuah badan yang mempunyai kuasa autonomi sehingga tunggakan-tunggakan ini begini jumlahnya? Inilah yang saya katakan imej Kerajaan Persekutuan dikeruhkan, dicemarkan oleh peranan pihak berkuasa tempatan.

Jadi saya merayulah di sini dan ingin mendapatkan kepastian supaya pihak kerajaan tempatan perkasakan betul-betul. Kita hendak tengok sekiranya cukai hasil pintu yang tidak dibayar, kita hendak lihat apakah tindakan kepada RM10 ribu ke atas? Apakah tindakan RM20 ribu ke atas? Apakah tindakan RM50 ribu ke atas? Dan kita hendak adakan satu jabatan yang boleh menyita, sita rumah, kedai dan sebagainya yang tidak membayar cukai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Yang Berhormat bagi Puchong pun berminat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Ada.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih...

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Jangan lama sangat. *[Ketawa]* Boleh saya duduk Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat mengenai bagaimana PBT mengutip cukai pintu dan sebagainya. Tetapi pada masa yang sama, sekarang ini banyak majlis perbandaran tempatan, perbadanan dan sebagainya, selalunya cara mereka membiayai satu projek ataupun cara mereka untuk menggunakan wang rakyat itu tidak terkawal. Setujukah Yang Berhormat cadang kepada kerajaan juga satu mekanisme di mana perbelanjaan-

perbelanjaan daripada PBT ini mesti dikawal dengan secara lebih sistematik, lebih berkesan supaya wang-wang rakyat ini tidak dibazirkan sebegitu sahaja. Sebagai contoh, mereka ini selalu mengadakan majlis itu, majlis ini dan kos-kos mereka terlibat ini sangat tinggi kalau dibandingkan dengan majlis-majlis yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang tertentu. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** [*Sambil membuka mikrofon*] Ini pun cukai tidak dikutip kot. Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong yang berminat dengan saya. Saya bersetuju sebab apa sahaja mekanisme yang boleh mengerakkan pihak berkuasa tempatan, kerajaan nombor tiga ini, kita terima. Memang orientasi kepada pihak berkuasa tempatan ialah kesejahteraan kepada rakyat ataupun *public orientation*, dengan izin, kerana menggunakan duit rakyat daripada hasil bayaran cukai. Macam-macam cukai -cukai pintu, cukai lesen, cukai harta benda, macam-macam cukai yang boleh dipungut dan hasilnya itu saya rasa mestilah digunakan sepenuhnya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Yang Berhormat yang bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada Jerlun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu, mana satu hendak bagi?

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Dengar suara Yang Berhormat bagi Jasin, saya takut dengan Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Saya hendak minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Pasal akhir-akhir ini kita tengok, PBT ini kadang-kadang *establishment* yang besar-besar, yang hutang sampai berjuta-juta tunggakannya, ia tidak ambil tindakan, tetapi kalau setakat kita orang kampung yang tunggakannya satu tahun atau dua tahun, RM100 atau RM200, ia hendak tunjuk dia punya samseng datang *sea/* orang punya rumah, datang hendak ambil tindakan pada orang kampung. Tetapi kita dengar macam kata di Petaling Jaya, di Shah Alam, Sunway berhutang dengan majlis tempatan itu

berjuta tetapi tidak langsung diambil tindakan. Yang orang kampung hutang RM100 atau RM200 macam dekat Jerai ini, itu jam dia datang macam gengster, datang *seal* orang punya rumah....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Betul, betul.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Ketawa*] ... datang *seal* orang punya rumah, yang besar-besar ini langsung ia tidak ambil tindakan. Bagaimana pendapat sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerlun?

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Kita ini umur pun sama, akal pun sama, jadi saya setuju. Kadang-kadang ini pun mungkin kena disemak semula kerajaan tempatan ini, pihak pengurusan tempatan. Memang betul apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Kalau cukai pintu rumah-rumah murah, rumah sederhana yang kecil-kecil ini, hendak tunjuk hero sungguh. Polis pun dia bawa, penguat kuasa dibawa, lori pun dia bawa, duduk depan rumah orang tua itu sampai naik petang, hendak sita dan sebagainya. Tetapi Yang Berhormat bagi Jasin cakap tadi ada yang saya katakan tadi, RM10 ribu ke atas, kita tidak dapat tindakan, tidak tahu macam mana tindakan. RM20 ribu ke atas yang sampai RM50 ribu, RM60 ribu ke atas pun ada kadang-kadang disenyapkan. Apabila kita tanya mengapa jumlah yang meningkat ini tidak diambil tindakan? "Oh, dalam proses unit undang-undang" Unit undang-undang dalam pihak berkuasa tempatan setengah-setengahnya ialah mereka yang mengamalkan undang-undang secara tertutup, secara dalaman itu sahaja – pegang fail pergi mahkamah, kebanyakannya jadi *post pounding officer*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat bagi Jerlun.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Yang Berhormat bagi Jerai ini pun sahabat, sila, sila, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat, tetapi kita lihat ibu kota, bandar raya, di s inilah sarang penyakit demam denggi, nyamuk aedes. Jadi kerja buat bandar raya ini, bahagian cuci sampah mana ada, bahagian kesihatan, kalau saya ingat zaman-zaman dahululah, Yang Berhormat bagi Jerlun, pegawai-pegawai kesihatan ini dia *check* setiap rumah. Setiap rumah dia masuk, dia *check*. Kalau rumah itu berkunci, dia akan mai balik sebelah petang, sebelah malam untuk buat siasatan dan tengok. Sekarang ini orang takut Kuala Lumpur. Saya naik demam selesema sedikit, saya sudah takut. Entahkan denggi,

entahkan apa? Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jerlun untuk melihat bahawa PBT ini, kerajaan tempatan ini buat kerjalah dengan baik-baik. Lawatan ke luar negara ini kurangkanlah. Ini sedikit-sedikit hendak pergi tengok negeri lain. Balik, mai tengok kampung kita dok macam itu juga. Bandar kita macam itu juga.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa dia? *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ini Yang Berhormat bagi Jerlun punya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi pembaziran berlaku.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai punya floor, Yang Berhormat..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....yang parit, longkang, tepi rumah ini. Nyamuk aedes ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita *fog* dia satu kawasan, dia kena *fog* satu kilometer jauh dia kena. Pasal nyamuk ini dia terbang jauh. Jadi kita bermasalah sekarang ini. Orang akan takut mai ke Kuala Lumpur. Pasal apa? Kerana nyamuk ini ada. Jadi dengan seekor nyamuk boleh membunuh seorang manusia. Jadi siapa tidak takut? Tanggungjawab bandar raya, tanggungjawab kerajaan tempatan, hak inilah. Kalau hendak jaga kerajaan tempatan pun tidak mampu, siapa hendak jaga? Bungkus sahaja, kita bubuh pelajar-pelajar universiti yang tidak ada kerja, bagi depa kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta maaf, saya pun sakit ini, demam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerlun...

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Ucapan Yang Berhormat bagi Jerai itu menjadi sebahagian ucapan sayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerlun...

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Di sini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat sambung sebelah petang? Yang Berhormat masih ada 10 minit.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Allah! Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 petang.***

***Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jerlun, sila sambung ucapan. 10 minit sahaja ya.

### **2.31 ptg.**

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas masa yang telah diberikan. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian ini memberi kesempatan supaya mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan mengemaskinikan kewangan semasa dan tunggakan supaya jumlah yang besar ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan tidak mengambil kewangan yang banyak daripada peruntukan kerajaan Persekutuan kerana kita tahu kerajaan ketiga ataupun Kerajaan Tempatan ini boleh berdikari dan dengan hasil tunggakan segala cukai-cukai dan juga kutipan-kutipan yang lain, pihak berkuasa tempatan boleh membangunkan di peringkat masing-masing.

Sekiranya semua pihak berkuasa tempatan dapat mengemaskinikan, dapat *updatekan* semua kewangan ini kita percaya merekalah satu badan dan satu pihak yang memberi sumbangan yang besar. Sekiranya kewangan mereka terjamin saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya peruntukan yang tidak besar diluluskan kepada kerajaan tempatan kerana mereka mempunyai sumber-sumber yang tersendiri untuk mereka hidup sebagai tentera ataupun kuasa-kuasa autonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga merupakan bajet yang melimpah ruah kepada

segolongan kecil yang dinamakan peniaga-peniaga ataupun *businessman* kelas F. Dengan RM1 bilion yang diberikan merupakan satu sumber kewangan yang cukup banyak bagi mereka meneruskan kerja-kerja secara orientasi awal sebagai seorang usahawan yang berjaya.

Cuma di dalam pengagihan dan secara praktikalnya kebanyakan kelas-kelas F ini sering dipergunakan dan diperalatkan. Inilah yang perlu diketahui oleh pihak kementerian kerana saya telah mendapat maklumat-maklumat bahawa empunya kelas F sebenarnya kebanyakannya ada yang menggadaikan lesen. Ada seorang pengusaha contohnya mengambil lebih kurang 20 lesen-lesen kelas F dan dimasukkan dalam satu tender atau satu sebut harga. Bermakna dalam kumpulan 20 tadi sebarang projek apabila mendapat yang terendah ataupun yang lebih baik di dalam tender tadi semuanya mendapat kepada satu orang walaupun dimasuki oleh 20 kelas F. Ini merupakan satu penganiayaan dan mungkin juga lesen-lesen kelas F ini tuan punyanya hanya mendapat komisen dengan tidak membuat kerja-kerja yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal yang begini adalah kadang-kadang dimainkan oleh orang tengah. Dengan itu saya juga ingin menarik perhatian kementerian agar mewujudkan satu etika ataupun kursus ataupun sebagainya kepada pelesen-pelesen kelas F supaya mereka dapat menghargai lesen yang mereka perolehi dengan tidak menggadaikan kepada orang lain dan dengan cara yang demikian mereka boleh bertapak kepada lesen yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal infrastruktur juga disebut dengan begitu sempurna. Saya difahamkan kumpulan sasar terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang maju ataupun luar bandar menerima dengan hati yang lega di mana apabila disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jalan-jalan luar bandar akan diberi keutamaan dan juga infrastruktur yang lain. Cumanya di sini bila disebutkan jalan luar bandar ia merupakan satu subjek tetapi secara aplikasinya melibatkan beberapa rangkaian ataupun beberapa mekanisme secara rasminya jabatan-jabatan yang melaksana ataupun pegawai-pegawai, individu-individu yang akan menyenaraikan.

Satu jalan mungkin wujud sampai lima atau enam orang yang akan menentukan ataupun ada senarainya. Antaranya Ahli Parlimen sendiri pun menghantarkan satu senarai jalan. DO menghantarkan satu senarai, lepas itu penghulu menghantarkan satu senarai, ADUN kalau dua hantar dua senarai dan juga JKK sendiri pun boleh terus kepada Menteri. Lima, enam ataupun tujuh saluran ini kadang-kadang menjadikan

perjalanan ataupun menjadikan penentuan senarai mana yang hendak diterima menjadi masalah kepada Parlimen ataupun kepada daerah tersebut.

Oleh yang demikian saya mencadangkan dan ingin menarik perhatian kementerian ataupun pihak kerajaan agar hal-hal yang menjadi strategi kepada wakil rakyat yang relevan ataupun bersangkutan paut dengan menang ataupun kalahnya pilihan raya, perkara yang menjadi benda utama kepada pengurusan di kampung di peringkat JKK diserahkan kepada Ahli Parlimen sebab Ahli Parlimen boleh menentukan jalan walaupun DO dapat menentukan. Lebih baik Ahli Parlimen menentukan kerana DO akan bekerja sampai pencen dan dapat gaji tetapi Ahli Parlimen akan berhadapan dengan pilihan raya. Oleh yang demikian.....

**Datuk Ronald Kiandee:** Ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja itu.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Ya, Ahli Parlimen Barisan Nasional sebab kita berada dalam Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Kita tidak ambil tahu langsunglah pihak sebelah sana.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Sokong.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Dan di sini.....Terima kasih Yang Berhormat. Hendak cakapkah?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Menganggukkan kepala]*

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Oh! Ingatkan hendak cakap itu sahaja. Saya ada 10 minit ini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik walaupun saya baru dalam politik ini, dahulu saya dalam perkhidmatan awam tetapi saya nampak bahawa Yang Berhormat bagi Jerlun cakap itu tepat dengan masyarakat Islam Hadhari fasal apa kita hendak supaya pembuat dasar ialah Parlimen.

Maka jabatan-jabatan persekutuan yang ada di negeri khususnya dalam Parlimen hendaklah diberi mandat kepada Parlimen sekurang-kurangnya dia mengesahkan atau dia ambil tahu tentang jalan atau projek yang hendak dibuat. Kalau boleh dia jadi pengerusi kepada penyelarasan pembangunan yang tidak bercanggah dengan DO. DO pengerusi penyelarasan pembangunan peringkat daerah tetapi kita

Parlimen ialah peringkat Parlimen. Setuju atau tidak dengan pandangan saya. Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kawan saya. Yang saya katakan tadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tapi bukanlah ayat saya sebenarnya, kalau Yang Berhormat melihat teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Perkara Dua; kerajaan kini sedang merumus dan menentukan dasar dan strategi, strategi utama. Bermakna inilah strategi kita, ini fasal apa pula?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Mengambil tempat duduk]*

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** *[Mengambil tempat duduk]*

**Beberapa Ahli:** *[ketawa]*

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Besar-besar mai duduk tepi kita, terkejut kita ingatkan buat apa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, ada Arau dengan Jerai saya cukup kalut. Ini dia Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan para dua tak sampai satu minit dia dah kata kerajaan ini sedang merumus dan menentukan dasar dan strategi utama, inilah strategi utama kita.

Kita bukan ada peruntukan yang berpuluh juta, kita tidak ada kuasa-kuasa yang boleh melebihi segala-galanya, kita cuma ada peruntukan-peruntukan yang sesuai dengan kewibawaan kita, inilah strategi kita. Kalau DO boleh menentukan jalan, lepas itu bila buat perasmian kita bagi ucapan, orang tak nampak. Kita kena menentukan dan kita hanya boleh menentukan bukan sahaja atas dasar orang ramai, atas dasar jalan ini jalan utama, ataupun atas dasar kata lama tak dapat jalan.

Kita menentukan atas dasar strategi kita, kalaulah kata jalan tadi, jalan batu hendak dinaikkan taraf walaupun orang ramai, tapi pembangkang banyak, kita bawa ke tempat lain. Kita beritahu kepada kampung tadi, oleh sebab kamu ini banyak pembangkang, walaupun kita bagi duit untuk maki kita, kita minta berubah sikit, baru kita bagi, ini strategi. Mungkin tak dapat tahun 2006, depa ubah 2007, kita bagi 2007, inilah strategi utama kita.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal yang macam ini, bila kita kembalikan balik kuasa, ataupun sedikit sebanyaklah keutamaan kepada Ahli Parlimen maka kita tak jadi kacau

bilau dengan DO, kacau bilau dengan Penghulu, kacau bilau dengan *district* yang lain, ada juga orang-orang rapat kawan kepada Menteri, pun kita jadi kacau. Kalau sesiapa pun minta, balik ambil pengesahan daripada Ahli Parlimen ataupun Ketua Bahagian, okey jadi, itu yang kita mahu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Jasin, ha ya, Jasin, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerlun. Kadang-kadang sekarang ini dah sampai satu ketika orang dah mula hendak memperlekehkan Ahli Parlimen, setuju tidak Jerlun? Lebih-lebih lagi surat khabar *The New Straits Time* hari ini, ada satu pemberita menuliskan satu komen berkenaan dengan *Tabung Haji Plantation listing* yang Ahli Parlimen di dalam Dewan Rakyat ini membincangkan soal ini, *wasting of time* katanya.

**Seorang Ahli:** Siapa nama?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Shariman Johari, mamak ke Melayu wallahualam. Kita hendak tahu dia siapa? Surat khabar *The New Straits Time*, memperkecil-kecilkan kita. Kita berharap kalau Yang Berhormat bagi Jerlun setuju dengan saya dan sudah sampai masa dan ketikanya kita Ahli Parlimen harus bertindak.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin, masa 10 minit sahaja. Saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, cuma memperlekehkan ini bahasa itu, kalau dia dok dalam Dewan, kita suruh dia tarik baliklah. Mana boleh dia kata kita lekeh, cuma ada perkara-perkara tertentu yang kita bercakap mungkin tak sesuai dengan pendapat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam hal rezeki yang melimpah ruah ini, dengan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita dapat tahu bahawa banyak, semua golongan mendapat manfaatnya kecuali adalah suara-suara sumbang pihak pembangkang kata golongan ini lebih, golongan ini kurang, itu isu depa, depa memang tak pernah turun ke padang, kita tahu, kita turun ke padang.

Antaranya yang lebih, yang lebih-lebih nampak ialah kepada bidang pendidikan. Cuma di sini walaupun banyak manfaat mendapat kepada diperolehi di dalam Kementerian Pelajaran, saya hendak menyuarakan satu hasrat yang saya terima dalam rezeki yang banyak ini, moga-moga pihak Kementerian dapat bersimpati dengan keluhan Persatuan Guru-guru Bersara, guru-guru pencen.

Mereka ini sebenarnya cuba mendapatkan sedikit simpati daripada peruntukan ataupun Akta Pencen yang mereka terima iaitu sebenarnya mengikut Akta Pencen 1980, Bahagian II, Perkara 4, Kandungan 1(A);

Pencen bulanan berdasarkan 1/600 darab jumlah genapnya bulan berkhidmat yang boleh di masuk kira darab gaji akhir diterima tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir diterima.

Contohnya macam ini, dua ayat dalam satu *clause*, “1/600 X RM400 bulan genap darab RM3,000 gaji maksimum RM2,000” tetapi ada satu ayat lagi di hujung “tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir daripadanya,” kalau setengah darab dengan RM3,000 = RM1,500. Sebenarnya inilah yang dipraktikkan yang diperolehi oleh pesara-pesara tadi, diambil ayat yang kedua. Iaitu setengah darab RM3,000 = RM1,500, sebenarnya mereka boleh dapat RM2,000 jadi inilah perbezaannya, maka saya ingin mencadangkan kepada pihak yang berwajib supaya ayat tadi dipinda sedikit bagi manfaat mereka yang berjasa ini kepada yang berbunyi begini, “1/600 darab jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh di masuk kira darab gaji akhir diterima, potong yang di hujung tu supaya mereka mendapat setengah betul-betul daripada gaji mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup.

**Dato' Abdul Rahman bin Ariffin:** Masa cukup? Saya teka apa. Satu sahaja, akhir sekali. Saya ingin mengetengahkanlah sedikit permohonan dari orang kawasan saya. Pada tahun 1999, kawasan saya Parlimen kalah 1, PAS menang 2, tapi tak boleh buat apa. Pada masa yang sama juga, Kementerian Pelajaran telah meluluskan tiga sekolah, Sekolah Menengah Integrasi, dan dibatalkan setelah pengambilan tanah dibuat. Apa yang saya terima jawapannya ialah sebab Parlimen kalah, saya terima tapi pada hari ini Parlimen telah menang, dan saya sendiri menjadi Ahli Parlimen, saya merayu kepada pihak Kementerian supaya *land position* yang telah dibuat dengan izin, pengambilan tanah yang telah dibuat diteruskan dan meluluskan semula Sekolah Menengah Integrasi Parlimen Jerlun.

Keduanya Sekolah Menengah Seputih dan Sekolah Kebangsaan Putat pun telah dibatalkan tender, tender dibuka tapi dibatalkan kerana mendapat tahu bahawa kawasan ini kalah pada peringkat awal. Saya merayu ketiga-tiga sekolah ini diluluskan

semula, diberi perhatian semula oleh pihak Kementerian kerana Yang Amat Berhormat sendiri pun dalam ucapannya dalam Para 4, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh nampak, menekankan hal-hal persekolahan, kesempurnaan persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas masa yang diberikan dan terima kasih kepada rakan-rakan yang mencelah. Cuma akhir sekali kepada Kementerian Pertanian, saya cuma ingin menyeru *[Disampuk] [Dewan riuh]*

Ini saya susun ini, ingin menyeru Kementerian Pertanian supaya tirulah negara Belanda yang sama besar saiznya dengan Pahang yang menjadi pengeluar makanan kedua terbesar di dunia. Sekian terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tangga Batu.

**1448 ptg.**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Alhamdulillah, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana berdiri menyokong saya sebentar tadi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama melibatkan diri dalam perbahasan Bajet tahun 2006 ini. Kita sedar sama ada kita sedar ataupun tidak kalau kita dapat lihat daripada jumlah besar bajet yang telah diperuntukkan bagi tahun 2006, 25% daripada bajet tersebut adalah diperuntukkan untuk pembangunan fizikal dan 75% adalah untuk pengurusan. Di sini kita dapat lihat Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berhasrat untuk melihat bagaimana kita dapat mengisi pembangunan infrastruktur sedia ada di negara kita dengan kebolehan mengurus dengan cemerlang, kebolehan mengurus dengan cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa di dalam usaha negara untuk menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020, kita telah melalui satu proses utama yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam dua dekad yang lepas iaitu proses penswastaan.

Berbagai-bagai pertengkaran ataupun kemelut di dalam era penswastaan ini telah kita dapat lihat di mana hasrat awal kerajaan adalah untuk melihat bahawa kekayaan negara boleh dikongsi bersama oleh semua pihak daripada yang menyedia perkhidmatan kepada yang menerima perkhidmatan. Berbagai-bagai jabatan, pada ketika itu jabatan kerajaan telah diswastakan. Sebagai contoh utama, Tenaga Nasional

daripada Lembaga Letrik Negara, Telekom Malaysia daripada Jabatan Telekom Malaysia dan Keretapi Tanah Melayu kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad dan juga Jabatan Pos kepada Pos Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita boleh mengukur adakah proses penswastaan ini telah benar-benar mencapai apa yang dicitakan oleh Kerajaan. Kita dapat lihat pertengkaran dan pergelutan mengenai syarikat air, bekalan air di Selangor yang menjadi petunjuk masih terdapat banyak masalah. Dengan penswastaan perkhidmatan yang pada suatu masa dahulu adalah di bawah bidang kuasa kerajaan dan syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan. Apa yang perlu sekarang adalah tidak kurang daripada perubahan secara komprehensif di dalam cara projek-projek penswastaan ini diberikan masa yang lalu. Perubahan tersebut semestinya termasuk menyediakan pilihan kepada pihak yang ingin diswastakan itu sama ada mereka boleh diswastakan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa Dewan yang mulia ini ke satu contoh yang paling ketara. Baru-baru ini Tenaga Nasional Berhad telahpun menghadapi suatu kemelut yang begitu besar yang tidak dapat diselesaikan. Di negeri Melaka umpamanya, terdapat satu kes di mana walaupun pada keadaan Tenaga Nasional Berhad yang dahulunya Lembaga Letrik Negara telah diswastakan kononnya dapat menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan-pelanggan, hari ini telah gagal untuk menyediakan bekalan kepada pelanggan-pelanggan yang seharusnya menambahkan pendapatan kepada Tenaga Nasional Berhad.

Isu yang dibangkitkan oleh Menteri Perdagangan dan Antarabangsa di mana ketika beliau mengadakan lawatan ke negeri Melaka untuk mendengar luahan para pelabur telahpun diluahkan dengan perasaan tidak puas hati dengan perkhidmatan dan juga bekalan yang disediakan Tenaga Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita balik kepada Tenaga Nasional Berhad ini dan saya yakin Tuan Yang di-Pertua pun pernah berkhidmat dengan LLN satu ketika dulu, pada ketika itu di dalam kerajaan, kita memang benar-benar berkhidmat untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan. Dengan lain-lain perkataan, asasnya adalah menyediakan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna. Dahulunya ketika LLN, kita mengenali pelanggan-pelanggan sebagai pengguna. Tetapi sekarang oleh kerana TNB lebih kepada syarikat mementingkan keuntungan berasaskan kepada modal yang besar, kita panggil pengguna-pengguna ini pelanggan-pelanggan yang

sedikit sebanyak telah nampak kepada kita sebenarnya hak-hak pengguna ini telah kurang didengari oleh pihak penyedia perkhidmatan.

Sesuai dengan tertubuhnya LLN yang dahulunya dikenali sebagai *National Electricity Board* atau NEB pada tahun 1949 untuk memberikan bekalan elektrik bukan sahaja kepada masyarakat di bandar, bahkan masyarakat di luar bandar. Akhirnya, proses ini berterusan sehingga ia menjadi Lembaga Letrik Negara dan akhirnya menjadi Tenaga Nasional pada tahun 1990. Hari ini, Tenaga Nasional telahpun mempunyai seramai lebih kurang 10 juta pelanggan di seluruh negara dan telah pun menjana sebanyak 11.5 ribu megawatt, tenaga.

Tenaga Nasional hari ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai seramai 26,989 orang. Hari ini, kita digegarkan apabila keluar di dalam kenyataan akhbar lebih kurang 3 minggu yang lalu apabila Tenaga Nasional menyatakan yang Tenaga Nasional telah berhutang dengan berbagai pihak sebanyak RM34.8 bilion. Ini adalah sesuatu yang memeranjatkan kita, di mana Tenaga Nasional telahpun disenaraikan untuk umum. Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi persoalannya hari ini, dengan hutang yang begitu besar, dengan keuntungan yang begitu kecil berbanding dengan hutang itu tadi iaitu lebih kurang RM1.3 juta, RM3 bilion pada setiap tahun, Tenaga Nasional adakah telah menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan-pelanggannya?

Bagaimana dengan kejadian yang berlaku di negeri Melaka apabila tiga pelabur-pelabur besar negeri Melaka tidak memperolehi bekalan dalam masa yang ditetapkan. Bukan sahaja itu, Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai pihak telah menyatakan rungutan mereka tentang kualiti bekalan yang diterima oleh pengguna-pengguna, oleh mereka. Dari segi *availability*nya, dari segi kualitinya, dan sebagainya. Saya nampak tadi Ketereh bangun dulu, saya minta Ketereh lah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tangga Batu. Saya tak faham satu perkara dan saya hendak minta penjelasan daripada Tangga Batu yang *concentrate on* TNB. TNB ini adalah orang yang menjual power, menjual tenaga. Tetapi tenaga ini dia beli dengan orang. Orang yang beli tenaga itu lebih mahal daripada... jadi, saya tak berapa faham. Contohnya, saya diberitahu, YTL ini orang yang mula-mula sekali, YTL company ini mula-mula sekali jual *power* kepada TNB.

Dia pinjam duit, dia buat, dia jual kepada TNB. Dan sekarang ini, tiap-tiap minggu, pada hari Khamis, sebelum pukul 11.00, TNB mesti menyediakan *check cash*

RM30 juta kepada YTL. Dan dia dapat *cash account* ini daripada dulu sampai saya tak tahu berapa puluh tahun. Kenapa TNB sendiri tak boleh buat IPP? Kenapa orang lain beli daripada situ? Sedangkan kita yang menjualnya? Kenapa hendak beli dengan orang yang memang tak ada hendak jual pun, kita yang hendak jual? Yang ni saya tak faham, tolong selesaikan masalah saya ini Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Ketereh. Ketereh macam tahu, apa yang saya hendak cakap. Saya ke arah itu Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana dia dah *jump queue*, saya terus ke sanalah. Tuan Yang di-Pertua, Apa yang dialami oleh TNB hari ini, walaupun mereka berada di dalam keadaan yang tertekan untuk menyampaikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan-pelanggan, hari ini kita dapat lihat sebenarnya TNB mengalami masalah untuk menyampai perkhidmatan yang cemerlangnya kepada pelanggannya adalah disebabkan oleh pengurusan aliran tunai yang tidak seimbang apabila TNB terpaksa membayar kepada syarikat-syarikat yang bergelar IPP ini tadi pada setiap minggu walhal mereka menerima bayaran daripada pengguna-pengguna elektrik pada setiap bulan.

Dekat sini pun kita tidak nampak ada keseimbangan aliran tunai itu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya tekankan di sini benar apa yang Ketereh sebut. YTL *Power Generation* adalah salah satu daripada lima syarikat-syarikat IPP yang dibenarkan untuk menjana *electricity*, menjana bekalan elektrik kepada TNB ketika berlaku peristiwa *National Blackout* pada tahun 1993, kalau tak silap saya. Mereka ini dipanggil *the first generation* ataupun generasi pertama yang terdiri daripada YTL Power Generation Sdn. Bhd., Segari Ventures Sdn. Bhd., Genting Sanyen Power Sdn. Bhd., Powertech Sdn. Bhd. dan Protection Power Sdn. Bhd.

Dan mereka ini adalah IPP ataupun penjana tenaga bebas yang boleh dikategorikan sebagai *sacred cow* ataupun lembu suci di mana satu *clause* yang terkena tepat pada TNB adalah *TNB is not excuse from making capacity payment in the event of faults measure*. Inilah kenyataan yang benar-benar melemahkan TNB di mana tangannya diikat sama ada dipakai ataupun tidak tenaga yang dijana oleh pihak IPP tadi, TNB terpaksa membayar atas kapasiti yang disediakan oleh IPP ini. Jadi, di manakah keseimbangannya Tuan Yang di-Pertua? Jika kita ingin TNB menjana perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan-pelanggan, mereka seharusnya mempunyai kekuatan aliran tunai ini. Pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan ini. Sekejap ya, Puchong boleh?

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat kata hak pengguna kita telah terjejas. Masalah IPP saya difahamkan harga yang dijual lebih mahal daripada kos yang dijana oleh Tenaga dan sebagainya. Apakah pendapat Yang Berhormat kalau kita menyeru kerajaan supaya kita buka semula – sekarang Tenaga macam dia monopoli penjanaan kuasa dan distribution kepada semua pelanggan. Saya bercadang kepada Yang Berhormat Tangga Batu supaya penjana kuasa untuk pengguna pada masa depan kita buka kepada semua orang supaya daya saing dan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna dapat ditingkatkan. Apa pendapat Yang Berhormat Tangga Batu?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua jika kita ingin meningkatkan perkhidmatan kita kepada pelanggan dengan cara yang *competitive* adalah untuk membuka pembekal-pembekal penyertaan ini supaya bersaing di peringkat pasaran secara sihat.

Suka saya hendak bagi tahu Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua bahawa di dalam sistem pembahagian bekalan Tenaga Nasional Berhad ini ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu penjana, penghantaran dan juga pembahagian. Yang menjadi masalah ini adalah di *up stream* iaitu penjana, di mana apabila pihak-pihak penjana tenaga bebas ini mengenakan *charge* kepada Tenaga Nasional dan Tenaga Nasional terpaksa membayar mereka, dalam masa yang sama Tenaga Nasional terpaksa menyediakan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna menggunakan apa sahaja yang ada di dalam Tenaga Nasional Berhad itu.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Bangun]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Saya ada dua ini..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Saya minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, nanti lepas ini Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat ada dedahkan mengenai satu terma dalam kontrak antara TNB dan YTL mengenai IPP yang pertama, yang sangat berat sebelah dan saya setuju. Ini tidak adil dan tidak demi kepentingan pengguna-pengguna, tetapi soalan saya ialah kenapa dia tahu?

Adakah dia salah guna kedudukan beliau masa itu kalau tidak silap dahulu dalam TNB untuk bongkar perkara ini dan bukankah dia setuju sepatutnya semua

kontrak-kontrak ini patut diumumkan supaya kita semua tahu dan tidak disembunyikan di bawah Official Secret Act (OSA). Dan, bukankah benar bahawa bukan sahaja IPP yang satu sahaja, YTL ada dapat *cash flow*, dengan izin, *at the experience of the paying public, suffering public* tetapi pun ada *cash flow* ada IPP yang lain semacam MRCB yang ada bersangkutan paut dengan UMNO. Semua pun, semua ini kita mahu satu kajian. Adakah Yang Berhormat setuju kita perlu satu kajian semula mengenai semua IPP kontrak dan kita menubuhkan satu jawatankuasa Ahli-ahli Parlimen untuk semak perkara ini? Oleh kerana ini akan lebih berkesan daripada menyuarakan sahaja.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, yang ini saya nampak Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini dia memang ada selalu *a few step ahead*. Kita baca di depan, dia sudah nampak belakang-belakang, itu saya serah kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor untuk apa difikirkan dan pihak menteri pun boleh jawab.

Tetapi yang pentingnya di sini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cuba sampaikan di Dewan yang mulia ini ialah supaya Tenaga Nasional Berhad memikirkan perkara ini secara masak-masaknya, bagaimana kita hendak *deliver*, bagaimana kita hendak menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan. Hari ini kalau kita tengok kualiti barangan yang disediakan. Baru-baru ini menteri kita, Menteri Tenaga kita telah pun menyatakan di dalam akhbar tentang bagaimana sikap pekerja-pekerja Tenaga Nasional Berhad yang menuntut lebih masa sehingga 300, 450 jam dalam sebulan. Ini adalah suatu kecaman yang begitu tinggi oleh pihak kementerian kepada tenaga-tenaga ini yang mana mereka ini, tenaga-tenaga kerja ini sebenarnya yang telah menyebabkan kita sentiasa menikmati bekalan elektrik yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita cepat cemburu kepada pekerja-pekerja yang telah bekerja bertungkus-lumus. Tuan Yang di-Pertua, saya pernah kerja dalam Tenaga Nasional Berhad, saya tahu macam mana dia orang bekerja. Bila masa tidak ada api sahaja mula sahaja hendak tengok apa sebabnya *tripping* tersebut. Kemudian selepas tengok panggil pula jurutera kawalan untuk lihat apakah yang sepatutnya dilakukan. Sudah tengok itu kena lakukan ujian, ujian pula bukan satu tempat, Tuan Yang di-Pertua, 10, 11 tempat hendak kena pergi bawa kereta dalam malam yang gelap-gelita. Inilah antara sebabnya apabila pekerja-pekerja Tenaga Nasional tadi menuntut kerja lebih masa, upah yang berlebihan, kerana mereka terpaksa memastikan yang bekalan

elektrik ini berterusan sampai ke rumah pelanggan-pelanggan ataupun premis pelanggan-pelanggan.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, tentang tenagakah? Hah, sekejap.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di sini *Fortune Magazine - the 2005 accountability ranking of the fortune global 100*. Di sini kalaulah ada sesuatu yang berlaku seperti di TNB memang *senior officers* dan CEO memang kena tendang dengan serta-merta. Mengapakah ini tidak berlaku di Malaysia? Adakah ini satu sebab Malaysia tidak *competitive*?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada 3 minit lagi ya?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Yang Berhormat bagi Sri Aman sebenarnya perkara ini berlaku dalam Tenaga Nasional Berhad. Kalau kita lihat krisis *black out* pada tahun 1993 telah menyebabkan CEOnya ditukarkan kepada CEO yang baru. Kemudian begitu juga pada 5 tahun yang berikutnya beberapa pengurus besar TNB telah ditukarkan dan telah diberhentikan oleh kerana *non-performance*.

Tetapi yang pentingnya, Yang Berhormat, hari ini kita hendak tengok bagaimana sistem yang ada di dalam Tenaga Nasional Berhad tadi melihat perkara-perkara di depan mata mereka, bagaimana IPP boleh membuat *return on investment* sebanyak 28% sedangkan TNB sendiri *as the mother company* cuma buat *return* sebanyak 5 ke 6% *return on investment*. Ini sesuatu yang pelik yang perlu kita fikirkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya satu topik yang saya kira penting dan mungkin boleh menjejaskan kredibiliti Ahli Parlimen kita di dalam Dewan yang mulia ini iaitu tentang isu penyenaiaan *Tabung Haji Plantation Sdn. Bhd.* Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu diambil serius oleh pihak menteri, perlu diambil serius oleh pihak kementerian.

Baru-baru ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau telah meluluskan cadangan Lembaga Tabung Haji untuk menyenaraikan *TH Plantation* di Bursa Malaysia setelah mendapat nasihat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) menasihatkan supaya bahawa cadangan

tersebut tidak menyalahi hukum Islam dan tidak menyalahi syarak, ini sahaja yang disebut oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia.

Lembaga Tabung Haji hanya merujuk kepada JFK sahaja bagi mendapatkan pandangan dari segi syarak dan bagaimana pula dengan isu perundangan dari Jabatan Peguam Negara, dari *Attorney General Of Chambers*. Persoalannya, adakah Tabung Haji telah merujuk kepada JPN kepada Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan ulasan, pandangan, komen, teguran dan juga kelulusan dari segi undang-undang bagi membolehkan Tabung Haji menyenaraikan *Tabung Haji Plantation* ini di Bursa Saham.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Jabatan Peguam Negara berpendapat Akta 535, Akta Tabung Haji 1995 perlu dibawa ke Parlimen untuk digubal dan dibuat penambahan kepada akta tersebut maka bawalah ia ke sini supaya diperbincangkan di peringkat Ahli-ahli Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, banyak benda yang kita kena lihat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Saya ada panjang ini hendak cerita ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sudah kita....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh sedikit tidak? Sedikit?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Ya sila, Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, jangan kita kelirukan lagi. Yang disebut Jawatankuasa Fatwa tadi ataupun Hukum Syarak kalau hendak senaraikan tidak ada apa-apa masalah, yang kita bertanya ini adakah wajar ataupun tidak untuk melindungi penyimpan yang berjuta orang ini. Kita tidak mempersoalkan soal *business*, kita mempersoalkan untuk *protect*, mempertahankan penyimpan-penyimpan yang dalam Tabung Haji. Itu yang kita maksudkan. Apakah Yang Berhormat setuju, wajar ataupun tidak?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Pada saya Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji adalah hak penabung, adalah hak pendeposit. Tabung Haji adalah hak penyimpan-penyimpan untuk itu adalah wajar bagi Tabung Haji untuk mendapatkan mandat pendeposit, mendapat mandat daripada penyimpan, mendapat mandat daripada penabung-penabung sama ada mereka ini boleh disenaraikan ataupun tidak.

Jadi, untuk mendapatkan persetujuan mereka itu adalah mungkin suatu yang rumit dan makan masa. Jadi, biasanya hendak *short cut* hendak ambil jalan mudah *take*

*things for granted* terus, Okey kita apungkan pada bulan 12 ini untuk disenaraikan dalam Bursa Malaysia. Inilah perkara-perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pihak kementerian berilah peluang dan ruang kepada Ahli-ahli Parlimen, untuk menyuarakan suara penyimpan-penyimpan agar kita dapat melahirkan sebuah tabung, sebuah badan yang benar-benar menjaga kepentingan penyimpan-penyimpan di Tabung Haji.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit lagi boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini ada pandangan mengatakan ini masalah yang remeh-temeh, adakah ini remeh-temeh? Ini soal kepentingan umum Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat? Ada pandangan mengatakan ini soal remeh-temeh tidak perlu diperbincangkan dalam Parlimen ini. Bukankah ini untuk kepentingan berjuta-juta penyimpan? Apa pandangan Yang Berhormat tentang ada pandangan mengatakan kita hanya membincang perkara-perkara yang remeh.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, kita pun tahu Yang Berhormat bagi Larut telah menyebut jumlah penyimpan dan mempunyai RM75.5 juta syer dan sebagainya, ini adalah bukan satu perkara yang remeh, ini adalah satu perkara yang penting, yang perlu kita perbahaskan dan yang perlu kita buat keputusan bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Parit Sulung ya.

**3.09 ptg.**

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Saya mulakan ucapan ini dengan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah bermurah hati memberikan peruntukan lebih kurang RM50 ribu kepada Parlimen. Walau bagaimanapun saya amat malang sekali, saya tidak tahu siapa lembap dan siapa yang tidak lembap. Sebabnya yang pasti saya tidak lembap.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Saya terima 4 keping surat untuk tujuan yang sama. Saya jawab semua surat setiap kali surat itu datang, saya simpan salinan-salinannya. Namun walaupun begitu malang, satu surat lagi datang, ulangan satu,

ulangan satu, sudah empat surat kita jawab. Ulangan satu dia beri pada kita? Saya menulis surat menerangkan A sampai Z. Saya kata saya berasa malu, sebagai seorang Ahli Parlimen saya sudah menjawab empat keping surat, satu keping pun dia tidak dapat. Merata-rata saya pergi hantar sk, sk, sk, dia hantar pada saya ulangan satu. Saya mohon dia minta maaf pada saya tetapi dia tidak hendak, inilah kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian dan industri asas tani. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah perkara yang amat perlu sekali. Kalau kita hendak berjaya di masa yang akan datang, pendidikan tidak boleh kita tinggalkan. Nasib generasi kita, bukan sahaja pembangunan yang kita lihat, tetapi generasi yang akan kita tinggalkan bergantung kepada ilmu dan pendidikan mereka. Sebab itulah Allah SWT menerangkan [*Menyebut sepotong ayat Al-Quran*]; "Kamu tidak boleh sekali-kali meninggalkan satu zuriat yang lebih lemah daripada kami". Tuan Pengerusi....

**Beberapa Ahli:** Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tan Sri... Speaker?

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** [*Ketawa*] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dia orang Arab memang macam itu sedikit.

**Seorang Ahli:** Macam unta sedikit, kan?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Keciciran pelajar dalam negara kita merupakan satu perkara yang penting. Untuk tahun 2005 sahaja, statistik menunjukkan keciciran ini berjumlah RM2, 212 orang. Negeri yang paling tinggi tercicir adalah Perak, maafkan saya. Parlimen yang paling ramai tercicir adalah Kapar, maafkan saya. Itu statistik yang saya dapat. Kalau kita melihat dari sudut keciciran ini, mengapa keciciran berlaku? Bukan kerana miskin, miskin bukan sebab kita tercicir. Sebenarnya keciciran yang paling banyak berlaku, kita tidak berminat. Anak-anak generasi kita tidak berminat. Mereka tidak dapat dikesan di mana hujung pangkalnya. Saya ambil contoh statistik-statistik yang saya ada.....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Yang Berhormat hendak bercakapkah, Yang Berhormat? Saya bagi Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ya, bukan saya kerana saya dapat tahu yang sahabat saya ini, Tuan Yang di-Pertua, dia Lembaga Pengarah TH Plantations ini.

Jadi dia sudah baca hadis, sudah baca apa tadi, saya tengok seronok juga tetapi saya hendak tanya dari segi personal dia sebelum dia pergi jauh ke hadapan, bagaimana pendapat dia yang TH Plantations ini yang hendak pergi ke IPO ini. Ini pun hendak tanya juga, Tuan Yang di-Pertua, sebelum pergi jauh ini Tuan Yang di-Pertua, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Terima kasih, terima kasih. Bagi pihak Kerajaan Malaysia kah? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, apa pun kita buat, mesti ada baik dan mesti ada buruk. Kalau kita berani menyahut cabaran, kita akan berjaya. Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.... *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tan Sri Yang di-Pertualah! Alahai...

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Apa? Oh, Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya Tan Sri, ampun Tan Sri... *[Dewan riuh] [Ketawa]* Bulan puasa ini lain sedikit lidahnya. Orang Arab ini ahli syurga, jadi macam itulah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh keciciran ini pada tahun 2000 seramai 426,435 orang pelajar telah menduduki UPSR, okey, *alright*. Selepas 3 tahun kemudian, hanya seramai 420,220 calon telah menduduki PMR. Ertinya ada 6,000 lebih yang kita tidak tahu di mana. Mana mereka? Siapa yang hendak tengok mereka? *[Disampuk]* Kita pergi lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan. *[Ketawa]* Masa tidak ada.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Dua tahun kemudian, dua tahun selepas itu, tahun 2005 hanya seramai 416,741 calon telah mengambil peperiksaan SPM, tercicir lagi 3,479 orang, campur dengan 6,215 orang, campur tolak adalah lebih kurang 9,000. Ini yang jelas ada. Tuan Pengerusi, kalau kita tengok.... Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Kalau *cokmar* itu di atas, Tuan Yang di-Pertua dan di bawah, baru Tuan Pengerusi.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Ya, ya. Kalau kita tengok kepada kemasukan ke IPTA, lepasan SPM yang mohon hendak masuk kursus diploma, 132,000, lepasan STPM, lepasan matrikulasi, 105,000, lebih kurang ada 237,000. Tempat cuma

ada 39,976 untuk diploma, matrikulasi, lepasan universiti dan STPM. Ada beratus ribu lagi.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya masalah keciciran ini dilihat dengan serius oleh Kementerian Pendidikan. Statistik yang saya sebut sebentar tadi, di negeri Perak misalnya, sekolah rendah saya sebut ini, seramai 563 orang. Saya juga mencadangkan, kalau kita melihat keciciran ini sebagai satu perkara yang penting, satu jawatankuasa Kabinet hendaklah kita bentuk, kita lihat secara tersusun. Jumlah yang lahir pada tahun ini berapa? Kemudian itu jumlah yang masuk sekolah rendah berapa? Tujuh tahun kemudian. Kemudian itu berapa ramai yang ambil UPSR. Kita tidak ada statistik ini. Kita tidak tahu di mana anak-anak generasi kita pergi. Yang lahir sekian ribu, yang ambil UPSR, yang masuk darjah satu? Daripada darjah satu ambil UPSR...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of Order* Tuan Yang di-Pertua. Dia menghala kiri dan kanan, dia sepatutnya menghala kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker. *[Ketawa]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Ampun Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini selalu potong saya punya jalan sebab saya makin lama lagi makin naik, jadi saya turunlah balik.

Berapa ramai yang ambil UPSR, berapa ramai yang ambil PMR, berapa ramai yang ambil SPM dan berapa ramai yang masuk institusi-institusi pengajian tinggi, matrikulasi dan kemahiran? Kita tidak ada data, kita kata pasal modal insan, kita tidak ada benda ini. Tuan Pengerusi, err.. Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* ....sebab puasa itu yang masalah. Sebab itu saya mencadangkan supaya kajian yang terperinci dan kalau perlu satu jawatankuasa Kabinet dibentuk untuk menilai secara terperinci tentang keciciran ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa ramai yang berkata tentang kes-kes di mahkamah dan ramai yang kata kita kalah kes. Ada beberapa kes besar-besarnya yang kita kalah.

Peguam-peguam pun, ada peguam pula dok cerita surat khabar pendakwa ini dia kata tidak ada pengalaman, kesian pendakwa. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, peguam dengan pendakwa ini lain tugasnya. Peguam dia pergi ke mahkamah dia memang hendak menang. Saya sebagai peguam, saya ambil RM100 ribu saya akan menangkan kes. Tetapi sebagai pendakwa saya pergi ke mahkamah untuk keadilan.

Saya tidak boleh *coach* dengan izin, saya tidak boleh hendak tunjuk polis awak kena cakap macam ini..., macam ini...macam ini.... Saya tidak boleh hendak beritahu kepada saksi awam awak kena cakap macam ini..., macam ini..., macam ini... Saya tidak boleh bina keterangan, tidak boleh.

Sebagai pendakwa kita membawa keadilan. Apa yang telah disiasat oleh polis kita bawa ke mahkamah. Sebab itu, bila peguam tugas dia hendak menang kes, dia macam-macam cara. Umpama contohnya pengalaman saya dia pernah *kidnap* dengan izin, apa *kidnap*? Dia pernah culik saya punya saksi, ya betul dia mengaku depan saya tetapi kita profesional kita tidak boleh ambil benda ini peribadi. Kita tidak boleh bawa satu kes oh aku macam mana mesti menang, tidak boleh. Kita hanya menegakkan keadilan kalau adil apa itu adil Tuan Yang di-Pertua.

Adil bukannya saksama, adil bukannya satu-satu, saya ada dua isteri, adil bagi satu ini, satu ini bukan. Adil itu ertinya meletakkan sesuatu pada tempatnya.

**Seorang Ahli:** Yang tua lebih.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Kalau tempatnya dia tidak bersalah, dia tidak bersalah, *who knows [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* kata Allah: “Siapa yang lebih tahu daripada Aku yang menciptakan.” Seorang pun tidak tahu.

Saya Tuan Yang di-Pertua, saya ditangkap konon-kononnya saya ini membunuh seorang wanita, saya pergi, saya kata betul saya pergi. Saya bersetubuh ada air mani saya tetapi saya tidak bunuh dia. Apakah saya boleh dihukum, bolehkah saya digantung? Tidak boleh. Tali gantung adalah sesuatu yang maha-maha besar bagi hakim dan pendakwa untuk memutuskan. Kita tidak buat suka-suka, bukan kes datang 50/50 kita jalan *no way*. Kita *study* dengan izin, kita kaji kes kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Sedap bercakap ini sebentarlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin[Jerai]:** Assalamualaikum Warahmatulahi wabarakatuh.....

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Kalau begitu ramai yang hendak bercakap saya hendak tanya satu sahajalah dengan MOSTI.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin:** Minta penjelasan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat kenalah...

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Duduk?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Duduk dahulu. *[Ketawa]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tak apalah saya berdiri, cakaplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tak boleh, undang-undang.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Boleh duduk okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ikutlah peraturan-peraturan. Saya hendak tahu perbezaan kerana Yang Berhormat tadi mengatakan Yang Berhormat adalah ahli syurga...

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Alamak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....jadi saya hendak tahu Yang Berhormat, undang-undang peraturan mahkamah di Malaysia dengan di Makkah, di negeri Arab macam mana Yang Berhormat? Ada perbezaankah dari segi pendakwaan dan juga jatuh hukuman ini?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya suka mencadangkan supaya yang penting ialah latihan. Latihan bukan sahaja kepada pendakwa, latihan kepada pegawai penyiasat, ini yang paling penting. Seksyen 113 hendak diketepikan tidak *it's not the issue*. Bukan isu dia. Kita tidak pakai pun sangat Seksyen 113 itu. Yang kata dia mengaku salah tak salah itu sebenarnya dalam pendakwaan ini kita pakai itu *last* tau, akhir sekali. Agak-agak kita dah 60 peratus kita tengok itu kata apa, 113 kata apa, 113 kata dia mengaku, ha masuklah dakwa, itu akhir, sebenarnya keterangan awam.

Keterangan awam, hari ini saya bawa kes Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap atas kertas dia cakap lain. Bila dia datang masuk ke mahkamah dia kata sebelum itu, lagi sebelum itu, sebelum itu dia bercakap dah tunggang terbalik. Kita yang bawa kes kita tidak boleh *coach* dia, pendakwa tidak boleh hendak tentukan apa yang dia akan cakap. Pendakwa kena beri dia peluang bercakap dan peguam *trust* dia. Apa tadi, hendak bercakap juga? Silalah .....

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pernah jadi pegawai pendakwa, tetapi kalau kita lihat baru-baru ini banyak kes yang besar kalah dan sebagainya. Rakyat bukan meragui sistem kita kerana walaupun kita mempunyai penyiasat yang cekap - Malaysia kita berbangga kerana setiap kes tidak lama selepas kejadian penjahat akan ditangkap, tetapi bila dibawa ke mahkamah, penjahat bebas, ini menimbulkan keraguan kepada sistem yang ada. Jadi tadi Yang Berhormat kata pendakwa bila bawa kes bukan untuk menang, berbeza dengan peguam.

Saya tidak berapa setuju kalau katakan peguam hanya mementingkan untuk menang semata-mata kerana kita juga mempunyai etika. Saya tidak pernah menjadi pendakwa tetapi saya pernah jadi peguam. Sekarang dari segi pendakwa tadi, adakah pendakwa tidak mengkaji kes mereka sebelum di bawa ke mahkamah? Mereka mempunyai IP kertas siasatan daripada pihak penyiasat untuk dikaji. Adakah kerana ada kes, kerana ada tekanan daripada pihak *public* untuk diselesaikan dengan segera bawa kes mahkamah tidak check, tidak *study* dari segi kemungkinan-kemungkinan menang atau kalah maka dibawa sahaja ke mahkamah. Sepatutnya pihak pendakwa mesti chesk, mesti *study* bagaimana kes mereka boleh menang atau tidak dan sebagainya?

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pendakwa kita ini semua pandai, dia kaji cukup, dia tidak akan buat zalim orang. Tidak ada, kita tidak mempunyai pendakwa yang bodoh, tidak. Saya hari ini jadi pendakwa, besok saya bawa kes 39(B) saya gantung orang. Alhamdulillah lah, Tuan Yang di-Pertua saya dah gantung tiga orang, bolehlah.

Kita sebenarnya kaji cukup tetapi masalah kita bila dibawa ke dalam mahkamah, saksi-saksi awam, kita tidak boleh *coach* polis, kadang-kadang benda ini dah berlaku beberapa lama yang dulu. Saya ambil contoh, contohnya kita ini kadang-kadang kita menghukum dulu. Media kita pun kadang-kadang mainkan peranan itu masalah dia. Contohnya satu kes rogol di Johor, apa nama tempat itu? Bukan Pasir Gudang, Gelang Patah. Perogol itu menamakan satu orang lain. Polis tidak dakwa orang itu, masuklah dalam surat khabar begini, begitu kenapa tidak didakwa sedangkan orang ini sebut namanya datanglah peguam entah mana-mana peguam yang kata *cooperation* boleh diguna.

Tuan-tuan tahu? Tidak ada bukti hendak dakwa apa? Saya cakap saya merogol Aminah bersama Ismail Bera. Ismail Bera boleh kenakah? *[Ketawa]* Itu sahaja. Berdasarkan itu, surat khabar boleh masuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin:** Penjelasan Yang Berhormat penjelasan, ini 'main bera' apa...

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Ini, dato', Yang Berhormat yang belakang. ada.....

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulung, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujahan yang dikemukakan

oleh Yang Berhormat Parit Sulung berkenaan dengan *coach* iaitu mengatur keterangan yang akan disampaikan oleh saksi sama ada saksi awam ataupun saksi polis. Seperti Yang Berhormat Bera saya juga beramal sebagai seorang peguam di mahkamah lebih kurang 19 tahun yang lalu tetapi saya ingin menyatakan dan mohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Sebagai seorang pendakwa, pihak pendakwa dibantu oleh peruntukan undang-undang, Yang Berhormat sudah sebut Seksyen 113, Kanun Acara Jenayah.

Jadi adakah Yang Berhormat tidak berminat untuk menggunakan peruntukan 112 berkenaan dengan keterangan saksi yang diambil ketika siasatan dan ini boleh digunakan sebagai garis panduan kesemua saksi sama ada saksi polis atau saksi awam?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, satu minit setengah sahaja. *[Ketawa]* Memang betul, Seksyen 112 itulah masa kita memutuskan hendak dakwa orang atau tidak sebab Seksyen 112 adalah keterangan bertulis. Kita tidak berjumpa orang kita baca, kita baca, baca dah habis baca - 112, 113 okey dakwa kita kata kerana berdasarkan keterangan bertulis.

Bila orang itu sendiri datang, dia punya cerita ini yang dalam kertas sudah tidak jadi. Takkan kita hendak *impish* kita punya saksi sendiri. Banyak kita punya kerja. Jadi yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya mencadangkan supaya pegawai-pegawai tinggi (*senior officer*) ambil kes-kes yang utama. Kes bunuh ini kalau kita ada 100, menang 20 pun untung. Siapa nampak orang bunuh orang? Hendak gantung orang atas sebab dia bunuh orang bukan senang, kecuali nampak saya bunuh dia baru boleh. Kalau tidak, *coroborates*, andaian-andaian sana, andaian-andaian sini, saksi sini sana, mana boleh. Kalau dalam 100, 20 pun sudah kira taraf ahli syurgalah itu. *[Ketawa]*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi yang keduanya, latihan-latihan terutama di bidang penyiasatan. Pegawai-pegawai penyiasat dan juga yang melibatkan kes-kes yang penting mungkin kajian-kajian dan latihan-latihan yang lebih kerap dapat diberi.

Akhirnya satu minit, ada setengah lagi, setengah minit sahaja. Saya hendak tanya sedikit kepada MOSTI. MOSTI ini Kementerian Sains. Saya hendak tanya fasal

RazakSAT. Bila hendak kita lancarkan ini? Saya dengar tahun ini. Tetapi dengar macam tidak jadi pula. Dahulu masa TiungSAT, kita JV dengan SSTL, syarikat di UK. Sekarang RazakSAT kita hendak ambil daripada syarikat Korea Selatan. Razak tunggu sat. Jadi kita hendak ambil daripada Korea. Dengar cerita pula, yang Korea ini pula diambil daripada UK SSTL dulu, yang kita JV dulu! Kelakar tidak kelakarnya, ya. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Jadi mintalah penjelasan daripada MOSTI. *Wassalam Mualaikum Warahmatullahi Taala .....*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros:** Eh, Apsal berdiri ini? Apsal berdiri ini? Saya menyokong. *[Dewan gamat seketika] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sepanggar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sidang kita haruslah dipanjangkan.....

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk, duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** ..... supaya lebih ramai Ahli Yang Berhormat boleh berucap.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terlebih dahulu ingin saya merakamkan terima kasih kerana.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Saya berjuang untuk semua. Semua kena sokong saya. Yang Berhormat bagi Kinabatangan sokong? Yang Berhormat bagi Kinabatangan sokong, usul saya, usul saya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Saya punya *floor* ini.

### 3.32 ptg.

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terlebih dahulu ingin saya merakamkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Bajet 2006 sebagai interim Rancangan Malaysia Kesembilan. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan yang dikasihi kerana dapat menyampaikan bajet ini dengan tajuk slogan "Membina Ketabahan, Menghadapi Cabaran". Tajuk slogan ini kena pada tempatnya di mana pada ketika ini, kita sedang dilanda dengan kenaikan harga minyak mentah global dengan mendadak. Akibat

kenaikan harga minyak ini, semua lapisan rakyat merasai tekanan hidup yang sangat mencabar.

Kita sama-sama berharap dan berdoa agar pihak-pihak tertentu khasnya, pihak pengilang, pihak pengusaha serta pihak peniaga tidak akan sewenang-wenangnya menaikkan harga jualan serta perkhidmatan dengan melambung sehingga bayi kecil dan kanak-kanak di bangku sekolah pun merasai beban kenaikan harga susu, buku dan tambang perkhidmatan pengangkutan yang tidak sewajarnya dilambungkan harga penjualannya.

Dengan kenaikan harga diesel, hampir semua cara hidup seharian kita terjejas. Contohnya, di kedai kopi secawan kopi pun telah dinaikkan harga di antara 20 sen hingga 50 sen sedangkan air kopi dan gula setahu kita tidak ada kenaikan harganya. Apa yang sebenarnya terjadi ini semata-mata hanya untuk mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang harus tidak terjadi sekiranya pihak pengusaha serta peniaga ini mempunyai semangat serta perasaan, keprihatinan sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab.

Saya difahamkan bahawa pengusaha serta peniaga-peniaga menggunakan nama persatuan-persatuan mereka masing-masing untuk persetujuan bagi menaikkan harga niaga semata-mata untuk kepentingan mereka sendiri tanpa prihatin terhadap bebanan yang dikenakan kepada pengguna. Walaupun kerajaan, pemimpin, NGOs serta pengguna menyuarakan bantahan demi bantahan, namun peniaga tidak menghiraukan. Saya mencadangkan agar kerajaan melipatgandakan pengawalan serta penguatkuasaan harga-harga niaga ini dan juga memperluaskan promosi semangat jimat cermat di kalangan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan kemudahan serta mempertingkatkan rakyat jelata untuk memiliki bangunan rumah sendiri, saya percaya seruan dan tujuan.....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sepanggar. Menyentuh tentang kenaikan harga barang, semalam kita baca dalam akhbar Tuan Yang di-Pertua, tambang bas ekspres daripada Johor Baharu ke Sungai Petani, didedahkan semalam ada syarikat yang mengenakan

tambang sehingga RM84. ini kenaikan hampir 50% daripada harga biasa. Ini antara contoh di mana saranan kerajaan supaya peniaga ini tidak menaikkan harga ini ekoran daripada kenaikan harga minyak, macamlah suatu analogi kalau hendak mengandung boleh, tetapi perut jangan besar, seolah-olahnya begitu. *[Ketawa]* Jadi adakah sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sepanggar bersetuju bahawa, sebenarnya harga barang di pasaran naik dengan berleluasa dan ini sangat membimbangkan rakyat, khususnya yang berpendapatan rendah. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebenarnya inilah keluhan-keluhan kita sekarang ini di mana peniaga-peniaga dan juga penguasa-penguasa pengangkutan ini sewenang-wenangnya melambungkan harga-harganya. Terima kasih. Saya percaya seruan dan tujuan murni ini haruslah diberi galakan sepenuhnya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ledang bangun.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Saya teruskan dululah. Belum habis lagi. Diberi galakan sepenuhnya agar kedua-dua pihak khasnya, pemaju dan pemilik sama-sama mendapat faedah sepenuhnya bersama. Melainkan ada pula pihak tertentu khasnya pemaju-pemaju bangunan rumah yang bukan sahaja mengambil keuntungan berlebihan, malahan hanya mementingkan perusahaan mereka sendiri tanpa merisaukan kedudukan serta penyelenggaraan bangunan selepas sahaja pemilik dapat *certificate of occupancy* dengan izin. Contohnya di Sabah, surat perjanjian jual beli atau *sell and purchase agreement* dengan izin, rata-ratanya dibuat semata-mata untuk mementingkan pihak pemaju sahaja dan mengetepikan kepentingan pihak pembeli atau pihak pemilik bangunan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita membeli sebuah alat elektrik sekecil transistor radio, kita selalunya diberi jaminan had tempoh sekurang-kurangnya satu tahun. Apa lagi dengan belian yang bernilai beribu-ribu ringgit tentu sekali jaminan had tempoh menjangkau lima hingga 10 tahun dan ada juga yang berpuluh-puluh tahun. Tetapi dengan pembelian rumah, bangunan rumah yang berkedudukan statik dan bernilai berpuluh, malahan beratus-ratus ringgit, ianya hanya diberi had tempoh jaminan enam bulan hingga satu tahun dan juga pemaju yang tidak akan merisaukan tanggungjawab dalam penyelenggaraan (*maintenance*) terhadap penggunaan rumah walaupun masih di

dalam tempoh jaminan. Perbuatan seperti ini menunjukkan bahawa pemaju tidak mempunyai keprihatinan serta ketelusan kepada pemilik bangunan rumah yang didiami sepanjang hayat pembeli. Ya Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar. Berbalik kepada kenaikan harga barang. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Sepanggar satu perkara sahaja. Sebagai contoh, harga kacang buncis yang dijual oleh petani cuma 50 sen sekilogram. Tetapi di pasar sekarang RM2.50, seolah-olah ada sesuatu tidak kena. Maknanya harga barang itu tidak naik, tetapi naik di tempat lain. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Sepanggar?

**Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Inilah sebab, saya rasa pada ketika ini kurang pemantauannya. Pihak-pihak Kerajaan saya rasa haruslah menggemblengkan pemantauan supaya harga ini dapat kita betul-betul ketahui di tempat-tempat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak kerajaan khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengambil berat terhadap pemantauan serta polisi penjualan jual beli ini agar ianya tidak memihak kepada suatu pihak sahaja dan semasa dalam tempoh jaminan seharusnya ditangani dan pemilikan *grant* atau *title* dengan izin, haruslah diberi kepada pemilik rumah sebaik sahaja pembayaran harga rumah itu dijelaskan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menjamin ketelusan agar generasi kita mendapat pendidikan yang terjamin menuju rakyat cerdas pandai, cemerlang, gemilang dan terbilang, kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran yang telah mendapat bujet terbesar. Ini semata-mata untuk mempertingkatkan jaminan tahap pendidikan yang terbilang, mutu pelajaran yang terbaik serta bangunan sekolah yang selamat sangat dialu-alukan khasnya di pinggir bandar serta di luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Guru-guru yang berpengalaman dengan bantuan alat-alat mengajar yang tercanggih dapat diperuntukkan di sekolah-sekolah di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa di negeri-negeri di Semenanjung, sekolah-sekolah menengah serta sekolah-sekolah rendah terdiri daripada SJKC, SJKT telah diberi jaminan serta peruntukan-peruntukan penyelenggaraan atau pun pembinaan yang dikendalikan oleh pihak-pihak tertentu. Bangunan sekolah-sekolah yang dahulunya dikendalikan sepenuhnya oleh pihak *mission* atau pun pihak mubaligh, atau *missionary*

*school* di Sabah dan Sarawak, pada ketika ini kebanyakannya adalah dalam keadaan yang tidak selamat diduduki.

Tidak dinafikan bahawa mutu pelajaran sekolah-sekolah ini sangat tinggi malahan tahap kejayaan peperiksaan di sekolah-sekolah ini lebih baik dari sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah menengah kerajaan. Kedudukan sekolah-sekolah mubaligh atau *missionary* ini yang kebanyakannya dibina pada tahun lima puluhan atau pun dalam tahun enam puluhan, dalam keadaan usang dan tidak selamat.

Saya merayu dan memohon kepada pihak kerajaan agar memberi keutamaan, keprihatinan dalam keadaan dan keselamatan sekolah ini, sebelum ada kejadian yang tidak diingini berlaku pada kanak-kanak serta guru-guru kita. Sehubungan dengan pihak-pihak pengajar, saya merayu agar guru-guru di Semenanjung serta di Sabah dan di Sarawak seharusnya diberi kemudahan seperti elaun hidup dan elaun perumahan tanpa perbezaan. Saya difahamkan bahawa guru-guru di Semenanjung yang ditukar perkhidmatannya ke Sabah dan Sarawak, mendapat elaun perumahan sebanyak RM850.00 sebulan, manakala guru-guru dari Sabah yang ditukar perkhidmatan ke daerah-daerah di Sabah dan Sarawak serta di Semenanjung hanya diberi elaun perumahan di antara RM250 hingga RM380 sebulan. Keadaan seperti ini sangatlah menjejaskan kepada situasi kedudukan guru-guru khasnya yang dari Sabah. Saya merayu kepada pihak kementerian agar mempertimbangkan keluhan guru-guru ini. Berilah mereka kemudahan elaun hidup dan elaun perumahan dengan berpatutan tanpa perbezaan yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita dilanda Tsunami pada tahun yang lalu, semua pihak terutama pihak kerajaan telah bertindak dengan pantas untuk menyelamatkan dan memulihkan cara hidup rakyat. Segala bantuan telah disalurkan kepada mangsa Tsunami tanpa soalan dan keraguan tetapi bila kami di kawasan Sepanggar dilanda banjir lumpur pada 17 Julai, 2005 yang mengakibatkan 3 orang terkorban, 1,120 keluarga dan 12 buah bangunan sekolah, yang melibatkan kehilangan berjuta-juta ringgit harta benda, seolah-olah tidak ada yang betul-betul mengambil perhatian. Ada pula pihak tertentu tidak mengakui bahawa banjir lumpur itu sebagai bencana.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Kebajikan yang menyampaikan bantuan kewangan walau pun hanya diberi selepas tiga hari kejadian banjir lumpur tersebut. Bagi pihak rakyat Sepanggar, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada pihak perseorangan khasnya pihak

Persatuan *Buddhist* Suci yang telah memberi bantuan wang ringgit kepada mangsa-mangsa banjir. Begitu juga kepada pihak kerajaan yang lain, seperti Jabatan Parit dan Saliran, kerja-kerja untuk memulihkan keadaan sehingga kini, malangnya kerja-kerja...

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuaran bangunan

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar. Ini soal bantuan bencana alam, banjir di kawasan Telibung, baru-baru ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bantuan yang diberi oleh kerajaan iaitu hanya RM150.00 adalah diambil dari tabung kebajikan dari daerah masing-masing. Bantuan daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM500.00 belum lagi diserahkan kepada kerajaan negeri dan rakyat, terutama sekali mangsa-mangsa banjir masih lagi tertunggu-tunggu. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya bantuan RM500.00 ini dipercepatkan sebelum hari raya kalau boleh.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Memang ini betul, di mana sebenarnya SKN sendiri telah pun mengulas dan mengatakan bahawa bantuan sebanyak RM500.00 akan diberi kepada mangsa-mangsa tetapi hingga sekarang ini belum ada bantuan diberi. Saya mohonlah kepada kerajaan pusat supaya mempercepatkan bantuan ini supaya kita dapat bantuan ini sebelum hari raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar kerja-kerja untuk memulihkan keadaan yang terdapat kerosakan jalan-jalan raya yang utama dan jalan-jalan kampung yang terputus belum lagi diperbaiki sehingga sekarang ini. Begitu juga dengan kerosakan alat-alat bantuan mengajar serta kawasan persekitaran sekolah, bangunan sekolah belum dapat diperbaiki. Saya merayu kepada pihak Kerajaan Pusat agar menyalurkan bantuan segera demi untuk kebaikan rakyat serta mangsa-mangsa. Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang di mana kita semua dalam keadaan tekanan kenaikan harga keperluan seharian, pihak-pihak kewangan, khasnya pihak-pihak bank seharusnya memberi kemudahan-

kemudahan pinjaman yang mudah dan cepat. Disebabkan kesukaran untuk mendapatkan kemudahan dari bank maka ramai rakyat telah terpedaya dari agensi yang tidak berlesen, daripada orang-orang tertentu seperti *lone shark* atau Along. Perbuatan penipuan Along ini haruslah ditangani oleh pihak kerajaan sebab jika ia tidak dapat dihentikan, maka ia akan bukan sahaja merosakkan rumah tangga tetapi ia juga akan mengakibatkan nyawa.

Laporan demi laporan kita dihantui dengan keretakan keluarga serta bunuh diri disebabkan serangan Along. Kerajaan haruslah menghentikan perbuatan haram serta terkutuk Along ini. Kita merayu kepada pihak kerajaan supaya menggubal satu undang-undang untuk memudahkan syarat serta cara untuk mendapatkan pinjaman daripada badan-badan kewangan. Tuan Yang di-Petua, dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sebelum berdiri oleh kerana ada usul saya minta Menteri bawa usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.00 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul diputuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila.

**3.52 ptg.**

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** *Asssamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terutama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama turut membahas ucapan Bajet 2006. Saya akan menyentuh sekiranya ada masa yang cukup untuk P.22 dan P.26. P.22 iaitu Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan P.26 mengenai Kementerian Usahawan dan Koperasi. Saya takut tidak cukup masa. Bajet pada tahun ini pada hemat saya sederhana dan berhemat. Penumpuan diberi kepada sektor luar bandar, pertanian dan sebagainya yang melibatkan rakyat yang terbanyak miskin. Untuk itu saya akan menyentuh beberapa fakta sebelum saya pergi kepada cadangan.

Daripada Laporan MAPEN II turut memaparkan ketidakseimbangan dan kemiskinan iaitu yang paling ketara di semua daerah luar bandar berbanding bandar. Pada tahun 1990 kemiskinan di luar bandar seluruh negara 21.8% dan di bandar 7.5%. Perubahan kemiskinan pada tahun 2000 ialah di luar bandar 11.2% dan di bandar 3.1%. Ini bermakna dalam tempoh 10 tahun penurunan kemiskinan secara puratanya adalah 10.6% di luar bandar dan 4.4% di bandar. Namun begitu bila diperhatikan kepada pencapaian usaha bagi membasmi kemiskinan di Sabah dan Sarawak ternyata prestasinya jauh lebih rendah. Di Sabah dari tahun 1990 hingga tahun 2000 penurunannya sebanyak 12% iaitu daripada 39.1% kepada 27.3% untuk luar bandar dan 8.2% untuk bandar. Namun, penurunan lebih kecil di Semenanjung dan Sarawak berbanding di Sabah iaitu penurunan sekadar sekitar 8% di luar bandar di 4% di bandar.

Apa yang utamanya penurunan kadar kemiskinan ini telah menampakkan strategi pembasmian kemiskinan sehingga tahun 2000 adalah tidak seimbang. Tahun 2000 iaitulah Dasar Pembangunan Wawasan yang dibentangkan dalam MAPEN II. Tidak seimbang dan terus mengekalkan kedudukan kemiskinan luar bandar jauh lebih tinggi berbanding di dalam bandar terutamanya sekali di Sabah dan Sarawak didapati jurang begitu besar. Misalnya di Sabah kemiskinan di bandar hanya 6.5% sedangkan di luar bandar 27.3% dan di Sarawak kemiskinan di bandar 0.8% sedangkan di luar bandar 16.5%.

Di dalam peruntukan P.22 iaitu Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah yang bertanggungjawab secara langsung untuk membasmi kemiskinan ini hanya diperuntukkan dalam pembangunan sebanyak RM1.589 bilion sahaja. Saya rasa

peruntukan ini tidak cukup. Dalam persidangan yang lepas saya telah membangkitkan perkara ini dan Sri Gading telah menyatakan peruntukan yang diminta sebanyak RM8 bilion itu adalah mencukupi tetapi peruntukan yang diberi hanya RM1.589 bilion sahaja. Jadi kekurangan defisit dalam melaksanakan agenda pembasmian kemiskinan ini defisitnya lebih kurang RM16.5 bilion lagi pembangunan. Jadi dalam masa ini saya rasa Kementerian Wilayah dan Luar Bandar sangat tertekan. Bagaimana agihan ini hendak dibuat.

Kalau kita tengok yang perlu kita terangkan di Dewan ini terbahagi kepada dua, satunya dipanggil Malay ..... state iaitu negeri-negeri yang dominasinya bumiputera keturunan Melayu yang termiskin kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di pantai barat Semenanjung. Negeri-negeri yang termiskin di Semenanjung ialah Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Dan negeri-negeri yang maju di pantai barat ialah selebihnya. Yang paling banyak sekali kemiskinan di negeri-negeri maju ini ialah Perak sebanyak 7% itu sangat rendah. Jadi kita mahu tahu satu RM1.5 bilion ini diagihkan bagaimana dan dalam projek apa terutama sekali di Sabah. Walaupun telah diperuntukkan sebanyak 2 bilion di Sabah dan Sarawak untuk pembangunan kebanyakan infrastruktur tetapi bagaimana di bawah Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini hendak dibasmikan projek-projek ekonominya, projek-projek yang lain yang boleh meningkatkan pendapatan hidup dan ekonomi luar bandar ini. Jadi kita perlu tahu di Dewan ini bagaimana agihan itu dibuat. Dari segi agihan itu telah kita dapat mengukur sama ada sejauh mana berjayanya untuk membasmi kemiskinan tegar ataupun kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua di bawah Pembangunan P.26, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kebetulan saya mewakili rakyat di kawasan saya yang kebanyakannya adalah industri batik dan juga industri songket. Dalam soal ini sebelum saya pergi kepada cadangan, industri pembuatan batik dan kraf terdapat di seluruh Malaysia tetapi kebanyakannya tertumpu di Kelantan dan Terengganu. Bancian pada tahun 1998 menunjukkan 63.8% dari usahawan batik dan kraf adalah dari Kelantan. Perusahaan batik mula diusahakan mulai tahun 1940-an lagi. Industri batik boleh menjanakan kerja, peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan yang boleh diwujudkan di dalam industri batik ini sebanyak 27% guna tenaga dan sektor perkilangan iaitu kira-kira 56 ribu peluang pekerjaan dan peluang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya ciri-ciri perusahaan batik di Kelantan atau di Terengganu adalah seperti berikut yang masih ada sekarang ini; mempunyai struktur industri tradisional, tidak menggunakan mesin atau tidak menggunakan enjin; tiada kemudahan infrastruktur; 85% dari pengusaha kecil, 15% daripada pengusaha besar dan sederhana. Lima daripada pengusaha batik yang besar yang berjaya mencapai RM12 juta hingga RM18 juta setahun. Terdapat tiga kategori pemprosesan batik iaitu batik halus sebagai mana yang dipakai oleh para Menteri dan Yang Berhormat semua - batik cetak dan batik stensil.

Tuan Yang di-Pertua, industri batik dan kraf ini terdiri daripada aktiviti tradisional seperti anyaman, bukan sahaja batik tetapi juga anyaman tikar, bakul, ukiran barangan perak dan sebagainya juga pembuatan keris dan barang-barangan tembikar. Kesemua hasil kraf dihasilkan oleh pembuat yang mahir secara manual tanpa menggunakan alat moden.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Sila.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang pengurusan batik yang kita lihat di Kelantan sekarang ini, makin malap atau dalam bahasa mudah iaitu penutupan kilang-kilang batik daripada satu ke seterusnya. Apakah usaha-usaha untuk menampung keperluan dan usaha-usaha untuk membiakkan kilang batik ini bukan sekadar hanya di Kelantan, tetapi di peringkat seluruh negara supaya ia dapat berkongsi dengan baik.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya akan masuk. Soalan itu ke depan sedikit daripada apa yang saya hendak bincangkan. Saya akan jawab di sini. Pewujudan pusat pameran batik dan kraf adalah selaras dengan pelancaran batik di Bintang Square dan juga Star Hill Shopping Center oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang juga sejajar dengan hasrat serta saranan isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Hindun Mahmood, selaku penaung kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia supaya menjadikan industri batik Malaysia terkenal di peringkat antarabangsa iaitu dengan pelancaran slogan '*Malaysia Batik Craft for the world*'.

Dengan sokongan dan saranan ini, adalah dijangkakan industri batik akan kembali menyinar secara keseluruhannya. Dan, di sini saya rasalah negara dan rakyat terutama sekali rakyat Kelantan dan juga rakyat Terengganu yang rata-rata mengusahakan batik ini sangat terhutang budi kepada Datin Seri Hindun yang telah pun mengambil inisiatif..... [*Tepuk*]

Inisiatif untuk mempromosikan batik ini sehinggakan sekarang ini dalam fesyen-fesyen pun banyak digunakan batik. Saya percaya sekiranya kita semua dapat turut serta iaitu sama-sama kita berdoakan supaya Datin Seri Hindun ini cepat dipulihkan daripada penyakitnya dan sihat walafiat, Insya-Allah. Pada bulan puasa ini, Insya-Allah kalau sama-sama kita berdoa untuk berkat ini Datin Seri akan pulih dengan lebih cepat lagi daripada kesakitan barah payu dara.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa mendoakan Datin Seri Hindun dan dia rasa terima kasih kerana Datin Seri Hindun yang mempelopori untuk diupgradekan pengurusan batik inilah. Saya cadangkan bantulah pembatik-pembatik di Kelantan ini oleh kerajaan. Siapa punya kementerian, Tuan Yang di-Pertua?

**Seorang Ahli:** Usahawan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Usahawan ya. Tolong bantulah pembatik-pembaik yang ada di Kelantan, kerana Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa bersangka baik dengan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Terima kasih. Saya rasa jasa Datin Seri sangat tinggi. Dalam pemulihan, dia menyinap kembali urusan perusahaan batik ini yang hampir layu dan pupus. Pewujudan sebuah pusat pameran batik dan kraf Kelantan yang juga berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran adalah sangat penting untuk menyatukan para pengusaha batik dari seluruh negeri di bawah satu sistem yang tersusun dan terkawal serta dapat mengeluarkan barangan secara ekonomi dalam memberikan pasaran. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian

Pembangunan Usahawan, melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri telah memberi kerjasama dan menjanjikan untuk memajukan dan membina pusat kraf tangan ini. Cuma saya mengharapkan dalam Rancangan Malaysia ke-9 ini perkara ini akan dapat dilaksanakan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa kerana memberikan laluan. Setuju atau tidak, soalan saya, kalau kita minta supaya Kementerian Pelancongan *promotekan* kita punya batik ini sampai ke luar negara. Yang peringkat komersial, yang betul-betul bertaraf dunia.

**Seorang Ahli:** MITI.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** MITI, *sorry*.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Setuju, cuma masalah yang ada, yang kelemahan di pihak kitanya, kita tidak ada pusat kraf tangan dan batik yang bertanggungjawab untuk *design*. Kita perlu menjemput pakar-pakar luar negara seperti Belanda, Itali sebab corak batik sekarang ini boleh dikatakan tempatan, jadi sebelum kita pergi, kita kena bina dahulu pusat kraf dan batik ini supaya semua dapat ...

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Yang Berhormat tidak percayakah kepada pakar-pakar tempatan sehingga terpaksa mengimport pakar-pakar luar negara hendak *design* batik? Batik ini sebenarnya adalah hak tempatan. Jadi, saya hairan juga dasar Kerajaan PAS suka mengimport orang luar negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Saya bukan tidak percaya, tetapi apabila kita hendak memasuki pasaran-pasaran yang besar, sama ada kita hantar pakar-pakar kita ataupun *designer* kita untuk berlatih dan melihat sendiri cita rasa di tempat-tempat yang kita hendak *export*, seperti Australia, Belanda ataupun Eropah dan sebagainya. Sekiranya kita tidak dapat membuat satu bentuk corak batik dengan cita

rasa mereka mungkin batik kita itu akan terkandas. Kalau kita tidak dapat menghantarkan untuk berlatih di sana, tentulah kita jemput untuk melatih *designer* kita untuk kita *export* pada negara tersebut.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron:** *[Masuk ke dalam Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu baru masuk, bukan untuk minta penjelasan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran pembinaan pusat kraf dan batik ini sebanyak RM6.5 juta sahaja. Saya mengharapkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dapat merealisasikan ini kerana kerajaan negeri telah pun membelanjakan sebanyak RM3.02 juta bagi membeli tapak dan sebagainya. Saya percaya dengan sokongan Yang Berhormat semua, dengan sokongan daripada pihak-pihak tertentu di pusat ini di federal ini tentang hendak tengok batik ini masuki pasaran-pasaran lebih luas, saya percaya peruntukan yang kecil ini dapat disediakan iaitu RM6.5 juta sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

#### **4.08 ptg**

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi terus kepada subjek-subjek yang ingin saya sentuh dalam Bujet 2006. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumunkan bahawa kerajaan berhasrat untuk menyediakan satu persekitaran yang kondusif yang dinamakan '*Mesra Perniagaan*' dan kerajaan selama ini telah menitikberatkan tentang daya saing negara. Akan tetapi kita kecewa kerana masih ada lagi kerenah birokrasi yang masih wujud dan menyebabkan kadang kala polisi yang baik dirangka tetapi apabila sampai ke peringkat pelaksanaan, ianya membawa masalah yang besar kepada penerima.

Saya ingin mengambil contoh, laporan daripada IMD di Switzerland mengatakan tahap daya saing negara telah menjunam daripada tangga 16 kepada 28 pada tahun ini. Saya sekali lagi dikejutkan dengan laporan terbaru dari Bank Dunia, *World Bank Report*, yang dinamakan sebagai *Doing Business In 2006 Creating Jobs*. Di mana laporan ini jelas mengatakan bahawa daripada 155 buah negara, Malaysia ini duduk di tangga ke-21. Nampak 21 itu *glamour*, tetapi apabila kita berbanding dengan negara jiran kita,

Singapura di tangga kedua. Thailand malahan menduduki tangga ke-20. Secara objektifnya, saya nampak apa yang telah dihuraikan itu, kalau kita lihat dari segi tahap mudahnya telah memulakan satu perniagaan yang terbaik - New Zealand, Singapura, USA, Kanada dan Norway.

Jika kita bandingkan dengan dua negara jiran itu, kedudukan kita agak terancam. Jadi saya ingin menghuraikan sedikit apa yang berlaku sebenarnya. Di Malaysia, laporan ini jelas mengatakan dari segi melindungi pelabur, negara kita cukup baik, tangga kelima, dari segi mendapatkan pinjaman, tangga keenam, dari segi pembayaran cukai, sistem percukaian yang ada, tangga ke 19. Tetapi apa yang menyakitkan hati kita ialah dari segi prestasi beberapa bidang iaitu apa-apa juga urusan tentang pelesenan, kedudukan kita adalah 101 dan apa yang telah dihuraikan dalam laporan ini berbanding dengan 155 negara, satu urusan pelesenan itu mengambil 25 langkah memerlukan 226 hari untuk menyempurnakan satu proses dan mengambil kos sebanyak 82.7% daripada *income per capital*. Inilah gambarannya.

Yang kedua, dari segi pendaftaran hartanah, kita menduduki tangga ke 53 dan dalam laporan ini juga menyatakan di Malaysia memerlukan empat langkah, 143 hari untuk melengkapkan satu urusan mendaftarkan hartanah dan ia juga mengambil kos sebanyak 2.3% daripada jumlah keseluruhan hartanah tersebut. Kita membandingkan juga dari segi menguatkuasakan sesuatu kontrak perdagangan. Kita duduk di tangga ke 61 di mana ia memerlukan 31 langkah, 300 hari untuk menguatkuasakan satu kontrak.

Persoalannya sekarang, kalau kita mahu berdaya saing, kita kenalah melihat laporan ini secara terperinci. Saya mengesyorkan kepada kerajaan supaya kita menubuhkan satu jawatankuasa *ad hoc* melihat daya saing kita. Mana yang lemah, kerenah birokrasi yang kita rasa perlu dikikis, kita kena buat sekarang, kalau tidak saya khuatir negara jiran akan melepasi kita. Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang prestasi MAS. Kita juga melihat, kita dapat meninjau prestasi MAS sejak kebelakangan ini mengecewakan kita. Sebenarnya MAS ini dimiliki oleh GLC, anak syarikat Khazanah Holdings dan ianya 69% dimiliki oleh Penerbangan Malaysia Berhad, anak syarikat kepada Khazanah dan 11% itu adalah KWSP, wang pekerja dan kalau kita lihat ini adalah satu kepentingan negara, *this is national carrier*, dengan izin.

Dan apabila kita sedar bahawa pada tahun 2002 telah dibuat satu penstrukturan semula yang dinamakan WAU 2002 tapi akhirnya WAU ini juga tidak berjaya dan

penyata kewangan pada 2003 dan 2004 itu sebenarnya adalah sesuatu yang *artificial*, tidak bersandarkan kepada prestasi pengoperasian yang mapan, *sustainable operation performance*, dengan izin. Ianya hanyalah satu *one off item* dan pada suku tahun pertama tahun ini kita melihat kerugian MAS sebanyak RM280.7 juta dan kita juga sedar bahawa ada saing hebat daripada *AirAsia* dan kesemua ini kita nampak *AirAsia* ini mencapai keuntungan RM110 juta dan di manakah silapnya.

Kita lihat kerugian RM280.7 juta pada suku tahun pertama 2005. Ini kita kena mengambil kira pendapatan MAS pada suku tahun itu meningkat 17% kepada RM28 bilion dan jumlah penumpang juga meningkat kepada 19% iaitu 2.3 juta orang. Ada peningkatan tetapi kita masih rugi. Di manakah silapnya? Sebenarnya kalau kita membuat analisa, kenaikan kos minyak sebanyak 58% iaitu RM1.1 bilion, di samping kenaikan kos operasi sebanyak 17% menjangkau RM2 bilion. Sekarang, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini? Kita lihat harga minyak dunia ini meningkat sekitar USD65 dan MAS juga berazam dan kata dalam tempoh lima tahun akan mencapai keuntungan sebanyak RM1 bilion. Bolehkah kita mencapai hasrat itu?

Di sini saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan, cadangan untuk menyelamatkan MAS. Yang pertama, kita ini merupakan negara pengeluar minyak. Petronas sepatutnya memainkan satu peranan. Kita sedar bahawa MAS sekarang menghadapi satu masalah mendapatkan kontrak ataupun secara *hedging* dengan mana-mana syarikat petroleum kerana harganya kian meningkat. Jadi sebagai negara pengeluar, ini kepentingan negara, Petronas dimiliki oleh kerajaan dan juga MAS ini dimiliki oleh kerajaan – saudara-mara. Kita boleh buat satu kontrak secara *hedging* untuk menandatangani satu kontrak pembekalan minyak. Ini adalah satu situasi menang-menang, *win win situation*. Tidak payah kita cari negara lain. Petronas sepatutnya memainkan satu peranan.

Kedua, kita kena merombak semula perjalanan dan destinasi penerbangan. Yang pertama, bagi destinasi perjalanan ataupun penerbangan yang rugi, kurang penumpang, tidak perlu ataupun boleh dibatalkan atau dikurangkan frekuensi. Saya mengambil satu contoh kalau dahulu apabila bekas Perdana Menteri pergi ke Argentina satu *landing right* telah diperolehi untuk mengadakan penerbangan MAS ke Buenos Aires. Pada zaman itu kita hendak bawa kuda balik ke Malaysia. Kini tidak ada kuda lagi dan penumpang pun tidak ada.

Jadi saya mengesyorkan kepada MAS, batalkan sahaja ataupun kita buat secara *joint service*. Kalau kita sampai ke Cape Town, dari Cape Town ke Buenos Aires, kita tidak payah. Kalau tidak ada penumpang, kita mengaku sahaja, gunakan *joint service* dengan syarikat lain. Saya rasa dengan cara inilah kita dapat mengurangkan kos. Yang kedua, bagi kawasan-kawasan ataupun destinasi pelancongan yang banyak permintaan seperti Timur Tengah, seperti China dan India, kita boleh tambah destinasi. Kalau tidak boleh minta Kementerian Pengangkutan mendapat lebih banyak *landing rights*. Dengan cara ini kita boleh membantu MAS mempertingkatkan pendapatan MAS.

Ketiga, satu perkara yang saya rasa perlu kita tegur kepada pihak pengurusan MAS dari segi kontrak mendapatkan makanan untuk *first class* atau ekonomi. Sebenarnya kita kena semak sama ada harga itu berpatutan. Kalau tidak berpatutan, tidak *competitive*, kita melakukan sesuatu supaya ianya tidak merugikan negara.

Kepada isu infrastruktur dan pengangkutan, ingin saya teruskan di sini. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan isu *elevated Kuala Lumpur-Putrajaya Highway* di Sri Petaling. Kita lihat 60 buah rumah telah terjejas. Setahu saya sebagai jurutera walaupun saya lihat keadaan ini menjadi satu isu yang memang Menteri Kerja Raya kata beliau melaksanakan tugas sebagai menteri, memang betul menteri ini rajin tetapi ingin saya mengeluarkan beberapa nota-nota teknikal yang mana saya rasa pihak berkuasa, pihak yang meluluskan projek ini harus mengambil kira. Sebagai contoh, kalaulah *buffer zone* di antara satu unit rumah dengan jalan tersebut hanya 2.33 meter bermakna 8 kaki.

Kita tahu dalam *Uniform Building By Law* mana-mana *local authorities* atau pihak berkuasa tempatan menggunakan UBBL ini, 20 kaki wajib, daripada bangunan kepada jalan kecil. Tetapi kenapa *highway* kita benarkan 2.33 meter dan kedua kalau kita lihat arahan teknik seperti mana yang telah dihuraikan oleh menteri sebelum ini dan juga satu dokumen yang telah dikeluarkan pada 1997 yang dinamakan *Road Safety Audit* di mana melibatkan lima peringkat apabila perancangan kita kena audit sama ada betul atau tidak, adakah ia telah menjejaskan keselamatan orang-orang yang duduk di sebelahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh pandang ke sini?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Boleh.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ini adalah dokumen daripada JKR dan yang saya hairan kita tahu kalau satu lebuh raya itu sebenarnya sekurang-kurangnya 19 meter atau 20 meter *buffer zone* daripada rumah. Tetapi yang saya hairan sekarang kenapa pula kedua-dua dokumen yang dikeluarkan oleh JKR ini tidak diguna pakai. Di mana silapnya? DBKL ataupun LLM? Saya juga dikejutkan ada rakan-rakan daripada PAC kata tanya DBKL, DBKL tanya LLM, kedua-duanya kata mereka meluluskan pada hari yang sama.

Saya tidak tahu sebenarnya mana-mana kawasan pembangunan projek kerajaan tidak ada pengecualian. Kita sepatutnya menunjukkan satu teladan yang baik. Bukannya kita boleh melakukan sewenang-wenangnya. Saya rasa dalam konteks ini kita kena melihat secara objektif, jangan kita emosional dan saya rasa 60 unit rumah ini sepatutnya kita mempunyai satu penyelesaian yang baik. Kita ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab, kita perlu membantu mereka. Janganlah kita kata LLM salah, DBKL kata dia salah dan kedua-duanya seolah-olah dua gajah bergaduh, tikus mati di tengah-tengah. Mereka ini macam tikus. Jadi saya rasa ini adalah satu perkara yang boleh diberi perhatian. Juga dari segi keperluan saya rasa apabila kita membina Kuala Lumpur-Putrajaya Highway ini, nampaknya kita melihat dari segi kepentingan ekonomi.

Ingin saya menghuraikan di sini kalau kita hendak lihat kepentingan ekonomi, jangan lupa Pasir Gudang *highway*, inilah kawasan yang di mana ada dua pelabuhan menyumbangkan sekurang-kurangnya RM5 bilion setiap tahun kepada pendapatan negara. Tetapi ini tidak diberi keutamaan, siapa yang pergi Putrajaya, mereka adalah untuk urusan pentadbiran, kita ada jalan lebuh raya yang baik. Tetapi jalan Pasir Gudang *highway* dah lama, dah sesak, selalu *accident* tidak lagi diambil kira. Saya rasa kalau pertimbangan ini adalah *double standard*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ha, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sebab Yang Berhormat Ayer Hitam suka pandang kepada Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak turut pasal Ayer Hitam dia bangkitkan lebuh raya Pasir Gudang. Dia ini, Yang Berhormat Ayer Hitam ini, Menteri Pengangkutan pun dia layak, Menteri Perumahan pun dia layak. Tahniahlah kepada sekiranya dapat tenaga baru ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau ini macam, kalau semua layak boleh jadi Perdana Menteri. *[Ketawa]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey, saya teruskan, okey Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ayer Hitam, ada dua perkara sahaja. Pertama rakyat sekarang telah faham, mereka tahu undang-undang, mereka tahu peraturan. Janganlah kata rakyat tak faham, janganlah suruh rakyat naik kereta lembu pula dari Kuala Lumpur pergi ke Putrajaya.

Kedua, kita juga jangan lupa Ayer Hitam, perlu juga lebu rayu daripada Pulau ke Kota Tinggi, adakah Ayer Hitam setuju?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ini semuanya betul, apabila ada masalah, kita gunakan hujah-hujah itu kadangkala kita tak lihat balik apa yang berlaku sebenarnya. Jadi saya rasa saya akan masukkan apa pandangan daripada Ledang itu sebahagian daripada ucapan saya.

Jadi saya akan teruskan, ini masalah yang lebih teruk di Batu Pahat - Krisis air. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sebenarnya krisis air ini adalah satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Dan saya melihat kerajaan negeri sebelum ini menandatangani satu kontrak yang mana tak ada *u-turn* balik, tak ada *termination clause* dalam perjanjian tersebut di mana kita memperoleh air yang dirawat daripada *Southern Water Corporation* dengan harga tujuh kali lebih tinggi daripada PUB. PUB Singapura jual kepada kita 11 sen satu meter padu, tetapi SWC you ambil tak ambil, kos tetap 46 sen campur dengan 30 sen, kesemuanya 77 sen, tujuh kali lebih tinggi daripada kos PUB Singapura. Di manakah silapnya? Sekarang SAJ tidak hendak ambil air sebab air tidak dirawat, masih dikenakan 46 sen. Di mananya keadilan?

Saya rasa saya hendak minta Menteri berkenaan, kita terlalu meminda perlembagaan, kita perlulah nyatakan dengan jelas dalam SPAN ini apabila kita mengambil alih urusan air daripada Johor ini, jangan lupa kontrak daripada SWC itu sepatutnya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, kita tidak boleh tunggu SPAN. Saya minta perhatian Ayer Hitam Tuan Yang di-Pertua, kita tak boleh tunggu SPAN, lama, panjang ceritanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hendak tanya Ayer Hitam sama ada hendak berikan laluanakah?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Boleh, boleh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta kementerian sekarang ini, minta Ayer Hitam keluar sikit ambil tindakan segera.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Itu memang betul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Suruh SWC, *Southern Water Corporation* ini. Tuan Yang di-Pertua pun faham di sana, Sri Gading sana, you pun tahu sana banyak kawan saudara apa, Sekuang sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya lah. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya walaupun isu ini berada di Johor tetapi ia berkemungkinan boleh melibatkan di semua negeri. Adalah tidak masuk akal perjanjian yang berat sebelah dan Yang Berhormat menyedari bahawa dalam dunia ini memang tidak ada keadilan, mana-mana pun kerajaan memang tidak adil. Jadi inilah, apakah Yang Berhormat berhasrat untuk mencari keadilan ini supaya kerajaan mengambil langkah yang seterusnya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Kalau tiada keadilan, kita cari Barisan Nasionallah. Jadi saya rasa apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Sri Gading itu saya masukkan sebahagian dalam ucapan saya kerana itu memang relevan. Saya minta satu penyelesaian jangan kita berkompromi dengan sikap-sikap angkuh SWC, dia tak pandang kerajaan pun. Jadi saya minta apabila ambil alih urusan rawatan air ini, kedudukan mereka akan diserap dalam institusi di peringkat kebangsaan.

Yang seterusnya, Akta Universiti dan Kolej Universiti, baru-baru ini satu jawapan yang kita terima daripada Kementerian Pengajian Tinggi mengatakan mereka bersedia untuk mengkaji AUKU ini, tahun 1971.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sekijang.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Sikit saja ya?

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ayer Hitam. Tadi Ayer Hitam ada menyebut tentang SWC ini, siapakah dia sebenarnya SWC ini yang begitu bijak, begitu pandai menipu kita semua ini?

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, okey. Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Sekijang itu, sebenarnya syarikat SWC bukan dimiliki oleh kerajaan, oleh individu peniaga dan Yang Berhormat Sri Gading sentiasa meminta individu ini datang ke sini untuk berdialog tapi sampai sekarang pun muka tak nampak dan masalahnya berlarutan. Jadi saya rasa kita tengah berurusan dengan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri satu hari nanti kalau bolehlah kita minta bantuan Jabatan Perdana Menteri, panggil individu tersebut dan kita bincang masalah ini sebab masalah ini kerajaan negeri pun tak boleh buat apa-apa kerana tidak ada *termination clause*.

Jadi saya teruskan, AUKU 1971, saya menyambut keputusan ataupun jawapan yang telah diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Tetapi di sini saya rasa memang relevan pada ketika ini kita perlu mengkaji Fasa 15 dan 16 AUKU 1971 dan kita lihat dari segi latar belakang pada tahun 1974, kita meminda Akta ini disebabkan pada masa itu ada unsur-unsur komunis yang memasuki kampus. Dan kini zaman dah berlainan, saya rasa hak untuk berpersatuan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pertubuhan belia tidak sepatutnya disekat kerana kita nampak jumlah mahasiswa yang ada sekarang di IPTA adalah 300,000 orang.

Jadi kalau kita sentiasa mengatakan kita hendak pembangunan belia dan kita pastikan semua ini berpersatuan, saya rasa kena mula daripada IPTA dan kita juga merasakan sudah sampai masanya kita memberi kelonggaran kepada mahasiswa untuk menyuarakan sesuatu pendapat terhadap isu-isu dan saya rasa biarlah kita mengawal dengan lebih tertib dan bukannya memenuhi larangan secara total. Itu saya rasa perlu kita lakukan dan di samping itu saya juga ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kudat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Adakah Yang Berhormat Ayer Hitam bersetuju dengan saya fenomena yang telah melanda graduan-graduan hari ini di mana mereka tidak mempunyai *analytical and critical thinking* adalah disebabkan kekangan yang berlaku daripada Akta Universiti dan Kolej Universiti ini. *[Disampuk]* Dan kita mahu supaya pihak kerajaan meminda Akta ini kerana ini akan membolehkan pelajar-pelajar bukan sahaja mempunyai kemahiran di dalam akademik tetapi juga mempunyai kebolehan untuk menjadi pemimpin yang boleh sekurang-kurangnya bukan saja mampu memimpin di kampus tetapi juga di masyarakat luar.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Memang tepat Yang Berhormat bagi Kudat. Sebenarnya sebab itulah saya mengatakan jangan kita tuduh kerajaan yang bukan-bukan, kalau kerajaan tidak berhasrat untuk meminda akta ini takkan jawapan kita terima tempoh hari. Oleh kerana kita nampak dan sudah sampai masanya kita mengkaji semula, sebab itu saya mencadangkan Seksyen 15 dan 16 itu patut kita membuat pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ya, saya hendak gulunglah ini. Jadi satu perkara lagi yang ingin saya katakan, dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti ini sebenarnya, *presumption*, apabila seseorang itu didakwa bersalah, orang itu *presume guilty*. Saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak berlandaskan pada lunas undang-undang, sepatutnya bukanlah pelajar tersebut membuktikan mereka ini tidak bersalah, sepatutnya kalau didakwa betul, gunakan prosedur di mahkamah, orang ini kita kena tunjukkan bukti. Saya rasa itu kena kita pulihkan sistem ini, dan di samping itu kuasa naib cancellor juga kita melihat sekatan-sekatan sepatutnya tertakluk kesemua ini kuasa mutlak adalah pada naib cancellor, itu boleh kita kaji semula.

Dan dua perkara terakhir dalam tempoh seminit ini ingin saya katakan bahawa kadang kala dalam sistem penyampaian kita ini, Menteri baik, Timbalan Menteri mereka dah kata itu bukan dasar kerajaan. Saya mengambil satu contoh, baru-baru ini Pengarah Pelajaran Pulau Pinang mengatakan bahawa guru sandaran tidak terlatih, tidak dibayar gaji bulan November dan Disember ini sebab mereka ini guru tidak terlatih, sementara sahaja. Jadi saya hendak bertanya adakah di Pulau Pinang bulan November atau Disember boleh makan *free*? Mereka ini guru, mereka memberi sumbangan, walaupun mereka belum layak tetapi masih belum masuk ke kolej atau maktab perguruan, mereka sepatutnya menerima ganjaran ataupun gaji. Saya rasa ini tidak berlaku di negeri lain, kenapa di Pulau Pinang? Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, supaya mengambil tindakan, kalau pegawai ingkar peraturan ini ataupun arahan, patut kita mengambil tindakan, kita tidak mahu perkara ini berlaku lagi di Pulau Pinang.

Dan akhir sekali, adalah mengenai TNB, dan baru-baru ini kita nampak banyak pegawai TNB datang turun ke padang, mereka ini semak meter lama diambil alih dan kemudian ditukar dengan meter baru akhirnya dia akan keluar satu bil 30% daripada perbezaan daripada bil yang terdahulu dan dinamakan sebagai bil-bil curang. Ini masalah yang besar, kerana kita tak dapat buktikan orang itu curi kerana ada bangunan yang lama yang telah dibeli begitu lama dan meter itu telah digunakan begitu lama sekali, nampaknya kalau dari segi mekanikal *part* ada yang tidak jitu lagi. Jadi kenapa peraturan telah memberi kuasa kepada TNB berbuat demikian dan ini saya rasa TNB kena kaji semula .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**... Dah, dah Yang Berhormat, masa dah cukup.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Janganlah kita menggunakan seksyen 38, melarang mereka potong bekalan mereka sebelum mereka didakwa di Mahkamah. Ini silap, salah dari segi lunas undang-undang. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Padang Terap.  
4.30 ptg.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama menyokong bajet yang telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat baru-baru ini. Kerajaan akan bersungguh-sungguh memberi perhatian terhadap kesihatan dan kesejahteraan yang lebih baik kepada rakyat di semua peringkat. Inilah di antara kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2006 yang lalu.

Bukti semangat dan inspirasi ini telah kita lihat dengan peruntukan dan agihan bajet yang besar dalam Bajet 2006 yang lalu. Dalam hal ini, antara lain, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada peruntukan bajet yang besar yang telah diberikan kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan iaitu sebanyak RM207 juta yang bertujuan antara lain untuk PEMADAM mengkaji semula kaedah penubuhan dan *streamlines* program di pusat-pusat pemulihan dadah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yaacob] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Yang kedua, supaya lebih agresif dalam kempen mengawal dan mencegah penyalahgunaan dadah oleh kerajaan negeri, NGO dan lain-lain pihak yang berkenaan. Jika kita menghayati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan memberi fokus terhadap perkara ini, saya rasa adalah tidak lain dan tidak bukan kerana Malaysia seperti negara membangun lain yang akan menjadi negara maju 2020 juga sedang menghadapi satu masalah sosial yang boleh memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan sosial seluruhnya.

Yang saya maksudkan di sini ialah masalah penyalahgunaan dadah dan penagihan dadah yang walaupun telah lama dikenal pasti oleh kerajaan sebagai masalah serius yang telah berada di peringkat menakutkan sejak awal tahun 1970-an

lagi. Walaupun telah diperkenalkan undang-undang hukuman yang keras, tapi kadar penagihan dan penyalahgunaan dadah terus meningkat. Bahkan walaupun masalah dadah ini telah dikategorikan sebagai masalah keselamatan oleh kerajaan dengan diwujudkan beberapa undang-undang tertentu pun masalah dadah masih meningkat pada setiap tahun sehingga ke hari ini.

Sumber dari Agensi Dadah Kebangsaan menunjukkan pada tahun 2002, Malaysia telah merekod sebanyak 423,574 orang penagih dadah termasuk tambahan jumlah penagih dadah pada tahun 2002, sebanyak lebih daripada 32 ribu orang. Dalam angka ini, 17,080 orang adalah merupakan penagih baru iaitu sebanyak 53.5% dan yang lebih menakutkan ialah 46.4% atau 14 ribu lebih merupakan penagih yang menagih semula selepas mendapat rawatan di pusat pemulihan dadah di negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yaacob]:** Pasir Puteh Yang Berhormat, nak bagi jalan?

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Ya, sila.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Padang Terap, saya tertarik tadi, masalah peruntukan yang diluluskan untuk Agensi Dadah Kebangsaan (ADK), tetapi bagi saya, saya nak tanya Yang Berhormat bagi Padang Terap, kita nak menyelesaikan masalah yang dah kena atau kita nak mencegah? *Prevention is better than cure*, yang kita faham lah.

Maka, kalau kita baca pepatah Arab, atau hukama' [*membaca potongan di dalam bahasa Arab*] Kalau tak betul Ustaz We ada di sini, Yang Berhormat bagi Pasir Mas, Ustaz We. Kalau kita nak jaga penyakit, jagalah sebelum dia kena, kalau dah kena, sukar untuk diubati. Apakah kita nak roboh, kita nak hancurkan pengedar daripada kita nak mengubati yang menghisap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Bagi saya yang mengubat pun perlu, yang dah kena pun perlu diberi perhatian. Saya terus Tuan Yang di-Pertua, dari pengetahuan saya, kadar penagih dadah yang menagih semula ini pada setiap tahun sejak tahun 1988 hingga 2002 ialah antara 46 hingga 58%. berbanding dengan penagih dadah baru. Timbalan Menteri dalam kenyataannya juga baru-baru ini telah menyebut penagih yang dikesan tahun ini iaitu tahun 2005, 46% ataupun 9,000 lebih penagih baru dan 53% ataupun 11,000 lebih penagih yang berulang. Kalau ikut statistik yang telah dikeluarkan, boleh dikatakan tiap-tiap tahun ada peningkatannya bermula 1988 hinggalah 2002, tidak ada langsung penurunan walaupun

pelbagai usaha telah kita jayakan. Ini bermakna adalah sesuatu yang tidak kena dengan pemulihan dan sekiranya ia tidak diatasi segera, dadah ini akan menjadi masalah yang tidak berkesudahan malah akan bertambah setiap tahun.

Oleh yang demikian, inspirasi dan semangat Bajet 2006 yang memperuntukkan 200 juta adalah satu mesej yang tepat dan janganlah dianggap remeh bahkan patut diberi penekanan dan pelaksanaannya haruslah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan bersepadu oleh agensi-agensi yang terlibat. Statistik penagihan negara kita sejak 1976 telah membuktikan bahawa masalah penagihan dadah tidak berkurangan sebaliknya semakin meningkat. Penagihan dadah adalah masalah semua kaum tetapi kajian menunjukkan bahawa 88% adalah keturunan Melayu. Kebanyakan penagih yang dilaporkan oleh statistik 1997, terdiri dari mereka yang sudah bekerja.

*Trend* ini juga telah dilihat pada tahun 1998 tidak menunjukkan perubahan kerana golongan muda yang berumur di antara 20 hingga 25 tahun masih lagi menjadi golongan penagih dadah yang utama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Yusof bin Yaacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun, nak bagi jalan?

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang telah disebut, yang telah dibincang masalah peningkatan penagih-penagih dadah. Sebenarnya kita sudah kehilangan tenaga manusia yang banyak di negara kita kerana mereka terlibat dengan dadah. Sepatutnya, perkara ini dipandang serius oleh kerajaan dan diambil tindakan segera. Apa yang kita lihat sekejap tadi, bahawa nampaknya semacam kerajaan gagal untuk mengatasi penagihan dadah ataupun tersebarnya dadah di negara kita.

Jadi apakah pendekatan Yang Berhormat lihat untuk mengatasi perkara-perkara yang berlaku di negara kita ini? Terima kasih.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebenarnya kita tak gagal. ia berusaha untuk ke arah itu. Insya Allah kita berusaha untuk ke arah itu. Insya Allah saya sampai ke cadangan yang akan saya berikan.

Dari segi tahap pendidikan pula, didapati mereka yang menagih dadah, rata-rata berpendidikan sekolah rendah dan menengah. Hal ini dapat dikaitkan dengan kesan daripada penagihan dadah kepada negara. Antara yang serius ialah negara akan kehilangan tenaga muda yang produktif. Dadah juga akan mengurangkan daya

pengeluaran negara, meningkatkan kos rawatan dan pemulihan oleh kerajaan, meningkatkan kejadian jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah seperti mencuri, meragut, merompak, merogol, mengedar dadah dan membunuh dan menjejaskan keharmonian masyarakat bahkan boleh mengancam keselamatan negara kita pada hari ini.

Masalah berkenaan dadah seperti ini, seperti yang kita tahu, telah mendorong kerajaan untuk melaksanakan pelbagai langkah-langkah yang telahpun dilaksanakan sebelum ini seperti dengan undang-undang yang ketat, meminda akta penagihan dadah, dasar dadah negara, strategik pekerjaan awalan dan sebagainya. Juga seperti penguatkuasaan di tiga bidang, penyekatan termasuk dadah, perundangan dan risikan, yang telahpun dilakukan oleh kerajaan. Walaupun pelbagai langkah dan strategi telah diambil, persoalannya, ialah kenapa fenomena ini masih berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak kajian tempatan dilakukan ke atas fenomena penagihan dadah di Malaysia yang boleh kita garap untuk merangka strategi membasmi dadah. Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya agensi yang terlibat perlu memberi penekanan dan membuat kajian selain daripada kajian mengenai penggunaan dadah iaitu kajian sosial oleh pakar dan ahli akademik contohnya kajian meneliti program pemulihan yang boleh menjadi input untuk menilai keberkesanan program daripada beberapa sudut seperti khidmat pemulihan, keupayaan tenaga kerja dan kemantapan sistem yang digunakan. Input ini akan dapat digunakan oleh Agensi Dadah Kebangsaan untuk merancang pendekatan lebih berkesan lagi.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya sila Yang Berhormat Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan tindakan serta program yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sepanjang pengalaman saya yang lalu saya dapati bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan ini dia hanya menyampaikan maklumat, butiran atau statistik berkenaan dengan siapa yang terlibat dengan penagih dadah, umurnya, jantainya, kawasannya tetapi Agensi Antidadah Kebangsaan ini tidak pun mencadangkan terutama sekali kepada pemimpin-pemimpin tempatan, program yang

mesti dilaksanakan. Saya dapati bahawa sebahagian program-program Agensi Antidadah Kebangsaan ini hanya merupakan program-program *ceremonial*, perasmian, pengumuman, pelancaran dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat kerana perkara ini ? Terima kasih.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih, sahabat saya daripada Hulu Langat. Insya-Allah saya akan bantahkan beberapa cadangan untuk diambil tindakan oleh pihak AADK kita. Setelah kajian ini meneliti keberkesanan program ini akan menghasilkan beberapa formula dan strategi untuk memantapkan program institusi dan luar institusi dadah.

Selain daripada itu kajian aspek latihan dan pembinaan kemahiran yang perlu yang akan membina kapasiti pegawai-pegawai agensi untuk melakukan penilaian ke atas program dan lain-lain yang dilaksanakan oleh dari semasa ke semasa. Saya menyarankan kajian seperti ini dilaksanakan kerana saya dapati beberapa kajian yang dibuat mengenai contohnya Program Pemulihan Penagihan Dadah di Malaysia telah berupaya menghurai beberapa penemuan kepada persoalan kenapa program pemulihan tidak berkesan. Contohnya keupayaan suhu manusia didapati hanya seramai 115 orang tenaga kerja sahaja yang terlibat dalam mengendalikan program pemulihan luar institusi di 6 buah negeri.

Berdasarkan keupayaan sumber manusia yang terhad ini sudah tentulah rawatan hanya boleh diberikan kepada bilangan penagih yang terhad juga. Oleh yang demikian penumpuan terhadap kaunseling, individu dan kelompok yang berkesan tidak dapat dijalankan secara lebih teratur dan sempurna lagi. Sisi kaunseling yang dijalankan dengan bekas penagih-penagih lebih kepada sesi soal jawab mengenai borang kemajuan yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Hulu Langat tadi, tandatangan dan sedikit nasihat berbanding kaunseling yang sebenarnya. Tambahan pula staf berkenaan tidak mendapat latihan secukupnya dalam bidang kaunseling.

Bidang kepakaran yang diceburi oleh pegawai pemulihan terutamanya dalam bidang kemahiran kaunseling dan kemahiran menolong sangat terbatas. Hanya 84% daripada pegawai yang pernah menerima kursus untuk mengendalikan siri kaunseling bukannya kursus kelayakan yang spesifik tentang kemahiran menolong. Kebanyakan latihan yang diterima ialah mengenai asas-asas dan kemahiran menolong oleh itu peluang untuk bekas penagih mendapat perkhidmatan kaunseling dari seseorang pakar dan profesional amatlah terbatas.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Nanti sat lepas habis ini sat. Boleh kot no? Tidak jadi itu tidak perhabis sat lagi Yang Berhormat masuk. Yang kedua ialah persekitaran prasarana di pejabat ADK. Ketahui bahawa persekitaran kerja yang sempit, peralatan pejabat yang tidak mencukupi dan tidak lengkap serta kurang *conducive* serta perjalanan kerja yang tidak sekata dan terlalu banyak arahan daripada penyumbang kepada kurang motivasi untuk kerja-kerja rawatan pemulihan.

Satu lagi ialah beban tugas yang pelbagai oleh pegawai pemulihan menyebabkan kurangnya fokus kepada kerja-kerja dan strategi intervensi yang lebih berkesan kepada penagih dadah. Keadaan ini lebih menyulitkan lagi kerana pegawai pemulihan banyak tertumpu kepada kes-kes mahkamah menyedia laporan dan kerja-kerja pentadbiran sahaja. Ini menyebabkan pegawai-pegawai pemulihan kurang berminat untuk menumpukan perhatian kepada bekas penagih.

Bekas-bekas penagih dadah hanya datang untuk melapor diri, mengambil air kencing dan menulis kedatangan tanpa apa-apa input kesedaran yang boleh membantu mereka untuk menghindari sepenuhnya ancaman dadah. Ya silakan, Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya tertarik tentang bila Yang Berhormat Padang Terap menyebut tentang bidang kaunseling. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua mind set keluarga dan masyarakat juga pelajar-pelajar mereka hari ini hanya berminat pada bidang-bidang kritikal sahaja, jurusan perubatan, jurusan *architecture* dan seumpamanya.

Sedangkan mengabaikan bidang Sains sosial ini satu benda yang saya rasa satu perkara yang sangat membimbangkan saya kerana bidang sains sosial ini akan melahirkan antara bidang kaunseling, melahirkan kaunselor-kaunselor dan kita tahu hari ini Jabatan Polis, Jabatan Penjara dan Pusat-pusat Serenti mereka amat kekurangan kaunselor, jadi apa pandangan Yang Berhormat Padang Terap kerana jangan kita mengabaikan bidang sains sosial ini kerana ia sangat penting dalam pembangunan manusia itu sendiri, apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Padang Terap sila gulung.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Ya, saya setuju Yang Berhormat Kubang Kerian. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya. Sebagai kesimpulan, demikianlah

berdasarkan kepada beberapa laporan, kajian dan penelitian saya kenapa terlalu ramai bekas penagih dadah gagal dipulihkan.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya pihak AADK dan agensi-agensi yang terlibat perlu mengambil tindakan untuk mengatasi halangan-halangan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai pemulihan bagi melancarkan keberkesanan program ini di masa hadapan.

Di antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah:

- (i) pemantauan pelaksanaan program dengan rapi dan bersungguh-sungguh agar apa yang dirancang haruslah dilaksanakan dengan segera;
- (ii) latihan kemahiran kaunseling kepada pegawai-pegawai pemulihan dalam jangka masa yang lebih lama seperti 3 atau 6 bulan kursus jangka pendek atau jangka panjang;
- (iii) menambahkan bilangan pegawai yang mempunyai kelulusan ijazah dan ke atas supaya boleh merancang dan melaksanakan program pemulihan yang lebih terancang dan mantap;
- (iv) penumpuan pegawai pemulihan kepada intervensi dan rawatan bukan kes mahkamah dan pentadbiran sahaja. Yang kelima, persekitaran kerja yang *conducive* perlu diwujudkan, penyediaan bilik-bilik kaunseling yang bersesuaian di samping peruntukan masa kepada proses rawatan perlu dipertingkatkan.

**Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]:** [*Bangun*]

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Yang keenam, yang akhir.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa dia sudah habis Yang Berhormat, masa dia sudah habis tidak payahlah.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Sedikit boleh Yang Berhormat?

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Tidak perabis bagi .....sangat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah habis Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Yang paling akhir memandangkan peruntukan kewangan yang lebih *significant* bagi menjalankan program yang dirancang dengan tenaga kerja yang bersesuaian, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dengan saranan yang telah saya berikan tadi saya memohon supaya kerajaan akan terus memberi

perhatian yang lebih serius supaya dadah yang melanda kita dapat kita selesaikan dengan jayanya. Dengan itu saya pohon menyokong sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Berapa orang lagi Yang Berhormat hendak bercakap? Ya Yang Berhormat Puchong.

#### **4.50 ptg**

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya berucap dan membahaskan Bajet 2006. Saya daripada pihak Puchong menyokong apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mengenai Bajet 2006 terutamanya strategi Bajet 2006 yang menumpukan perhatian kepada melaksanakan langkah proaktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi ataupun menyediakan persekitaran mesra perniagaan dan juga meningkatkan kesejahteraan dan juga kualiti hidup rakyat.

Saya terus kepada beberapa isu yang saya akan bangkitkan untuk perbahasan bajet ini iaitu mengenai dasar kerajaan yang masih menyimpang mengenai konsep dasar perumahan bina dahulu dan jual kemudian. Ini merupakan satu isu yang hangat dan yang dibahaskan pada masa kini dan ada pihak-pihak terutamanya pihak pemaju melalui REHDA atau persatuan mereka ini, mereka telah menyatakan bahawa konsep ini tidak boleh dilaksanakan dalam masa sekarang. Tetapi kalau kita lihat apa yang telah berlaku terutamanya nanti saya akan beri beberapa contoh di kawasan saya mengenai masalah-masalah perumahan yang telah dilakukan oleh pemaju-pemaju yang besar dan juga sederhana.

Mengikut pendapat ataupun pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, pada Mei 2004, beliau telah menyatakan bahawa untuk melindungi simpanan atau pembeli rumah ini, terutamanya pembeli rumah yang baru iaitu first time buyer dengan izin yang mereka telah mengeluarkan simpanan seumur hidup mereka tetapi akhirnya mereka tidak mendapatkan rumah ataupun pangsapuri yang diidam-idamkan dan ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengkaji konsep ini, tetapi dalam hal ini tidak ada satu jawapan yang jelas mengenai konsep untuk bina dahulu dan jual kemudian.

Saya hendak tahu dan saya hendak tanya kementerian, bilakah satu dasar atau satu kepastian mengenai konsep bina dahulu dan jual kemudian kerana mengikut

mereka, mengikut pandangan pemaju-pemaju bahawa kalau konsep memberikan masalah kepada pemaju kerana terpaksa memberi infrastruktur dan terpaksa memberi kewangan dan syarikat terbeban kerana tidak ada jaminan atau pembeli yang boleh meyakinkan pihak bank untuk memberikan pinjaman dan juga kononnya pemaju berhadapan dengan masalah penyediaan kuota bumiputera dan juga pemaju terpaksa menanggung nilai kos pembinaan yang tinggi sekali gus melonjakkan harga rumah dan berbagai-bagai masalah yang telah ditimbulkan.....

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Sekejap, sekejap, sekejap yang telah ditimbulkan oleh REHDA ini dan baru-baru ini mengikut satu report atau laporan daripada *STAR* pada 11 September telah menyatakan bahawa kalau konsep ini dijalankan harga rumah akan meningkatkan kepada 3 peratus hingga 50 peratus dan juga industri akan dengan mengalami kelemahan sebab 60 peratus. Saya hendak tanya daripada mereka dapatkan figure ataupun data ini? Berasaskan kepada apakah *basicnya*, bahawa ini adalah memberikan satu impak yang negatif kepada industri. Pada masa yang sama kita hendak tengok dan dapatkan *firm commitment from all various factors*. Ini telah memberikan satu gambaran bahawa perkara ini masih bergantung-gantung dan apakah hala tujuanya dan sebagainya. Saya hendak minta kementerian bahawa ini mesti memberi satu kajian yang lebih mendalam dan dengan ini saya akan memberikan beberapa contoh. Sebelum itu saya akan berikan laluan kepada Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang, sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan saya Ahli Parlimen Puchong. Adakah Yang Berhormat Puchong setuju dengan saya bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang konsep *build first and sell later*. Satu konsep yang begitu prihatin dan yang para pembeli mahupun rumah kediaman boleh terdapat dan membelakan dan juga saya ingin tanya Yang Berhormat Puchong adakah setuju bahawa konsep ini haruslah merangkumi kompleks atau di rumah kedai bahawa memandangkan banyak projek ini terbengkalai khususnya di Kuala Lumpur, ramai para

pembeli telah mengalami kerugian yang begitu besar. Kalau ini konsep apa yang dikatakan *build first and sell later* dengan izinnya di negara seperti Australia telah berjaya dan para pembeli dapat dilindungi oleh konsep ini jika ini boleh dilaksanakan di negara kita saya rasa projek-projek yang terbengkalai akan tidak menjadikan satu masalah. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang, saya amat bersetuju dan kita mesti melibatkan semua pimpinan hartanah di negara ini termasuklah service apartment, pangsapuri perkhidmatan. Di sini saya ingin memberi beberapa contoh di kawasan saya, contoh yang pertama, saya mengharap dari pegawai-pegawai di sini dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita lihatlah Taman Puncak Jalil, apakah yang berlaku di Puncak Jalil? Pemaju telah diberikan sebidang tanah lebih kurang 800 ekar. Pembeli telah diberikan janji demi janji dan selepas pembinaan ini mereka telah bukan sahaja lambat untuk menyerahkan atau *handover* rumah-rumah kepada pembeli tetapi infrastructures yang telah dan ada di taman itu bagi saya orang kata macam *cowboy town*. Jalan berlubang-lubang, longkang pun tersumbat di sana-sini dan lalang tumbuh di sana-sini dan inilah kita hendak menjadikan sebuah negara yang maju dalam 2020. Apabila saya hendak check dengan local government iaitu MPAJ mereka kata, "oh development ini belum lagi diserahkan kepada kerajaan tempatan", dengan izin, no hand over yet. Ini telah memberikan banyak gambaran yang tidak .....

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, jiran...Hulu Langat silakan.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Puchong, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong berkenaan dengan rungut orang ramai, berkenaan dengan caj perkhidmatan atau service charges, atau maintenance charges dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang dikenakan kepada pemilik-pemilik atau tuan punya unit kondominium. Apakah kayu ukur yang digunakan oleh pemaju atau pihak berkuasa tempatan atau mana-mana badan yang digunakan bagi menentukan kadar yang dikenakan kepada pemilik-pemilik rumah dan nampaknya. Kadar yang dikenakan ini terlalu *arbitrary* atau tidak berpatutan dan kadang-kala membebankan pihak pembeli, terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Ini yang salah satu perkara iaitu topik yang saya akan bincang dan saya harap apa yang tadi telah diucap oleh Yang Berhormat masuk dalam ucapan saya dan mendapatkan jawapan daripada Kementerian ataupun pegawai-pegawai tertentu.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Puchong, saya tidak hendak 'tereh', saya hendak bercakap profesional sedikit pada petang ini. Sebagai seorang juru ukur, saya sebenarnya Yang Berhormat Pucong, concern dengan sikap setengah-setengah pemaju yang tidak memberikan strata title kepada unit-unit yang telah dijual. Sedangkan kerajaan, ada dalam peruntukkan kerajaan, kerajaan boleh enforce satu ruling supaya pemaju ini sebelum menjual atau selepas sahaja menjual akan memastikan bahawasanya strata title ini diberikan. Tetapi sampai sekarang masalah strata title ini banyak di kondominium dan di perumahan-perumahan ini tidak dibuat. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Sebenar itu yang saya akan masuk nanti, sekarang ini terlalu awal sedikit. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ketereh, saya akan put in your place nanti, alright. Mereka ini telah mendapatkan LLD daripada Tribunal Tuntutan Pembeli, tetapi sampai hari ini meski pun tribunal kata, ini telah *charge man* telah bagi, minta daripada pemaju tetapi pemaju masih enggan untuk memberikan LLD ini kepada pembeli-pembeli ini.

Ada banyak masalah lagi, contoh yang kedua bila mereka telah menandatangani satu perjanjian dengan SNP dengan pemaju dari tahun 1999 sebenarnya mereka mendapat satu pangsapuri ataupun apartmen yang di idam-idam itu pada tahun 2005 tetapi pemaju tidak dapat *complete* kan projek ini sehinggalah tahun 2005 itu pun selepas saya sebagai wakil Parlimen telah memberikan tekanan kepada pemaju supaya *meeting* demi *meeting* ataupun mesyuarat demi mesyuarat walaupun mereka telah berjumpa dengan pegawai-pegawai kementerian, namun projek pangsapuri Puchong Indah dimajukan oleh *Max Benefit* dan ini beberapa contoh. Satu lagi servis apartmen di USJ 19 dan USJ 21 ini.

So beberapa di kawasan saya terdapat beberapa kes yang begitu serius dan ini adalah kerana apa? Kerana sistem yang kita ada sekarang ini ialah membina dan juga kita akan *collect money* daripada pembeli itu semasa kita mengikut satu jadual yang telah ditetapkan, tetapi kalau sesuatu berlaku kepada pemaju apakah hak pembeli? Apakah hak, bagaimana kita boleh melindungi pembeli itu daripada hartanah-hartanah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang seperti servis apartmen ataupun kedai-kedai yang telah dinyatakan.

Ini ialah memberikan satu contoh dan bagi saya kementerian mestilah memberikan tumpuan yang lebih serius dan juga satu kajian yang lebih mendalam mengenai - saya berharap kementerian ini mesti memberikan perhatian yang lebih kukuh lagi kepada sistem ini dan kita boleh - yang isu sekarang ialah mengenai *cash flow* daripada di antara pembeli dengan pemaju kerana *argument* ataupun hujah yang telah dinyatakan oleh persatuan pemaju ialah mengenai bagaimana dengan pemaju yang kecil ataupun sederhana besar kerana mereka menghadapi aliran tunai yang tidak menentu kalau konsep ini dilaksanakan.

Kita sebagai kerajaan kita boleh set kan dasar-dasar tertentu di mana bank-bank tertentu mestilah tolong ataupun bantu dengan pemaju yang kecil atau sederhana dengan mengikut dasar-dasar tertentu dan kita ini tidak boleh mengalihkan 10 peratus risiko terhadap pembeli kerana mereka macam tiada jaminan untuk mereka mengenai rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalihkan kepada beberapa dasar perumahan juga tetapi ini mengenai beberapa dasar yang bagi saya ada penting dalam untuk mempergiatkan lagi industri perumahan. Yang pertama sekali mengenai dasar diskaun untuk bumiputera. Memang saya ingat semua orang tahu dasar diskaun pemberian rumah untuk bumiputera, saya dan semua rakyat di Malaysia kita ini setuju kerana kita hendak menolong, dasar menolong bumiputera ataupun kawan-kawan kita daripada bumiputera, tetapi secara pelaksanaan kita tahu, saya pun tidak faham kadang-kadang kalau seorang bumiputera yang kaya raya yang boleh mampu membeli apartmen ataupun rumah yang RM2, RM3 juta itu adakah ini rasional kita masih memberikan diskaun kepada bumiputera ini?

Bolehkah dalam diskaun kita bagi itu kita set satu fund yang untuk menolong orang bumiputera yang betul-betul memerlukan pertolongan. Dan bagi saya, saya mencadangkan kepada kerajaan bahawa kalau boleh satu rumah atau hartanah itu kita

limit satu siling iaitu dengan harga sebagai contoh RM230 ribu ataupun RM500 ribu yang *below* kita bagi diskaun tetapi yang selepas itu kita tidak bagi diskaun tetapi tanah itu mungkin kita di sana ada satu tabung untuk menolong kaum bumiputera dari segi yang.... kerana yang kaya ini *six percents, seven percents* bagi mereka ini, tidak ada apa, *so nothing to them, so this is a thing I think I want to suggest to counter*, dengan izin supaya ini satu cara untuk membantu bumiputera yang betul-betul untuk memiliki rumah di negara ini dan juga satu persoalan ialah mengenai.....

**Puan Chong Eng:** Saya sangat setuju bahawa bumiputera yang sudah kaya itu tidak perlulah diberi diskaun lagi dan diskaun itu patutlah bukan beri kepada bumiputera yang miskin sahaja, itu Kadazan yang miskin, Iban yang miskin, mereka patut dapatlah, dan kalau India, Cina yang miskin patutnya semua dapat. Adakah Yang Berhormat Puchong setuju tak?

**Tuan Lau Yeng Peng:** Setuju, setuju, setuju semua mesti ini bumiputera yang hendak. Tuan Yang di-Pertua saya akan masuk dengan strata *title* yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketereh. Mengikut akta Strata Title yang telah dinyatakan bahawa suatu *management comprehension* (MC) mereka akan ditubuhkan selepas *completion* satu apartmen dan sebagainya dan mula-mula akan disokong oleh pemaju dan sebagainya tetapi mengikut akta ini sekurang-kurangnya 33 peratus atau 1/3 daripada pemilik rumah itu mesti menyatakan bahawa mereka rela untuk mendaftarkan stata title dan juga *stamp duty* baru yang diberikan baru mereka boleh menubuhkan MC sendiri iaitu boleh membeli ataupun menghuni rumah itu, tetapi adakah ini adil kepada pemaju?

Kalau pemaju kalau seorang ataupun kurang daripada satu *percent* daripada jumlah penghuni apartmen ini tidak memberikan satu komitmen untuk mendapatkan stata title maka pemaju ataupun MC yang telah ditubuhkan oleh pemaju terpaksa untuk menguruskan hartanah atau pangsapuri yang telah dibina oleh pemaju dan ini adalah menimbulkan banyak masalah terutama di kawasan saya di mana pemaju ini bila mereka tidak ada niat atau tiada sesuatu *intention* yang baik untuk *maintain* *property* ini maka masalah seperti kekurangan kemudahan asas, penjagaan alam sekitar, kekotoran dan sebagainya berlaku sebagainya telah berlaku dan ini pula berkaitan ada bersangkutan paut dengan PBT.

Di sini saya bercadang bahawa kementerian kalau boleh mengubah ataupun kita akan memintakan akta ini supaya memberi sesuatu tempoh masa yang tertentu ataupun

kita seperti di negeri Selangor kita ada satu pre-MC lembaga yang kita panggil lembaga perumahan di Selangor bahawa di mana semua pre-MC ini, maksudnya semua *Mansion Corporation* ini sebelum diselenggarakan oleh penghuni ataupun pembeli itu, lembaga perumahan mempunyai hak untuk mengambil alih supaya *maintenance property* ini dapat dijalankan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu yang mengenai bajet ataupun dalam bajet yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri ini mengenai pembangunan wilayah yang seimbang dan di sini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana adalah sampai masanya untuk kita memberikan tumpuan kepada pembangunan wilayah yang seimbang di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Dan juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat untuk memberikan sebanyak RM2.3 bilion kepada Sabah dan juga RM2 bilion untuk Sarawak untuk tahun 2006 dan inilah strategi yang tepat pada waktunya serta sesuai dengan perkembangan semasa, tetapi daripada rintihan dan keluhan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak ini masalah *basic air, electricity*, sekolah, jalan raya, infrastruktur dan lain-lain pelabuhan dan sebagainya ini telah memberikan satu gambaran bahawa apa gunanya kalau kita mencapai satu negara maju 2020 tetapi ada negeri-negeri yang tertinggal ataupun dianaktirikan. Di sini juga saya ingin.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak penjelasan sedikit, sekarang kita hendak seimbangkan, boleh atau tidak boleh kita jangan sekarang ini sebut Semenanjung, Malaysia Barat, Malaysia Timur dan sebagainya. Kita sebut Malaysia kemudian kita sebut *state* itu macam Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Ok, saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Jerai. Semua asas yang saya nyatakan tadi adalah asas kepada seluruh pembangunan dan perkembangan sesebuah negeri. Air, letrik atau pun jalan raya dan sebagainya. Tetapi pada masa yang sama, di Sabah atau di Sarawak, terutama di Sabah, kerana saya pada akhir-akhir ini saya berpeluang melawat ke Sabah, saya dapat banyak pengalaman, peribadi mengenai apa yang berlaku di Sabah. Kadang-kadang *letrik just default* macam ini, airnya pun kadang-kadang tidak menentu dan ini memberi satu gambaran yang tidak elok kalau ada pelaburan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini bagi saya masalahnya adalah mengenai perancangan dan pelaksanaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa dah nak habis Yang Berhormat, Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tak usah takut pasal masa, ini pasal rakyat, masa tu masa lah. Tadi Yang Berhormat kata, saya sebut pasal *strata title*, sebab saya juruukur berlesen, Yang Berhormat ni saya tak faham, Yang Berhormat bela pemaju ke bela pemilik, sebab saya sebut tadi pemaju sepatutnya memastikan bahawa setiap pemilik dapat *strata title* bila dia beli, bukan hanya perjanjian. Kerajaan ada kuasa memaksa pemaju tapi kerajaan tak paksa pemaju maka pemilik jadi susah, jadi bila paksa pemaju buat *strata title*, setidak-tidaknya juruukur berlesen dapat cari makan. Terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Ya, apa yang Yang Berhormat kata memang betul, tapi ada yang pemaju yang benar-benar mengikut undang-undang yang mereka benar-benar mencebur diri dalam perniagaan ataupun pembangunan perumahan. Kadang-kadang mereka juga menghadapi masalah daripada pembeli atau pemilik itu dan ini telah memberi bebanan kepada pemaju yang betul-betul membangunkan kawasan atau satu pangsapuri. So, itu satu keadilan di antara mereka dan kita mesti memihak kepada kedua-dua pihak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong, sila habiskan, Seputeh tak payahlah, tak payah.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Taka pa, *sorry, last one*, ...mengenai, ini adalah masalah perancangan dan pelaksanaan dan sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat sedikit maklumat daripada dan kebetulan dari kawasan Tuan Yang Di-Pertua, Sepitang, nanti kita boleh kongsi maklumat dengan Yang di-Pertua, sebagai contoh di loji Sepitang ini kapasiti reka bentuk ialah 5.85 juta liter, tetapi kapasiti pengeluaran hanya 4.5 juta dan kapasiti permintaan 7.25 liter dan ini bermakna bahawa kekurangan kapasiti pengeluaran, lebih kurang 62%. Masalah ini telah berlarutan dan telah memberikan satu keadaan yang amat sukar untuk dipercayai oleh orang ramai atau pelabur-pelabur di sini atau pun di kawasan-kawasan tertentu. Maka saya berharaplah, pihak-pihak yang berkenaan memberikan tumpuan yang lebih serius kepada rupa bentuk infrastruktur yang lebih seimbang di antara Semenanjung dengan

Sabah dan Sarawak atau pun di antara negeri-negeri di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

*[Ramai Ahli bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita bagi hujung sana, Kemaman.

#### **5.14 petang**

**Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2006, dengan harapan langkah kita ke tahun hadapan akan mendekatkan lagi matlamat kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju, makmur dan disegani di dunia, lebih-lebih lagi keadaan dunia di akhir tahun ini melihatkan keadaan yang hampir sama dengan tahun yang lepas. Gegaran gempa bumi di Asia Selatan yang mengorbankan nyawa lebih dari 25 ribu orang setakat ini mengingatkan kita kepada peristiwa pahit ombak tsunami di akhir tahun lepas yang mengorbankan beratus ribu nyawa di seluruh negara-negara yang terbabit.

Mari kita ambil kesempatan di sidang yang mulia ini, untuk merakamkan ucapan takziah kepada mangsa gempa bumi di Pakistan, Afghanistan dan India, juga korban Katrina, Rita dan Stan. Saya turut mengajak kita semua menyatakan sokongan kita kepada kerajaan dan pelbagai badan NGO yang menghantar pelbagai bantuan kepada mereka. Kepada SMART *team* kita yang telah menunjukkan keberanian mereka sekali lagi untuk membantu mereka yang memerlukan. Mari kita iringi doa dan ucapan syabas yang tidak terhingga.

Menjadi negara maju mesti dikaitkan dengan kesediaan kita, menjadi negara pemberi bukan sekadar negara peminta apatah lagi menjadi negara pengemis. Bantuan USD1 juta yang diumumkan oleh pihak kerajaan, walaupun lebih besar daripada beberapa negara kecil yang lain harus kita iringi dengan pengumuman bantuan lain yang lebih besar, bagi membuktikan kita benar-benar pemimpin negara-negara Islam dan negara-negara berkecuali yang lain.

Lebih banyak kesedaran dan kesediaan kita memberi bantuan terutama sekali dalam melibatkan para sukarelawan kita, boleh menghampirkan kita kepada *status* negara maju dan negara pemimpin. Semua ini hanya akan dapat dicapai sekiranya

ekonomi kita kuat, sumber tenaga kita kuat dan ia akan menggerakkan kita untuk turut memberi bantuan terhadap apa sahaja masalah dalaman negara kita. Semoga apa yang dirintihkan oleh Yang Berhormat daripada Sepanggar tadi tentang bencana yang menimpa, banjir lumpur di tempat mereka, juga kita akan mengambil perhatian yang sama, sebagaimana yang kita mengambil perhatian yang berlaku di tempat-tempat lain agar kita tidak di panggil sebagai orang yang hanya memberi susu kera di hutan tetapi anak di pangkuan, di buaian mati kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah Cina yang mengatakan, kalau ingin makmur satu tahun, tumbuhkanlah bijirin, kalau mahu makmur sepuluh tahun tumbuhkanlah pokok-pokok, kalau mahu makmur seratus tahun, tumbuhkanlah manusia. Mungkin atas prinsip ini, negara China yang telah menumbuhkan, melahirkan lebih dari satu bilion penduduk itu, sudah mula mengecap kemakmuran yang amat memberangsangkan hari ini. Ternyata tenaga manusia merekalah yang menjadi kekuatan sebenar mereka sehinggakan mereka menjadi kuasa ekonomi yang kini mencorakkan hampir sebahagian besar daripada *trend* dan ekonomi dunia hari ini.

Kekuatan tenaga manusia mereka itu, bukan sahaja menarik pelabur dunia ke negara itu yang sekali gus mengancam guna tenaga di negara lain tetapi saingan barangan mereka yang kompetitif mengancam industri-industri negara lain termasuk negara kita. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia menyedari saingan ini turut menjadi masalah kepada pengeluaran barangan-barangan kita dan kita sedang membuat persiapan melangkah ke hadapan dalam menghadapi senario kekuatan ekonomi negara China ini. Kita mahu tahu, terutama dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI), sejauh manakah China menjadi ancaman masa depan kepada pengusaha-pengusaha kita, ekonomi kita, perdagangan kita. Berapa banyakkah pelabur negara kita yang berpindah ke sana dan apakah langkah-langkah kerajaan dalam menghadapi masalah ini. Berapa banyakkah kilang-kilang kita yang mungkin terancam dan mungkin ditutup kerana dalam masa yang singkat tiba-tiba mereka mendapati pesanan-pesanan barangan mereka di luar negara dihentikan kerana mereka berhadapan dengan barang-barang China yang lebih murah dan tinggi kualitinya.

Ramai berpendapat pada hari ini, antara punca utama kenaikan harga minyak bukanlah sekadar kerana gangguan bekalan sumber itu. Isu taufan Katrina dan Rita hanya perkara baru, tetapi faktor terbesarnya ialah kerana permintaan mendadak terhadap bahan api itu akibat dari pemulihan dan kemakmuran ekonomi dunia akhir-

akhir ini, terutama sekali dari pertumbuhan ekonomi negeri China. Kini China menjadi pengguna minyak ke dua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat. Pertumbuhan ekonomi 10% setahun bagi negara sebesar itu, bagaikan badai besar yang sukar ditahan dan dibendung lagi.

Ia mencetuskan perasaan banyak negara di dunia, terutama kuasa besar yang ingin mempertahankan kuasa mereka malah keinginan kuasa-kuasa besar untuk menguasai negara-negara Timur Tengah secara berterusan banyak dikaitkan dengan keinginan untuk menguasai jalan minyak yang seterusnya berada di kedudukan untuk menentukan arah perjalanan ekonomi dan politik dunia.

Soal untuk melindungi negara lain daripada rejim yang tirani atau yang kejam ataupun diktator ataupun untuk menyelesaikan senjata pemusnah bukanlah isu yang utama tetapi minyak adalah merupakan faktor yang utama kepada geopolitik dunia pada hari ini.

Sebagai negara kecil yang tidak ghairah menjadi kuasa besar sudah tentu perasaan tidak selamat ini bukan sifat kita negara Malaysia, namun saya percaya kita telah membuat pelbagai penyesuaian dalam menghadapi senario ini. Kita adalah negara pengeksport bersih minyak sudah tentu ada kelebihan yang tersendiri. Menteri mengumumkan kenaikan harga minyak menambahkan pendapatan Petronas yang bermakna pendapatan negara juga. Mungkin ini menjadi salah satu sebab kepada kenaikan 5% dalam belanjawan kita pada jumlah perbelanjaan sebanyak RM136 bilion lebih bagi tahun ini.

Saya suka menegaskan kepada kenyataan yang telah diutarakan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat lain dalam Dewan yang mulia ini untuk turut mendesak kerajaan untuk mengambil kesempatan ini dengan kekuatan harga minyak dan keuntungan yang kita perolehi bagi melipatgandakan usaha membasmi kemiskinan dan mengatasi kekurangan infrastruktur terutama sekali di kawasan luar bandar.

Apa yang saya katakan ini bukan perkara baru. Namun bagi sesebuah negeri seperti Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis yang belanjawan negeri mereka hanya beberapa ratus juta ringgit setahun sudah tentu menggigit jari mendengar belanja untuk menguruskan kesesakan lalu lintas dari Kampung Pandan ke Sungai Besi kerajaan membelanja RM2 bilion untuk membina *smart tunnel* hanya untuk sepanjang 10 kilometer atau lebuhraya bertingkat Ampang yang membelanjakan lebih RM700 juta wang rakyat

untuk beberapa kilometer jalan atau lebuhraya lebuhraya baru termasuk lebuhraya KL-Putrajaya.

Saya tidak mengatakan kita tidak perlu menyelesaikan soal kesesakan lalu lintas di ibu kota ini, namun perlu diingatkan bahawa buatlah apa sahaja termasuk berbagai-bagai jenis LRT, terowong dan lebuhraya, Kuala Lumpur akan terus sesak, Lembah Klang akan terus sesak dan kita akan berhimpit dengan masalah trafik jam yang teruk. Ia akan terus sesak sekiranya kita tidak mengubah konsep dan dasar pembangunan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Tuaran bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang keutamaan di mana kita letakkan peruntukan ini. Di Bandar Raya Kuala Lumpur kita menceritakan tentang menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya. Di negeri-negeri kurang maju termasuk Terengganu, lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak kita masalah tentang masih berjalan kaki tidak ada jalan raya, masih lagi bergelap tidak ada lampu. Jadi di mana letaknya keutamaan? Apabila dilihat bajet ini RM2.3 bilion untuk Sabah dan Sarawak. Kita lihat dia bina hospital, bukan soal infra yang disebutkan tadi. Maksudnya adalah prasarana asas. Jadi adakah Yang Berhormat mempersoalkan tentang *priority* dalam bajet ini? Mohon penjelasan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Inilah inti pati pada ucapan saya. Kita bangga kita berbelanja tetapi keutamaannya. Yang saya katakan orang menjilat jari untuk menyelesaikan tentang soal trafik jam daripada Kampung Pandan ke Sungai Besi yang 10 kilometer - RM2 bilion dibelanjakan tetapi bagi sebuah negeri, tanya Kedah, tanya Kelantan, tanya Terengganu dan tanya Sabah berapa puluh juta saja yang kita minta mengambil masa yang begitu lama. Berapa ratus juta sahaja untuk menyelesaikan seluruh pembangunan dalam negeri-negeri berkenaan kita terpaksa berperang dan kita terpaksa mengambil pelbagai masalah untuk menghadapinya. Sebab itulah soal ini adalah satu soal yang penting untuk diberikan perhatian dalam perancangannya.

Saya teruskan ucapan saya. Saya katakan bahawa walaupun apa yang kita buat kalau hanya untuk menyelesaikan masalah kesesakannya kita tidak akan dapat menyelesaikannya kalau kita tidak mengubah konsep dan dasar pembangunan kita

terutama mengenai perbandaran ataupun urbanisasi kita. Cara kita hari ini hanya mencontohi Manila, Jakarta, Bangkok ataupun Mexico City. Kita akan melahirkan Greater Kuala Lumpur ataupun dengan izin Kuala Lumpur Besar yang merangkumi seluruh Lembah Klang sebagai mana adanya Greater Manila ataupun Grater Bangkok yang hanya berbangga kerana memiliki penduduk seramai 10 juta, 12 juta ataupun 20 juta penduduk dalam sebuah kawasan yang sempit. Kenapa kita tidak mencontohi Switzerland, nama Geneva atau Zurich dan lain-lain bandarnya bukan kerana kepadatan penduduknya tetapi kerana fungsinya. Kenapa idea Allahyarham Tun Razak untuk cuba melahirkan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi ataupun bandar-bandar baru yang berasaskan kepada luar bandar melalui skim Felda, adanya bandar Muadzam Shah, Muktafi Billah dan sebagainya terhenti begitu sahaja dan tidak ada kehairahan pada hari ini. Adalah menjadi harapan saya melalui RMK-9 atau mana-mana dasar kerajaan selepas ini untuk mengubah corak pembangunan perbandaran kita dan melihat satu masa nanti nama-nama bandar seperti Kuala Lipis di Pahang, Ketereh di Kelantan, Kerteh di Terengganu ataupun Tuaran misalnya .....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Ya. Sila.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Ini soal strategi untuk *growth center strategy* yang telah diperkenalkan dari tahun 70-an lagi. Strategi ini telah dilaksanakan dan menggunakan agensi-agensi seperti Lembaga Kemajuan Wilayah. Di Terengganu kita ada KETENGAH, di Kelantan ada KESEDAR dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat mengatakan bahawa kita telah gagal dalam strategi ini sedangkan sudah berbilion dibelanjakan dalam semua Lembaga Kemajuan Wilayah. Apakah Yang Berhormat menyatakan bahawa kita telah gagal dan strategi ini tidak berjaya?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih. Saya tidak fikir kita gagal tetapi saya ingin meminjam kata-kata yang disebutkan oleh Yang Berhormat Temerloh kelmarin di mana masalahnya kita tidak ada *follow through* dalam soal ini. Kita ghairah pada waktu itu. Strategi kita membuka kawasan Felda misalnya. Membuka kawasan Felda bukan soal memberikan pekerjaan kepada peneroka Felda yang tidak ada pekerjaan pada waktu itu. Konsep membandarkan Melayu misalnya yang disebutkan

oleh Allahyarham Tun Razak dahulu ialah bagaimana pertamanya memberi mereka hak memiliki tanah dahulu. Melalui Felda itu adalah alat, kelapa sawit adalah alat, getah adalah alat tetapi diberi tanah kepada mereka. Bila diberi tanah bina infrastruktur, bila lebuhraya, bina bandar-bandar tadi dan apabila bandar-bandar tadi dimunculkan dan dibangunkan bandar-bandar dengan keperluan-keperluan yang kalau ada universiti di sana, ada MRSM di sana dan sebagainya maka diberikan kekuatan pada pembangunan pertumbuhan kepada tempat-tempat tersebut. Orang ini semua ada tanah. Mereka sudah ada tanah mungkin tanah mereka dicagarkan. Ada 10 ekar tanah misalnya. Kalau tanah itu dinaikkan nilainya sampai RM100 ribu satu ekar maka mereka semua sudah jadi jutawan. Contohnya, ini adalah impian pada waktu itu tetapi oleh kerana *follow through* tidak ada kita kembali kepada setiap pembangunan baru di Kuala Lumpur. Menara tertinggi di Kuala Lumpur, kemudahan terbaik Kuala Lumpur, segala-galanya Kuala Lumpur ia bukan sahaja tidak menyelesaikan masalah asas kepada penduduk luar bandar yang menjadi majoriti kepada kekuatan tenaga kita tetapi sekarang ini ia turut menambahkan masalah di bandar-bandar ini juga. Kesyakan tadi setingganya, masalah sosialnya terus berterusan kita melemparkan berbilion-bilion ringgit untuk menyelesaikan masalah-masalah baru yang kita sendiri buat kerana perancangan asal kita telah lari daripada semangat yang sebenar dahulu. Itu pandangan saya. Jadi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ketereh.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Ketereh, sila.

**Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Kemaman dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan pandangan intelektual daripada bekas pensyarah Universiti Malaya, Sains Politik sekarang jadi Ahli Parlimen. Ini pandangan yang cukup menarik terutama mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah. Saya tengok kejayaan Lembaga Kemajuan Wilayah ini cukup berkesan seperti mana Yang Berhormat sebut di mana kita melahirkan KEJORA, DARA, KESEDAR, PERDA, KEDA dan akhirnya tumbuh bandar-bandar baru, ..... dahulu tetapi sekarang tidak pergi ke situ.

Saya hendak minta penjelasan ini, saya tidak faham di Sabah. Saya mendapat tahu kenapa Sabah menolak mengadakan Lembaga Kemajuan Wilayah yang telah terbukti berjaya di Semenanjung? Kita berjaya membangunkan Bandar Gua Musang

daripada sebuah bandar yang hanya penuh dengan musang di dalam guanya menjadi sebuah bandar yang bagus. Sekarang menjadi, dengan adanya highway baru antara Simpang Pulai-Gua Musang-Kemaman, akhirnya ia jadi laluan baru kepada satu bandar pertumbuhan baru, bandar 'Almuktafibilah'. dan pelbagai bandar lain yang tumbuh hasil daripada berjayanya LKW, Lembaga Kemajuan Wilayah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tetapi di Sabah, yang besarnya hampir sama dengan Semenanjung walaupun kurang masih tidak begitu, ada bahagian timur ada bahagian baratnya, yang ada hanya bandar-bandar lama Sandakan, Lahad Datu, Tawau. Tidak ada pertumbuhan baru. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memikirkan sekali lagi supaya Sabah dan Sarawak ada Lembaga Kemajuan Wilayah seperti di Semenanjung supaya Sabah turut sama maju seperti Semenanjung, terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Saya setuju dengan pandangan tersebut, masukkan sebagai salah satu daripada hujah pada ucapan saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat kena gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini apabila saya katakan tadi adalah, ada hubung kait dengan prinsip integriti yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Integriti kita akan dipersoalkan sekiranya orang bandar melaung marah kepada kerajaan kerana pembangunan yang keterlaluan hingga mengganggu kehidupan mereka. Orang kampung melaung marah pada kerajaan kerana mereka ketinggalan segala-galanya. Namun integriti yang paling penting dijaga ialah imej kita sebagai negara yang mampu melahirkan pelbagai infrastruktur dunia pertama, tetapi tidak dikendalikan dan diuruskan seperti mana diuruskan oleh orang dunia pertama.

Saya ambil satu lagi sebab perkara yang ingin saya sebutkan. Sebagai contoh kepada integriti ini. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini tentang Lapangan Terbang Antarabangsa kita.

Mungkin ia dianggap mempunyai imej yang baik dari segi keselamatan penumpang. Tetapi kita telah mendengar banyak rintihan rakyat di dalam akhbar dan sebagainya tentang keselamatan barang-barang khususnya barang-barang *check-in baggage* ataupun bagasinya sebagai banyak dipertikaikan. Laporan akhbar yang mencatatkan pengalaman orang ramai yang kehilangan barangan yang

menggambarkan adanya sindiket orang dalaman Lapangan Terbang Antarabangsa kita yang mencuri barang-barang berharga secara profesional semakin berleluasa hari ini. Beg yang berkunci tidak dijamin keselamatan. Kita mungkin masih ingat laporan akhbar tentang serbuan polis terhadap rumah seorang kakitangan lapangan terbang yang memiliki puluhan komputer riba yang dipercayai dicuri dari bagasi penumpang.

Itu pun setelah mendapat *tips* dari polis luar negara, di mana penumpang berjumpa tentang ada maklumat-maklumat orang atau pekerja lapangan terbang kita memberikan *tip* itu pada polis mereka, polis mereka menggunakan *Interpol* menghubungi polis kita dan barulah dapat, mereka pergi ke rumah orang yang berkenaan dan menangkapnya. Saya difahamkan MAS menanggung kerugian berjuta ringgit membayar ganti rugi. Kelemahan MAB Malaysia Airport Berhad terpaksa ditanggung oleh MAS. Kita tidak boleh bayangkan apa akan terjadi sekiranya kita laksanakan langkah keselamatan seperti di Amerika Syarikat yang melarang penumpang mengunci *check-in baggage* ataupun *baggage* yang dimasukkan di perut kapal terbang bagi membolehkan pengawal keselamatan memeriksa bagasi penumpang pada bila-bila masa. Kalau berkunci pun tidak selamat, bayangkan kalau kita terpaksa mengenakan prosedur berkenaan, bayangkan apa yang akan terjadi pada barang-barang kita.

Lebih buruk lagi apabila kita ada sistem membuat laporan yang tidak boleh dibanggakan langsung. Pusat *lost and found* kita hanya memberi nombor telefon di lapangan terbang terakhir yang kita turun. Saya pernah diberi nombor telefon yang sudah tidak digunakan. Dia kata, "Kalau ada masalah telefon nombor ini." Apabila telefon nombor itu, dia kata ini nombor telefon yang tidak boleh digunakan. Telefon ini pergi pada ini. Saya sebutkan ini, kalau tanya MAS, MAS hanya dijawab oleh mesin-mesin yang tidak mampu melayani kes-kes spesifik seperti ini. Ini adalah satu contoh bagaimana sebuah lapangan terbang bertaraf dunia, tetapi amat keterbelakangan dari segi integriti. Saya sebut KLIA hanya satu contoh. Buatlah aduan pada polis buatlah aduan pada Kerajaan Tempatan atau mana-mana pejabat mengenai masalah kita.

Kita pasti akan diarah pergi dari satu tempat ke satu tempat dan ke satu tempat yang lain. Semua ini menjadi pengadu malas untuk membuat aduan. Negara lain, ini antara ciri-ciri maju mereka. Ia tidak perlu melibatkan bajet berbilion ringgit atau beratus juta, tetapi sistemnya. Mengadu pada satu tempat, mereka mengatakan kami akan sambungkan talian kepada mana tempat untuk buat pengaduan dan sebagainya. Saya

menyebutkan perkara ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kalau kita ingin menjadi negara maju, bukan sekadar soal bangunan kita, bukan soal bajet yang boleh kita banggakan berapa banyakkah yang kita keluarkan, tetapi keseluruhan sistem, keseluruhan mentaliti kita, keseluruhan *software* bagi mengendalikan *hardware* yang kita bina. Semoga ini akan menjadikan negara kita lebih kuat lagi, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup. Yang Berhormat bagi Kudat.

### **5.36 ptg.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet Negara 2006 yang pada pendapat saya adalah satu bajet yang komprehensif dan mampu membina ketahanan negara untuk menghadapi cabaran semasa. Walaupun cabaran kenaikan harga minyak dan ketidaktentuan ekonomi dunia, Malaysia mampu mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 4.9% bagi separuh pertama 2005. Satu kadar yang lebih baik berbanding Amerika 3.4%, Jepun 2.3% dan Korea 4.5%. Apa yang lebih menggembirakan, negara kita mampu mengurangkan defisit bajet daripada 5.6%, daripada KDNK pada tahun 2002 kepada 3.8% pada tahun ini. Satu pengurangan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan usaha-usaha pembangunan negara. Tidak hairanlah Deutsche Bank pada awal tahun ini telah meletakkan kedudukan Malaysia di tahap yang terbaik dan terurus ekonominya.

Langkah kerajaan mengurangkan defisit bajet adalah satu langkah yang berhemah memandangkan kedudukan ekonomi negara telah mampu bergerak aktif selepas tindakan *pump-priming* atau penjanaan semula ekonomi selepas krisis kewangan 1997. Berasaskan teori *economic cycle* dan pengalaman lampau, negara kita akan mengalami *via recycle* setiap satu dekad dan ini berlaku pada tahun 1985 dan 1997. Jika *via recycle* ini menjadi kenyataan, ianya dijangka akan berlaku pada masa terdekat ini, iaitu sekitar tahun 2007 dan 2008. Dengan fenomena kenaikan harga minyak yang tidak terkawal dan berterusan seperti yang diramalkan oleh *Morgan Stanley* yang meramalkan harga minyak mencecah ke tahap USD120, nampaknya kita mungkin sekali lagi menghadapi cabaran kemelesetan dalam jangka masa terdekat ini. Jika ramalan *via recycle* ini berlaku, maka kita memerlukan *monitory and economic fundamental* yang cukup kuat untuk menghadapinya. Pada prinsipnya amalan

berhutang secara berlebihan bukanlah suatu amalan pengurusan kewangan yang baik dalam apa suasana keadaan dan alasan sekali pun. Kita tidak perlu mencontohi Amerika yang berhutang berjumlah *trillion dollars*.

Amerika secara prinsip dan teknikal sudah diisytiharkan bankrap dan muflis, tetapi disebabkan Amerika adalah sebuah negara *super state* dan banyak negara dunia menggunakan Dollar Amerika sebagai perantara pertukaran dan perdagangan, maka Amerika masih mampu bertahan, walaupun nilai Dollar Amerika telah terjejas teruk. Malaysia secara relatifnya adalah negara yang memiliki ekonomi bersaiz kecil dan jika kita tidak mengurus ekonomi kita dengan berhemat, suatu ketika nanti kita akan menjadi seperti Argentina, Turkey dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kerajaan mewujudkan pembangunan seimbang di antara bandar dan luar bandar adalah pendekatan yang tepat. Kesediaan kerajaan menambah peruntukan ekonomi dan infrastruktur di luar bandar bernilai RM5.7 bilion dengan RM 2.7 bilion ditumpukan kepada pembangunan sektor pertanian adalah suatu langkah yang benar. Tetapi apa yang penting di dalam soal ini ialah soal pelaksanaan.

*Delivery system* negara kita harus memahami dengan mendalam hasrat kerajaan ini. Bersedia mengubah *mindset*, bersedia untuk bekerja keras untuk memastikan kehendak dan matlamat kerajaan akan tercapai. Tanpa penghayatan yang serius, kita khawatir kita akan gagal kerana ancaman terhadap sektor ini juga terlalu kuat dan deras berikutan fenomena globalisasi WTO dan AFTA yang menuntut kita untuk lebih kompetitif dan berdaya saing.

Memandangkan sektor pertanian dan pengeluaran makanan adalah dianggap sebagai isu yang sensitif dan menerima perlindungan dan subsidi yang terbanyak di kebanyakan negara maka perlu dengan bilateral G to G sahajalah cara yang mampu membantu kita untuk menembusi lebih banyak pasaran luar Negara. Keputusan kerajaan mewujudkan *attaché* pertanian luar negara diharap akan dapat membantu menyelesaikan masalah perlindungan *tariff* dan *non tariff barrier* ini. Kita berharap lebih banyak bilateral FTA dapat ditandatangani bagi membolehkan pasaran produk pertanian kita menembusi pasaran dunia.

Selain daripada itu, skop kerja *attaché* pertanian ini juga harus ditumpukan kepada usaha untuk mencari pasaran dengan mengenal pasti pengimport-pengimport yang *liable* dan memilih *key networking* yang efisien. Saya Cuma mengingatkan supaya

*attaché* pertanian yang dihantar ini haruslah dipilih daripada mereka yang terbaik memiliki personaliti yang dinamis, *multilingual*, rajin, cekap dan faham aspirasi negara. Jika tidak dipantau khususnya oleh duta-duta yang juga semestinya memiliki kualiti yang serupa, saya khawatir kita hanya akan membazirkan wang tanpa memiliki kemajuan yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah diberikan peruntukan sebanyak RM2.3 bilion bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur. Namun kebanyakan daripada projek-projek tersebut adalah projek sambungan seperti Jalan Tenom-Sipitang dan Jalan Sapulut-Kalabakan. Projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu adalah sesuatu yang telah ditunggu-tunggu tetapi berdasarkan pelan pembangunan yang telah diisytiharkan ia hanyalah melibatkan penambahan empat *aerobridge*.

Seperkara lagi, bagaimanakah untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek-projek di negeri Sabah kerana berdasarkan kepada rekod peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelapan sehingga kini ialah sebanyak RM13.4 bilion. Namun sehingga kini apa yang dilaksanakan ialah hanya 56.8% atau RM7.2 bilion sahaja yang telah dilaksanakan. Jika alasan kelambatan kontraktor yang menjadi masalah kenapakah kontraktor yang dilantik itu adalah daripada mereka yang tidak mempunyai kebolehan dan tidak mempunyai kemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia telah menjadi sebuah negara yang berjaya dan ternama kerana sebahagiannya adalah berpunca daripada kemantapan dasar luar negaranya. Kebolehan kita mengendalikan diplomasi dan usaha menjalin persahabatan serta kerjasama dengan negara lain telah mengelakkan Malaysia secara langsung terlibat dalam konflik dan peperangan.

Peperangan dan konflik bersenjata sudah tentu menjadi satu pengalaman yang mahal dan tragik. Peperangan Iran-Iraq pada tahun 1990-1998 di antara dua negara yang berjiran misalnya telah mengorbankan ratusan ribu nyawa yang tidak berdosa dan perbelanjaan dan kerugian akibat perang berbilion ringgit banyaknya. Akibat yang besar ini menyedarkan kita betapa perlunya kita mencari penyelesaian segera terhadap kesemua konflik dan pertikaian negara khususnya dengan negara-negara jiran kita.

Sebagai sebuah negara yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara, kita bermasalah dengan boleh dikatakan dengan kesemua jiran-jiran sama ada yang melibatkan soal tuntutan bertindih dan masalah sempadan mahupun masalah

pemisahan. Tuntutan bertindih berlaku di antara kita dengan Singapura, Brunei, Indonesia dan Filipina. Manakala masalah pemisahan wilayah yang melibatkan *spill over effect* ke negara kita ialah dengan Indoneisa yang melibatkan soal Aceh, selatan Filipina dan juga Selatan Thailand. Demikian juga *cross border terrorism*, apa yang berlaku di negara jiran kita akan memberikan kesan kepada kita dan imej kita sebagai pekongsi wilayah Asia Tenggara akan turut tercemar.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengemukakan laporan secara berkala kepada Parlimen contohnya berkaitan pertikaian kita dengan Singapura. Apakah kemajuan yang telah dicapai selain daripada mengumumkan bahawa perhubungan kita dengan Singapura sudah menjadi *warmer and friendlier*. Apa yang kita nampak hanyalah kemajuan Temasek Holding menguasai Alliance Bank Berhad dan memiliki saham di beberapa GLC kerajaan seperti Proton dan Telekom sedangkan kemajuan yang memihak kepada kepentingan Malaysia khususnya berkaitan dengan rundingan bekalan air, pembinaan jambatan, CPF dan beberapa isu lain masih belum menampakkan kemajuan yang konkrit.

Demikian juga perhubungan kita dengan Indonesia. Penahanan dua orang kakitangan KPNG di Sulawesi baru-baru ini atas alasan penyalahgunaan visa dan beberapa rakyat dan beberapa rakyat Malaysia dari Sabah di sempadan Malaysia-Indonesia di Kalimantan adalah bukti bahawa Indonesia mungkin *sour grape* dan berdendam dengan kita berkaitan dengan isu di Sipadan dan Ligitan dan pertikaian konsesi minyak di Lautan Sulawesi yang dikenali sebagai Pulau Ambalat.

Indonesia juga telah menuduh syarikat-syarikat perladangan Malaysia yang bertanggungjawab terhadap pembakaran terbuka di Wilayah Indonesia sehingga menyebabkan masalah jerebu yang teruk yang berlaku baru-baru ini. Adakah benar tuduhan ini? Apakah langkah-langkah yang telah diambil secara bilateral untuk memperbaiki hubungan yang sentiasa terganggu ini dan apakah usaha yang telah dibuat untuk menyelesaikan isu Ambalat yang kaya dengan minyak itu. Adakah persetujuan telah dibuat untuk misalnya melaksanakan *join exploration*.

Tuan yang di-Pertua, seperkara lagi yang memerlukan penjelasan ialah berkaitan dengan *political asylum seekers* terhadap seramai 131 orang pelarian daripada selatan Thailand. Thailand nampaknya berkeras untuk meminta kita menghantar balik mereka dan mengemukakan pelbagai tuduhan terhadap kita seolah-olah kita melindungi musuh mereka.

Kita berharap satu penyelesaian yang rasional dan wajar dapat dibuat untuk memastikan pelarian ini mendapat ihsan dan pertimbangan keadilan yang sewajarnya. Malaysia selaku Pengerusi OIC dan NAM haruslah memainkan peranan yang sewajarnya untuk membantu penyelesaian konflik di Selatan Thailand untuk mengelak pertikaian ini tidak diambil sebagai alasan oleh kuasa-kuasa besar untuk mencampuri keselamatan wilayah ini dengan menggunakan alasan global *fight against terrorism* sebagai alasan. Saya khawatir jika tidak dapat ditangani ianya akan menjadi pusat konflik dan juga menjadi *fertile ground for terrorism activities* yang akan mengundang *refugees* ke negara kita.

Tuan yang di-Pertua, letupan bom yang telah berlaku sekali lagi di Bali, Indonesia beberapa hari yang lalu sekali lagi menunjukkan kita bahawa peperangan menghapuskan *terrorism* masih belum berakhir. Yang paling membimbangkan pasukan *terrorist* terbaru ini menggunakan kaedah *suicide bombers* yang kononnya didalangi dua orang rakyat Malaysia Dr. Azahari dan Nordin Mohamad Daud. Apa yang menghairankan beberapa hari daripada itu tidak kurang daripada 15 kedutaan di negara kita telah dikejutkan dengan pengiriman *mysterious material* yang sudah tentu menakutkan pegawai dan perwakilan kedutaan asing di negara kita.

Kita minta supaya perkara ini disiasat dengan mendalam kerana kita tidak mahu imej negara kita terjejas di mata dunia. Saya percaya insiden ini pasti dilaporkan di media-media luar negara dan saya pasti sedikit-sebanyak akan menjejaskan keutuhan kita sebagai sebuah negara perdagangan, pusat pelaburan dan destinasi pelancongan. Keperluan untuk mengekalkan *competitiveness* dan kemampuan Malaysia sebagai negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia juga adalah menjadi asas bagi Malaysia memiliki dasar luar negara yang mantap. Imej dan penonjolan kita di arena antarabangsa adalah penting untuk membolehkan pengusaha pedagang dan pelabur melihat imej positif dan berminat untuk berurusan dengan negara kita.

Oleh itu, adalah wajar sekiranya kedutaan-kedutaan kita di luar negara sentiasa diperkasakan. Cuma apa yang perlu diperjelaskan mengapakah semakin ramai ketua-ketua perwakilan dan duta-duta kita diberikan *extension of service*. Bukankah ini akan menghalang peluang pegawai-pegawai bawahan yang menunggu untuk mendapat kenaikan pangkat dan menjawat jawatan yang tinggi. Saya percaya kita memiliki ramai pegawai di kementerian yang layak dinaikkan pangkat dan mampu menjawat jawatan

yang penting tersebut tanpa sentiasa mengharapkan duta-duta yang telah bersara untuk meneruskan tugas.

Tuan yang di-Pertua, Malaysia telah melalui transformasi ekonomi yang drastic dan telah menjadi industri *power house* dalam bidang elektronik, mikroelektronik, petrokimia dan automobil. Bagaimanapun apa yang membimbangkan kita, kita masih bergantung harap kepada teknologi asing dan komponen yang diimport. Oleh itu, untuk membolehkan kita menjadi negara yang berjaya dalam ekonomi industri dan pengeluaran nilai tambah, kita memerlukan penglibatan aktif *local research and development company* ataupun institusi. Kita perlu meningkatkan *skill* atau kemahiran tenaga buruh kita, melatih lebih banyak pengurus-pengurus, jurutera dan saintifik *researches*.

Kita harus membuka seluas-luasnya kepada *post secondary education*. Selain daripada itu universiti dan IPT kita harus meningkatkan R&D dalam *scientific and technological field* yang bersifat *private sector driven* . dan bersifat *industrial friendly*. Universiti dan IPT harus digalakkan untuk mengkomersialkan R&D mereka dan dibenar membuat kerjasama dan *partnership* dengan industri untuk menggalakkan inovasi dan menjana sumber kewangan kepada universiti tersebut. Di negara kita kajian industri dan saintifik secara relatifnya adalah rendah berbanding dengan *population ratio* dan *pattern* yang ditauliahkan juga adalah rendah.

Apa salahnya kita meneruskan usaha bersungguh-sungguh memanggil saintis-saintis rakyat Malaysia di luar negara atau menyediakan *playing field* untuk mereka. Kerajaan juga boleh menggalakkan sektor perbadanan swasta merekrut *highly skilled foreigners* bekerja di Malaysia, sebagai contoh kita perlu menjemput saintis-saintis dari Iraq dan Palestin ke negara kita untuk terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang tertentu. Sebelum kejatuhan Iraq mereka memiliki *per capita scientist* teramai dan berkaliber. Demikian juga saintis-saintis dari Rusia dan India untuk bekerja dengan kita.

Satu sebab mengapa kebanyakan negara-negara maju mencapai kemajuan pesat, ialah kerana kesediaan mereka untuk mengambil golongan bijak pandai untuk membantu negara mereka berjaya. Amerika adalah contoh terbaik di mana *brain drain* adalah menjadi pemangkin kejayaan negara tersebut. Albert Einstein sendiri adalah penghijrah daripada Jerman ke Itali dan Taiwan, misalnya merekrut sekurang-kurangnya 60 saintis daripada India untuk berkhidmat dengan *research power house* nya, dalam

semua bidang dari bidang bioteknologi hinggalah kepada ICT. Dan demikian juga Singapura, mereka telah melakukannya secara aktif iaitu merekrut *skill scientist* daripada Asia dan luar Asia.

Tuan Yang di-Pertua, keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan pemuliharaan kepada alam sekitar atau *conservation of environment* yang diberikan dalam Bajet 2006 dengan penyediaan peruntukan sebanyak RM1.9 bilion adalah sesuatu yang menggembirakan. Kita harus belajar daripada negara-negara yang telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi seperti Australia, Germany, Jepun dan beberapa negara lain. Walaupun pembangunan fizikal telah menjadi asas kemajuan tetapi tanpa menyediakan pembangunan mampan terhadap alam sekitar, maka negara tidak akan menikmati kualiti hidup yang tinggi.

Bagaimanapun peruntukan tahun 2006 ini banyak ditumpukan kepada perlindungan alam sekitar khususnya projek penebatan banjir, perparitan dan pembedungan. Tidak ada perhatian diberikan secara *significant* kepada pemuliharaan *biodiversity* atau *diversity conservation*. Apa yang perlu menjadi perhatian ialah *forest conservation* yang menjadi sumber air. Paras air empangan-empangan kita semakin menghadapi ancaman yang membimbangkan akibat pembangunan yang tidak terancang dan merosakkan hutan dan alam sekitar.

Perlindungan hutan khususnya di kawasan tadahan hujan sebenarnya bukan lagi sesuatu yang *luxury*, tetapi adalah satu kemestian, sekiranya hutan-hutan kita sudah tidak wujud lagi, maka kos menyediakan air minuman yang selamat akan meningkat dengan begitu dramatik.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, kejayaan pembangunan bioteknologi negara kita juga banyak bergantung kepada pengurusan dan pemuliharaan *biodiversity* negara. Oleh itu kerajaan digesa pada masa-masa akan datang khususnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, menyediakan wang yang mencukupi untuk melakukan penyelidikan bioteknologi di samping menyediakan wang yang banyak bagi maksud *biodiversity conservation*. Terdapat pertalian yang erat di antara kedua-duanya, mungkin sudah terlambat apabila suatu ketika kita menyedari bahawa kita berharap

memiliki *storehouse of biological material*, tetapi sekiranya tanpa pengawasan yang selari, kekayaan bioteknologi negara telah pun hilang daripada hutan-hutan kita.

Oleh itu, kita harus menyediakan lebih ramai tenaga mahir yang *dedicated* dalam penyelidikan, mereka yang komited dalam produk *development* dan perundangan yang komprehensif khususnya bagi mengelak *bio-piracy* yang berlaku tanpa kita sedari. Pihak berkuasa kuarantin tumbuh-tumbuhan negara kita harus melipatgandakan usaha untuk menyekat tindakan khususnya yang dilakukan oleh saintis-saintis asing yang menceroboh hutan-hutan kita dan mendapat manfaat daripadanya sedangkan kita mengalami kerugian yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap apa pun yang telah dirancang, tetapi jika pelaksanaannya lemah dan sistem penyampaian kita tidak berkesan, maka segala-galanya akan menjadi hiasan dan dokumen di atas kertas. Apa yang penting ialah kecekapan pelaksanaan ahli-ahli politik selaku pembuat dasar hanya boleh merancang tetapi jika ianya gagal dilaksana, maka nampaknya usaha membangun negara kita akan terus tergendala. Dan rakyat selaku pemegang saham bagi negara ini tidak akan mampu menikmati hasil dan dividennya. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Penampang.

**5.56 ptg. .**

**Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Seputeh, saya pun sudah lama menunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Esok Yang Berhormat ada peluang.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2006. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih serta tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama kita atas satu bajet yang saya anggap matang dan praktikal.

Satu bajet yang bertema membina ketahanan menghadapi cabaran yang amat bertepatan, memandangkan rakyat Malaysia perlu mengharung ekonomi global yang semakin mencabar disebabkan terutama sekali oleh lonjakan harga minyak dunia. Tetapi pada masa yang sama ia juga satu bajet yang bertujuan untuk meningkatkan

kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Saya juga mengambil peluang ini untuk berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Puchong, Yang Berhormat dari Ketereh kerana menyokong Sabah dalam perbahasan-perbahasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai warga Malaysia dari Sabah, saya juga turut berterima kasih atas jumlah sebanyak RM2.3 bilion yang diperuntukkan kepada negeri tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa semua ini amatlah diperlukan, walau bagaimanapun jika nilai-nilai projek yang disebut secara spesifik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu, iaitu pembinaan jalan dari Sapulut ke Kalabakan yang bernilai kira-kira RM600 juta serta dari Sipitang ke Tenom yang bernilai kira-kira RM300 juta dan menaik taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang bernilai kira-kira RM1 bilion, serta pembesaran Universiti Malaysia di Sabah yang bernilai kira-kira RM100 juta dan Hospital Queen Elizabeth yang bernilai kira-kira RM300 juta. Jika semua nilai ini dijumlahkan ia sudah mencapai, kira-kira RM2.3 bilion.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian, apakah lagi jumlah yang tinggal untuk melaksanakan projek-projek penyediaan bekalan air dan elektrik serta pembinaan sekolah-sekolah baru? Dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Kemaman dan Yang Berhormat dari Tuaran yang mengatakan, bertanya manakah *priority*nya peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Sabah ini? Adakah saluran yang lain?

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, jika sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah projek-projek ini akan diberi kepada syarikat-syarikat tempatan Sabah seperti yang disaran oleh Yang Berhormat dari Kalabakan pagi tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang paling penting adalah peruntukan dibawa ke negeri Sabah untuk pembangunan yang sangat-sangat diperlukan. Akan tetapi peluang untuk syarikat-syarikat tempatan di negeri tersebut amat tipis dan tidak wujud sekali apabila memohon atau mengikut harga projek-projek besar kerajaan yang dilaksanakan di negeri tersebut.

Tambahan pula apabila syarikat-syarikat dari luar Sabah melaksanakan kerja-kerja mega ini terutama sekali dalam sektor pembinaan, mereka tidak mengambil bekalan atau bahan pembinaan dari pembuat-pembuat atau pembekal-pembekal tempatan, malah mereka lebih suka untuk membawa bahan-bahan pembinaan dari luar negeri tersebut. Keadaan ini amat ketara dan telah berlangsung sekian lama dan ini

telah menjejaskan kedudukan syarikat-syarikat tempatan dalam sektor pembinaan serta juga dalam sektor-sektor pembuatan dan pembekalan di negeri Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sambung esok.

**Tuan Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.***